


**Jilid I
Bil. 35**



**Hari Jumaat
27hb Disember, 1991**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4837]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 4906]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peratur
Mesyuarat [Ruangan 4936]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S. (Dilantik).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).
- „ TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL, A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak)
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., (Dilantik).
- „ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UN DAN, B.S.K. (Sabah).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).

- „ PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.N.M., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATUK TAN GIM HUA, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).
- „ DATO' VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DERUS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Linah binti Sakimin.

Amad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 27hb Disember, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN—
PERTANYAAN**

**LAPORAN TAHUNAN
BADAN-BADAN
BERKANUN—PENYEDIAAN**

1. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kewangan menyatakan didapati banyak pembaziran dalam pengeluaran Laporan Tahunan Badan-Badan Kerajaan dengan menggunakan kertas bermutu tinggi, teknik cetakan yang canggih dan berwarna-warni sedangkan kandungan menunjukkan komen oleh Ketua Audit Negara yang tidak menyenangkan. Mengapa pihak Kementerian tidak menyeragamkan format untuk mengelakkan pembaziran ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, penyediaan Laporan Tahunan Badan-Badan Berkanun adalah dikehendaki oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 yang menetapkan supaya laporan itu disiapkan dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangannya. Tujuan Laporan Tahunan ialah untuk membentangkan pencapaian aktiviti dan juga penyata kira-kira Badan-

Badan Berkanun bagi tahun berkenaan. Di samping memenuhi tanggungjawab yang ditetapkan oleh undang-undang, kebiasaannya Laporan Tahunan juga menjadi suatu bahan promosi bagi memperkenalkan aktiviti dan prestasi Badan Berkanun berkenaan kepada bakal-bakal pelabur dan institusi kewangan yang memberi pinjaman kepada agensi tersebut.

Sebagai bahan promosi, Laporan Tahunan perlulah dicetak dalam bentuk yang menarik, tetapi mestilah mempunyai fakta-fakta yang tepat dan menggambarkan sebenarnya kemampuan serta prestasi agensi tersebut.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengeluarkan dua pekeliling kepada agensi-agensi Kerajaan bagi menjelaskan bagaimana Laporan Tahunan agensi sewajarnya disediakan. Kedua-dua pekeliling tersebut menekankan penyediaan Laporan Tahunan dari segi isi kandungannya. Sungguhpun demikian, tanggungjawab untuk memastikan tidak berlaku sebarang pembaziran adalah terletak kepada Ketua Eksekutif agensi tersebut.

Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika pembaziran berlaku dalam percetakan Laporan Tahunan agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

HIGH-TECH INDUSTRIAL ESTATE

2. **Tuan Ding Seling** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah Kawasan-kawasan Industri Berteknologi Tinggi (High-Tech Industrial Estate) yang akan diwujudkan di Malaysia dan di mana. Sila senaraikan lokasi-lokasi yang akan diwujudkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat 3 kawasan Perindustrian High Tech telah dirancang iaitu:

- (i) sebuah di Kulim dipanggil Kulim High-Tech Industrial Park.
- (ii) sebuah di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dipanggil Taman Teknologi Malaysia; dan
- (iii) sebuah di Johor Bahru.

Kawasan-kawasan Perindustrian High-Tech telah dirancang bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang sesuai bagi menggalakkan pembangunan industri-industri berteknologi tinggi.

Objektif kawasan-kawasan Perindustrian High-Tech adalah di antara lain untuk:

- (i) mendorong usaha, dengan izin, Research & Development tempatan.
- (ii) menggalakkan pembangunan industri-industri berasaskan teknologi atau dengan izin, technology-based industries; dan
- (iii) menyediakan Perkhidmatan Gunasama atau, dengan izin,

Common User, bagi pembangunan industri kecil dan sederhana yang berteknologi tinggi.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Merujuk kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan tiga kawasan yang telah diadakan di Kedah, Johor dan Wilayah Persekutuan, adakah Kementerian bercadang mewujudkan kawasan Industri Berteknologi Tinggi di Melaka? Sekiranya pihak swasta membangunkan satu Kawasan Industri Berteknologi Tinggi, adakah Melaka akan mendapatkan galakan ataupun insentif daripada pihak Kerajaan?

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada beberapa kawasan-kawasan Perindustrian Teknologi Tinggi yang telahpun dibangunkan oleh pihak swasta dan jika pihak Kerajaan Melaka berminat untuk mewujudkan satu kawasan, kita akan membantu.

KAD KREDIT

3. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebebasan dan penggunaan banyak kad-kad kredit adalah fakta yang sangat penting bagi sebab inflasi dan adakah Kerajaan berkeinginan untuk mengenakan suatu penentuan atas kadar faedah yang boleh dicajkan oleh Institusi-institusi Kewangan yang mengeluarkan kad-kad kredit.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama telahpun saya beri pada 18 Disember semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba dan juga pada 26hb Disember semasa menjawab soalan Tuan K. Vijayanathan, maka.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Saya tidak ada jawapan tambahan.

PROTON—ALAT-ALAT GANTI KERETA

4. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyakkah syarikat-syarikat bumiputera yang terlibat di dalam pembuatan alat-alat ganti kereta sebagai pembekal kepada syarikat EON. Jika sekiranya kurang daripada 30%, bagaimana cadangan Kementerian bagi menambah angka tersebut.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembuatan komponen automotif adalah pembekal kepada Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON), bukan EON.

Sehingga 30hb November, 1991 terdapat 87 buah syarikat pembuat dan pembekal komponen kepada PROTON dan dari jumlah ini 44 buah syarikat atau 51% adalah syarikat bumiputera dengan mempunyai lebih 51% ekuiti pegangan bumiputera.

Kerajaan sentiasa menggalakkan lebih banyak lagi syarikat bumiputera terutama melalui usahasama dengan syarikat-syarikat bukan bumiputera atau syarikat asing untuk menceburi industri pembuatan komponen otomotif yang berteknologi dan bernilai tinggi pada masa hadapan.

Satu-satunya usaha untuk menggalakkan pembuatan komponen otomotif oleh syarikat bumiputera ini ialah melalui Skim Komponen PROTON, di mana Kerajaan dengan kerjasama PROTON memberi bantuan geran kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berkeupayaan untuk

membuat dan membekal komponen otomotif untuk PROTON. Di bawah Skim ini, syarikat bumiputera diberi bantuan sehingga \$1 juta untuk menampung sebahagian daripada kos projek. Sebanyak \$11 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan skim ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Di antara komponen-komponen yang akan dibangunkan ialah komponen bernilai dan berteknologi tinggi seperti, dengan izin, gear shift lever, piston, clutch dan engine and transmission parts.

SEKOLAH RENDAH—BILANGAN

5. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) bilangan sekolah rendah yang akan didirikan di Negeri Sembilan Darul Khusus dalam Rancangan Malaysia ke 6 mengikut pecahan:

(i) Sekolah Rendah Kebangsaan.

(ii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C)

(iii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T)

(iv) Sekolah Menengah;

(b) apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk memilih tapak baru untuk membina sekolah-sekolah rendah ini; dan

(c) apakah langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengatasi kesesakan sekolah rendah dan menengah di Bandar Seremban dan Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah yang akan dibina di negeri Sembilan dalam tempoh

Rancangan Malaysia Keenam ialah sejumlah 118 buah sekolah.

Jenis sekolah berkenaan mengikut pecahan adalah seperti berikut:

- (i) Sekolah Kebangsaan 43 buah
- (ii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) 8 buah
- (iii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) 3 buah
- (iv) Sekolah Menengah 64 buah

(b) Tapak-tapak baru dipilih berdasarkan perakuan Jabatan Pendidikan Negeri mengikut keperluan dan keputusan projek-projek berkenaan. Hanya tapak-tapak yang sesuai dan tiada sebarang halangan daripada Jabatan-jabatan Teknikal sahaja yang akan dipohon.

(c) Kementerian menyedari terdapat sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai bagi satu-satu bilik darjah bukan sahaja di Seremban dan Kuala Lumpur tetapi di bandar-bandar yang lain, malah ada yang mempunyai nisbahnya 1:40 hingga 1:45 bilangan bilik darjah dan pelajar. Bagi mengatasi Perkara ini, Kementerian Pendidikan telahpun membina bilik-bilik darjah tambahan segera dan usaha ini akan diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam yang akan datang agar perancangan untuk menjadikan nisbah bilik darjah dan pelajar kepada 1:35 tercapai.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma hendak tahu adakah apa-apa rancangan yang positif terhadap pindaan sebuah sekolah SRJK(C) di Jempol, Negeri Sembilan yang hanya tinggal 9 orang murid. Di antaranya, 6 orang murid adalah kaum India. Adakah

Kementerian memindahkan sekolah tersebut ke tempat yang sesuai atau mengekalkan begitu sahaja?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini begitu spesifik mengenai sebuah sekolah. Jikalau Yang Berhormat boleh menghantarkan maklumat, kami akan bertindak sewajarnya.

MENUKAR KAD PENGENALAN LAMA

6. Tuan Ho Cheng Wang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa orang telah menukar kad pengenalan lama mereka kepada kad pengenalan bermutu tinggi dan kadarnya sehingga masa setakat ini; dan
- (b) adakah Kementerian sedar atau tidak, mengapa bahagian pendaftaran mengambil masa panjang untuk mengeluarkan salinan carian sijil beranak dan kematian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pemohon yang menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru (KPT) sehingga 15hb Disember, 1991 ialah sebanyak 719,939, iaitu pada kadar 6% daripada jumlah keseluruhan yang layak.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara tidak ada mengeluarkan salinan carian sijil beranak dan mati. Apa yang Jabatan mengeluarkan ialah cabutan sijil beranak dan mati. Pengeluaran cabutan sijil beranak atau kematian mengambil masa lebih kurang satu jam sahaja. Walau bagaimanapun, keputusan carian sijil kelahiran dan kematian

yang dipohon terus melalui kaunter Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara akan dikeluarkan dalam tempoh satu minggu, kerana pemohon tidak dapat memberi maklumat yang tepat mengenai kelahiran dan kematian tersebut.

PROGRAM BELIA KE ARAH WAWASAN 2020

7. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program-program yang dijalankan dalam tahun 1991 untuk menyediakan belia-belia kita ke arah Wawasan 2020. Adakah pihak Kementerian menggalakkan supaya belia-belia berpersatuan dan apakah langkah-langkah yang diambil.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum, Wawasan 2020 adalah merupakan satu visi jangka panjang yang di dalamnya akan melibatkan perancangan dan pembentukan berbagai aspek kehidupan seluruh rakyat dan warganegara Malaysia. Atas dasar tersebut, perancangan Kementerian Belia dan Sukan tidaklah kepada program-program yang khusus sahaja, tetapi sebaliknya pada pertengahan tahun 1991 Kementerian telah menggubal apa yang dipanggil Program Induk Belia Negara yang menggariskan 10 program utama yang tujuan asasnya ialah untuk menentukan program-program yang dijalankan oleh Kementerian menepati hasrat dan tujuan ke arah pencapaian Wawasan 2020 itu.

Program-program Malaysia Cergas, Malaysia Cemerlang, Malaysia Patriotik, Malaysia Harmoni, Malaysia Mahir, Malaysia Mulia, Malaysia Maju, Malaysia Sejagat, Malaysia Prihatin dan Malaysia Berbudaya adalah sebahagian daripada rangka

program yang diintegrasikan dengan kesemua sekaliannya adalah bertujuan ke arah pembentukan sikap kemahiran di kalangan para belia agar dapat memenuhi Wawasan 2020. Kementerian ini memang menggalakkan supaya belia menyertai persatuan-persatuan dan pelbagai langkah telahpun diambil ke arah tersebut. Kementerian menyedari pada masa ini terdapat sikap dingin di kalangan sebahagian daripada para belia untuk menyertai persatuan-persatuan.

Justeru itu, kita mulai tahun hadapan akan merangka program-program baru dan bantuan-bantuan akan diubahsuai, termasuklah untuk mengadakan pusat setempat di setiap negeri di mana Majlis Belia Negeri akan diberikan kemudahan bantuan kakitangan dan peralatan yang boleh digunakan oleh kesemua persatuan-persatuan.

Selain daripada itu, kursus-kursus asas kepimpinan di peringkat daerah akan diteruskan dan juga program-program rekreasi dan membina ketahanan diri dan juga usaha untuk menarik minat penyertaan dalam kegiatan belia akan diteruskan.

Selaras dengan gerakan budaya kerja cemerlang di ketiga-tiga sektor, di sektor sosial juga gerakan memupuk budaya kerja cemerlang dalam persatuan-persatuan akan diteruskan dan ini secara langsung akan menggalakkan belia berpersatuan secara sistematik.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan kepada Yang Berhormat. Semasa Yang Berhormat menjawab soalan tadi, beliau menyebut dewasa ini begitu dingin sambutan belia untuk memasuki persatuan. Saya ingin tahu adakah mereka ini dingin untuk menyertai kerana terlalu banyak politicking dalam persatuan? Jika ada politicking, apakah cara Kementerian

Belia dan Sukan untuk mengatasinya supaya belia-belia ini jangan campur sangat dalam politik. Kalau hendak campur pun, biarlah politik yang memberikan kesedaran kepada rakyat dan bukan untuk menjahanamkan rakyat.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Pada tahun 1987, 1988 dan 1989, memang ada tanda-tanda persatuan belia terlibat secara langsung dalam kegiatan-kegiatan yang boleh ditafsirkan sebagai politicking tetapi menjelang akhir tahun 1991, keadaan telah ternampak tenteram dan damai dan, insya Allah, kita akan terus memberi nasihat supaya persatuan belia tidak dipolitikkan, dan tokoh-tokoh yang ghairah mempolitikkan persatuan belia pun nampaknya mula tidak mendapat tempat di kalangan pemimpin.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah menjawab iaitu ada 10 program ataupun PIBN yang telah dirancangan. Program yang manakah ditekankan buat masa ini ataupun adakah semua sekali dapat dijalankan serentak?

Tuan Haji Annuar bin Musa: Bila kita tekan, kita tekankan semua. (*Ketawa*)

PENCEROBOHAN OLEH NEGARA JIRAN

8. Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kepada pihak negara jiran yang telah mencero bohi ruang udara Malaysia sepertimana yang telah kita semua maklum; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian

Pertahanan serta jaminan agar perkara sebegini tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya tidak pernah berlaku sebarang pencerobohan sama ada di darat, udara dan juga laut oleh pihak negara jiran sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.
- (b) Negara amnya dan Angkatan Tentera Malaysia khasnya sentiasa berwaspada dan mengawasi pergerakan tentera asing yang menghampiri sempadan negara. Tambahan pula, Angkatan Tentera Malaysia mempunyai keupayaan untuk mematahkan sebarang bentuk pencerobohan.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Bagaimana dengan pencerobohan oleh askar-askar Thai di utara mengenai dengan mencuri barang-barang makanan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sebegini adalah di bawah pengawasan Kementerian Dalam Negeri, tidak di bawah Kementerian Pertahanan ataupun pengawasan Angkatan Tentera Malaysia.

Bagi istilah "pencerobohan angkatan tentera" ialah sebarang gerakan tentera asing untuk menawan negara ini ataupun menakluki negara ini. Kalau sekiranya tiga empat orang—sama ada Polis ataupun askar ataupun rakyat asing masuk ke negara kita, itu di bawah bab lain, iaitu Kementerian Dalam Negeri di mana mereka diistilahkan sebagai memasuki negara ini tanpa mempunyai dokumen yang sah, bukan pencerobohan.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah alat-alat, dengan izin, "air warning order" kita itu berkualiti dan mencukupi untuk menentukan tidak ada pencerobohan sungguhpun buat masa sekarang belum ada lagi?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, memang benarlah pada ketika ini kita tidak mempunyai peralatan yang cukup canggih untuk mengetahui tentang pencerobohan, terutamanya di udara. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah meluluskan, malahan kontrak telah ditandatangani oleh Kerajaan kita untuk pembelian Radar yang bermutu tinggi sebagai meningkatkan keupayaan kita dari segi mengetahui pencerobohan, terutamanya di ruang udara, iaitu dengan pembelian projek yang dinamakan Matello Radar yang akan kita pasang dan juga digunakan tidak berapa lama lagi kita untuk pembelian Radar yang bermutu tinggi sebagai meningkatkan keupayaan kita dari segi mengetahui pencerobohan, terutamanya di ruang udara, iaitu dengan pembelian projek yang dinamakan Matello Radar yang akan kita pasang dan juga digunakan tidak berapa lama lagi.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada soalan Yang Berhormat Senator Mustapa tadi, adakah perkara ini berlaku kerana kurangnya askar-askar ditempatkan di sempadan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan di kawasan entry point, dengan izin, iaitu kawasan yang kita buka sempadan seperti di Golok dan juga di Padang Besar di sini

adalah pengawasan sepenuhnya oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Polis, Kastam dan lain-lain agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Di kawasan-kawasan seperti ini iaitu entry point kita tidak meletakkan pengawasan tentera melainkan di sempadan-sempadan yang mempunyai operasi. Misalannya di sempadan yang sama juga dengan Thailand, kita ada operasi di kawasan-kawasan umpamanya Lebuh raya Timur-Barat, di situ kita menjaga pencerobohan daripada tentera asing, tidak di entry point, dengan izin, seperti yang saya sebutkan tadi.

PENCEROBOHAN BOT NELAYAN ASING

9. Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa cadangan hendak mengadakan penjara bot di selatan Pelabuhan Perikanan Cendering, Terengganu atau di tempat lain bilakah akan dilaksanakan bagi mengatasi kesesakan pendaratan bagi para nelayan di pelabuhan tersebut lantaran gangguan bangkai bot-bot Thailand yang disadaikan di kawasan pelabuhan berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memandang serius tentang pencerobohan bot-bot nelayan asing di dalam perairan negara ini demi untuk menjaga kepentingan nelayan tempatan. Hasil dari tindakan tegas yang diambil oleh Kementerian dalam tahun ini sahaja sebanyak 157 buah bot asing telah ditangkap. Dengan tertangkapnya bot-bot asing yang menceroboh ke dalam perairan negara ini, sudah tentu ia telah menimbulkan sedikit masalah kepada nelayan tempatan dari segi kesesakan di pelabuhan-pelabuhan pendaratan ikan, terutamanya di Pengkalan Chendering, Terengganu.

Bagi bot-bot asing yang telah ditangkap dan dihukum rampas oleh Mahkamah, Kementerian telah mengambil tindakan melupuskannya dengan berbagai cara mengikut kesesuaian. Bagi bot-bot yang dalam keadaan baik, Kementerian telah melelongkannya secara terbuka kepada mereka yang berdaftar dengan Perbadanan Pelancongan Malaysia bagi tujuan pelancongan atau kepada mereka yang telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Laut untuk dijadikan bot kargo. Selain dari itu Kementerian juga telah menyerahkan bot-bot tersebut kepada agensi-agensinya Kerajaan untuk kegunaan rasmi seperti TLDM, Pasukan Petugas VII, Bulan Sabit dan lain-lain lagi. Bagi bot-bot yang berada dalam keadaan kurang baik, ia dijadikan tukun tiruan di beberapa tapak yang telah dikenalpasti.

Penjara bot merupakan langkah yang terakhir dalam usaha Kementerian untuk melupuskan bot-bot tersebut. Untuk tujuan itu, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian telahpun memulakan projek Pusat Tahanan Vesel/Peralatan menangkap ikan di Selatan Pelabuhan Chendering, Terengganu dan menguji sistem menaikkan bot ke darat dan sistem tersebut didapati berkesan. Projek yang bermula dalam tahun 1991 dijangka siap dalam tahun 1994 yang merangkumi setor menyimpan peralatan dan kawasan penjara yang berpagar yang keselamatannya terjamin.

PESARA YANG MASIH HIDUP

10. Jen(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Seth minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaiakah angka orang-orang yang pencen yang masih hidup;
- (b) apakah keistimewaan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada mereka; dan

- (c) tidakkah patut khususnya kepada orang-orang pencen yang telah berumur 60 tahun ke atas diberi kecualian daripada membayar cukai dan sebagainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, setakat 30hb November tahun ini terdapat seramai 160,260 pesara yang masih hidup. Keistimewaan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada pesara-pesara adalah seperti berikut:

- (i) Pesara, isteri dan anak-anak mereka yang berumur kurang dari 21 tahun adalah layak mendapat kemudahan rawatan perubatan percuma di hospital dan klinik Kerajaan. Bagi kemasukan ke hospital Kerajaan, mereka hanya perlu membayar caj wad pada kadar separuh daripada caj yang ditetapkan bagi pegawai-pegawai setaraf yang sedang berkhidmat. Walau bagaimanapun, pesara yang menerima pencen kurang daripada \$180 sebulan, caj wad adalah dikecualikan bagi diri, isteri dan anak-anak mereka yang berumur kurang daripada 21 tahun.
- (ii) Pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM) memberi kemudahan tambang murah kepada kadar 50% kepada pesara-pesara yang menggunakan perkhidmatan keretapi.
- (iii) Pihak Penerbangan Malaysia MAS juga menyediakan kemudahan yang sama iaitu pada kadar 50% kepada pesara-pesara yang menggunakan perkhidmatan MAS penerbangan dalam negeri.
- (iv) Ganjaran dan pencen yang dibayar kepada pesara-pesara yang bersara wajib pada umur

55 tahun adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Bagi pesara-pesara yang memilih bersara atas pilihan sendiri, mereka tidak dikenakan cukai pendapatan atas pencen mereka apabila mereka mencapai umur 55 tahun.

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah betul umur 65 tahun ke atas diibaratkan sebagai senior citizen, dengan izin? Kalau betul, adakah keistimewaan kepada senior citizen itu lebih daripada apa keistimewaan-keistimewaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti tentang umur 65 tahun ini, tetapi saya biasa dengar berkenaan dengan senior citizen.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 160,260 pesara ini, berapa banyakkah Kerajaan membelanjakan untuk satu bulan?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana angka ini tidak ada pada saya pada masa ini. Insya Allah kita akan berikan melalui secara bertulis.

PROJEK HIDRO ELEKTRIK PERGAU

11. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan Kelantan ada satu projek raksaksa iaitu projek Hydro-dam di Pergau yang sepatutnya 30% daripada projek itu diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk mengendalikannya. Walaupun banyak

perbincangan-perbincangan telahpun dibuat dengan pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan projek itu pihak kontraktor bumiputera di Kelantan dan lain-lain negeri belum lagi mendapat kepastian untuk melaksanakannya. Tidakkah wajar bagi pihak Kerajaan untuk memberi tekanan supaya projek itu dapat dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor tempatan.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Hidro Elektrik Pergau di Jeli, Kelantan telah diberikan untuk pelaksanaannya secara complete turnkey, dengan izin, kepada Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. pada 14hb Januari 1991. KBBC adalah syarikat usahasama diantara sebuah syarikat bumiputera dan sebuah syarikat British.

Bagi projek ini Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah diberi pinjaman sebanyak 305 juta atau \$1,345 juta dengan kadar faedah istimewa sebanyak 0.809% yang merupakan dalam sejarah TNB satu kadar faedah yang terendah sekali. Kadar faedah yang istimewa ini diperolehi hasil dari hubungan yang rapat di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Great Britain.

Memandangkan kontrak ini adalah satu kontrak turnkey khas dan kontraktor merupakan sebuah syarikat bumiputera yang berusahasama dengan sebuah syarikat British, Kerajaan Malaysia tidak dapat menetapkan syarat-syarat khas bagi pengagihan kerja-kerja sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah meminta kontraktor berkenaan untuk memberi kerja-kerja sub-kontrak kepada kontraktor tempatan termasuk kontraktor-kontraktor bumiputera.

Selaras dengan permintaan ini kontraktor utama tersebut setakat ini telah melantik 33 kontraktor tempatan dan 3 kontraktor luar negeri bagi melaksanakan kerja-kerja sub-kontrak.

Ingin saya memaklumkan di sini bahawa daripada 33 sub-kontrak, 13 adalah kontraktor dari negeri Kelantan dengan jumlah harga sub-kontrak sebanyak \$9.2 juta. Jumlah harga sub-kontrak kepada 20 sub-kontrak tempatan lain-lain negeri ialah \$45.04 juta. Pengagihan sub-kontrak selanjutnya bergantung kepada kemajuan jadual kerja keseluruhan projek.

PEKERJA ASING

12. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memadangkan negara kita bergantung sebahagian besarnya kepada tenaga buruh asing di sektor perindustrian, perladangan dan pembantu rumah, sehingga ekonomi dan pembangunan negara boleh disekat oleh mereka kalau mereka pulang beramai-ramai ke negeri-negeri asalnya, apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah terlalu bergantung kepada tenaga buruh asing di

- (i) sektor pembinaan;
- (ii) sektor perladangan;
- (iii) pembantu rumah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sebahagian besar pekerja-pekerja di sektor pembinaan, perladangan dan pembantu rumah adalah pekerja asing dan kita terlalu bergantung kepada mereka. Sektor-sektor ini mengalami kekurangan pekerja hanya dalam tempoh perkembangan ekonomi yang pesat di kebelakangan ini. Masalah kekurangan tenaga pekerja timbul

hanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Lembah Kelang, Melaka, Johor Bahru dan Pulau Pinang serta di ladang-ladang yang jauh terpencil di mana penduduk setempat tidak berminat untuk bekerja di ladang-ladang tersebut. Untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja di sektor pembinaan, sektor perladangan dan pembantu rumah, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) menggerakkan tenaga kerja dari kawasan yang mempunyai ramai tenaga buruh ke kawasan yang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja melalui skim mobiliti buruh. Bagi menjayakan skim ini, majikan-majikan adalah dikehendaki menyediakan kemudahan tempat tinggal dan pengangkutan kepada pekerja-pekerja tersebut;
- (ii) membantu majikan mendapatkan pekerjaan daripada kawasan-kawasan yang mempunyai lebih tenaga pekerja seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang;
- (iii) menggesa majikan-majikan memberikan kadar upah dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik bagi menarik minat mereka untuk bekerja di sektor ladang dan sektor perindustrian;
- (iv) memperbaiki taraf perumahan pekerja dan kemudahan asas di ladang-ladang untuk meningkatkan taraf kualiti hidup pekerja-pekerja ladang melalui penguatkuasaan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Asas Tahun 1990;
- (v) membantu majikan-majikan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi pekerja ladang menerusi penyediaan infra-

struktur dan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, sekolah, pusat-pusat kesihatan dan jalanraya di kawasan-kawasan persekitaran ladang;

- (vi) menambah kerja lebih masa daripada 64 jam kepada 104 jam sebulan bagi membolehkan majikan-majikan meningkatkan kapasiti pengeluaran melalui syif tambahan;
- (vii) mengecualikan penduduk-penduduk tetap dan pemegang-pemegang kad pengenalan merah daripada mendapatkan permit kerja di bawah Akta Sekatan Kerja 1968.

KADAR INFLASI

13. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada inflasi akan meningkat kerana kenaikan gaji kakitangan awam yang berjumlah 880,000 orang; dan jika ya, apakah tindakan susulan untuk mengatasinya supaya rakyat miskin tidak menerima beban inflasi ini.

31.12.91

34. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kesan-kesan terhadap ekonomi negara akibat menaikkan gaji bagi kakitangan Kerajaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan usaha-usaha diambil bagi memastikan keadaan kadar inflasi tidak meningkat.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan yang sama daripada Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan pada 31hb Disember.

Kadar inflasi di negara kita telah meningkat sedikit tahun ini dan kini mencapai kadar 4.4% iaitu untuk 10 bulan pertama tahun ini berbanding dengan 2.2% pada tempoh yang sama tahun lalu. Beberapa faktor mempengaruhi kenaikan harga ini. Antaranya ialah kenaikan kos pengeluaran, peningkatan permintaan agregat serta pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Untuk mengurangkan tekanan inflasi akiba kenaikan paras upah sektor awam, Kerajaan telah mengambil keputusan membayar tunggakan gaji secara berperingkat-peringkat seperti berikut:

1992

Mac	-	\$880.92 juta
November	-	\$430.13 juta

1993

April	-	\$220.76 juta
Ogos	-	\$ 32.46 juta

Di samping itu, Belanjawan tahun hadapan telah mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan tabungan dengan mengurangkan perbelanjaan. Di antaranya termasuklah menaikkan tahap pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diperolehi daripada akaun simpanan iaitu daripada \$5,000 kepada \$50,000.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kenaikan harga akan membebankan rakyat khususnya golongan miskin. Oleh itu, Kerajaan akan erus mengawasi keadaan harga dan mengawal dengan lebih ketat lagi harga barang-barang keperluan yang diletakkan di bawah senarai kawalan dan juga senarai pengawasan harga.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengurangkan inflasi, Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan telahpun memulakan satu kempen

“buy Malaysian, be Malaysian”, dengan izin. Adakah apa-apa kesan daripada kempen itu?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kempen ini sudah dilaksanakan beberapa tahun yang lalu. Sepanjang pengetahuan saya kempen ini sudah berkesan. Dalam pada itu sepertimana yang kita sedia maklum, ini tidak boleh menyekat sepenuhnya import barang-barang, kerana ada di antara barang-barang itu merupakan barang keperluan untuk memenuhi keperluan sektor swasta yang pesat berkembang khususnya pelaburan swasta. Tetapi pada umumnya kempen membeli barang-barang tempatan ini telah berjaya.

KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA

14. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada wujudnya Khor Agama di Mindef dapat menyemai sifat berani untuk mempertahankan tanah air atau semangat setiakawan yang sejati di kalangan askar-askar kita.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kor Agama Angkatan Tentera atau singkatnya KAGAT ditubuhkan pada 19hb April, 1986. Peranan dan tugas utama penubuhannya adalah seperti berikut:

- (i) memberi bantuan kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan semangat keperwiraan anggota tentera selaras dengan matlamat perjuangan Angkatan Tentera Malaysia;
- (ii) mengembangkan syiar Islam bermaksud meninggalkan sifat setia kawan dan kestabilan institusi keluarga anggota-anggota selaras dengan kehendak Angkatan Tentera.

Program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Khemah Ibadat,
- (b) Kursus Kekeluargaan Islam,
- (c) Kursus Saudara baru,
- (d) Tadarus dan Khatam Al-Quran,
- (e) Sambutan Hari Kebesaran Islam,
- (f) Muzakarah Pegawai Angkatan Tentera Malaysia,
- (g) Kursus Pengurusan Jenazah, dan
- (h) Kursus Imam Pegawai Tentera.

Di samping program di atas para anggota tentera juga didedahkan dengan ilmu-ilmu keIslaman yang merangkumi Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah melalui kelas pengajian formal dan pengajian tidak formal.

KAGAT juga telah merangka dan merencanakan berbagai dasar Islam yang dikira dapat membantu menjayakan segala matlamat yang diimpikan itu. Hasilnya dua dasar penting telah diluluskan oleh Majlis ATM dan diwartakan untuk diimplemenkan di seluruh unit ATM. Dasar-dasar itu dikenali sebagai Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Angkatan Tentera Malaysia.

Dengan adanya KAGAT, kita telah berjaya melahirkan satu benteng pertahanan rohani yang disemai ke dalam jiwa anggota tentera bagi menghadapi gejala negatif seperti dadah, rasuah, bocor rahsia, engkar perintah dan lain-lain unsur negatif. Oleh yang demikian, KAGAT telah berjaya memainkan peranannya dengan berkesan bagi menyemai sifat-sifat keberanian untuk mempertahankan tanah air dan semangat setiakawan yang sejati melalui motivasi agama di mana berkebetulan pula para anggota tentera kita kebanyakannya beragama Islam.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Apakah kelayakan minimum bagi seorang pegawai tentera yang bertugas di Kor KAGAT. Yang kedua, apakah latihan asas ketenteraan juga diberi kepada pegawai agama ini seperti kawad, menembak dan lain-lain. Dan selain daripada itu, angkatan tentera apakah pula program dibuat kepada anggota-anggota bukan beragama Islam bagi mendidik mereka supaya taat setia kepada negara ini, umpamanya tadi membocorkan rahsia dan lain-lain.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan minima bagi guru-guru agama ini adalah sama seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan di dalam guru-guru seperti di kelas-kelas agama yang kita ajar seperti biasa.

Berkenaan dengan latihan asas bagi guru-guru agama ini mereka akan menjalani latihan asas seperti juga anggota tentera yang lain.

Yang akhirnya, iaitu yang ketiga bagi anggota kita yang bukan beragama Islam, latihan dan disiplin yang telah diadakan dalam ATM ini adalah mencukupi bagi setiap anggota untuk menyemaikan semangat kesetiaan kepada negara dan juga mengukuhkan semangat mereka untuk berjuang bagi mempertahankan negara kita.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertahanan merancang untuk memberi uniform kepada guru agama perempuan di dalam KAGAT?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih dalam kajian

Kementerian dan keputusan belum lagi dibuat untuk perkara itu.

SPORT COMPLEX DI LABUAN—PEMBINAAN

15. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adalah diperhatikan bahawa Sports Complex yang ada di Wilayah Persekutuan Labuan tidak digunakan sepenuhnya. Apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi perkara ini. Mengapakah pihak Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menganjurkan sebarang aktiviti sukan peringkat Nasional di Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (b) berapakah hasil yang diperolehi oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan melalui pungutan bayaran kegunaan Kompleks Sukan tersebut setahun dan berapakah pula Kementerian perlu belanja untuk mengurus kompleks tersebut.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Sports Complex di Wilayah Persekutuan Labuan telah dirancang dan dibina oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1984.

Ketika Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan pada akhir tahun 1984, hanya 80% sahaja daripada pembinaan Kompleks itu telah disiapkan dan apabila Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah mengambilalih untuk menyiapkan projek tersebut dan projek ini telah selesai dalam bulan Ogos 1986 dengan perbelanjaan Kerajaan Pusat sebanyak kira-kira \$12 juta.

Kompleks Sukan ini telah mengalami kerosakan yang banyak termasuk pemendapan kolam renang, kerosakan lantai dan sistem lampu gelanggang tenis serta kerosakan bumbung dan lantai bangunan stadium. Kerosakan berpunca daripada masalah pemendapan tanah kerana tapak asal projek ialah kawasan tanah rendah yang ditimbus. Akibat daripada kerosakan-kerosakan itulah yang menjadikan pada masa ini, Kompleks itu telah tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Kementerian sedang membuat kajian yang teliti dan peruntukan tertentu telah disediakan untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut.

Buat masa ini, di Wilayah Persekutuan Labuan, masih terdapat kekurangan kemudahan-kemudahan sukan dan atas sebab yang sedemikian, Kementerian Belia dan Sukan belum bercadang untuk mengadakan aktiviti sukan peringkat nasional di pulau tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pungutan bayaran yang diperolehi oleh Jabatan Belia dan Sukan setahun di Kompleks berkenaan hanyalah \$50,000, manakala perbelanjaan tahunan untuk mengurus Kompleks berkenaan ialah sebanyak \$96,000 setahun.

Walau bagaimanapun, Kompleks Sukan di Wilayah Persekutuan Labuan bukanlah merupakan Kompleks Sukan yang mementingkan keuntungan. Oleh sebab itu, ianya akan terus digunakan dan sebahagian daripada kos akan terus ditanggung oleh Kementerian kerana menyedari hakikat kemudahan sukan di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan masih berkurangan pada masa ini.

RUMAH ANGGOTA POLIS DURIAN TUNGGAL

16. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilakah Kementerian ini dapat mendirikan tempat kediaman bagi anggota-anggota Balai Polis Durian Tunggal dan tempat menggantikan bangunan yang usang dan tidak selamat lagi kepada anggota dan keluarga Polis di situ; dan
- (b) jika ada cadangan ini, berapakah anggaran kos pembinaan projek ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sedar akan keadaan Balai Polis dan rumah anggota-anggota Polis Durian Tunggal. Bahkan Kementerian sedar bahawa banyak lagi Balai dan rumah kediaman anggota Polis di tempat-tempat lain yang memerlukan perhatian sewajarnya. Perancangan dan pelaksanaan projek-projek yang berkenaan sedang diusahakan sesuai dengan kedudukan kewangan yang diperolehi dari masa ke semasa.
- (b) Anggaran kos bagi membina Balai Polis dan rumah kediaman di Durian Tunggal lebih kurang berjumlah \$2.2 juta.

PEKERJA ASING BERDAFTAR

17. Tuan K. Munisamy minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pekerja asing yang telah berdaftar dengan Jabatan Imigresen setakat ini;

- (b) bidang-bidang pekerjaan yang terlibat oleh pekerja ini dan dari negara manakah mereka datang; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengambil pekerja-pekerja dari India dalam bidang pembinaan dan perladangan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pekerja asing yang telah berdaftar sehingga 11hb Disember 1991 adalah seramai 7,287 orang.
- (b) Mereka ini bekerja di sektor perladangan, pembinaan sebagai pembantu rumah. Setakat ini, kebanyakan mereka datangnya dari Indonesia, Thailand, Pakistan, Myanmar, India, Bangladesh dan Filipina.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan berpendapat bahawa buruh-buruh asing yang telahpun berada di negara ini telahpun mencukupi untuk menampung masalah kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor tersebut.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Kementerian menyatakan perbezaan kualitas ataupun quality pekerja-pekerja yang datang dari negeri-negeri yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi? Sekiranya boleh, adakah perbezaan pembayaran yang dikenakan pada mereka dari negeri ke negeri?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kualiti susah untuk kita beza-bezakan sebab kualiti kerja memang berbeza-beza di antara

seorang individu. Apa yang penting di sini ialah, dengan izin, supply and demand. Apabila pekerja asing ini sanggup datang begitu ramai untuk bekerja. Walaupun upah yang mereka dapat kalau dibandingkan dengan upah warganegara kita agak rendah, tetapi mereka masih sanggup bekerja di sini. Sebaliknya warganegara kita, kalau diberi pekerjaan yang sama, mereka tidak sanggup bekerja dengan gaji itu dan ramai hendak pergi keluar negeri untuk bekerja di tempat lain. Jadi, kita tidak boleh gunakan aspek kualiti itu, sebab ia ada kaitan dengan keadaan kehidupan mereka masing-masing.

KEDUDUKAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM WAWASAN 2020

18. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan berhubung dengan Bahasa Kebangsaan di negara Malaysia ini, bagaimanakah kedudukan Bahasa Kebangsaan kita akan mendapat tempat yang tinggi dalam Wawasan 2020 nanti, sedangkan buat hari ini ada suara-suara yang mahukan bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi yang kedua.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu telah diberikan kedudukan yang tinggi oleh Perlembagaan negara di bawah perkara 152 Perlembagaan negara yang menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan negara ialah Bahasa Melayu. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 pula melindungi kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal. Oleh itu Bahasa Melayu akan terus mendapat kedudukan dan peranan yang tinggi dalam Wawasan 2020. Semenjak pelaksanaan KBSR dalam tahun 1982/1983 dan KBSM dalam tahun

1988/1989, Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mempertingkatkan lagi penggunaan serta mutu bahasa ini. Bahasa Melayu hendak ditingkatkan martabat, kewibawaan dan juga penggunaannya sebagai bahasa ilmu selaras dengan perkembangan sains dan teknologi serta Wawasan 2020.

Berbagai strategi telah diambil untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan juga penggunaannya. Salah satu langkah penting ialah dengan melaksanakan strategi penggunaan Bahasa Melayu Merentas Kurikulum atau BMMK. Maksudnya semua guru mata-pelajaran dikehendaki menggunakan Bahasa Melayu baku dalam pengajaran mata-pelajaran masing-masing. Mereka perlu menggunakan Bahasa Melayu yang betul dari segi tata bahasa, laras bahasa dan juga sebutan-sebutan.

Walaupun memang terdapat gesaan supaya bahasa Inggeris dijadikan bahasa kedua yang penting, Kementerian Pendidikan memang berusaha untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa ini dalam konteks per-kembangan ekonomi dunia dan juga ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi dan juga profesional. Ini tidaklah bermakna kedudukan dan kepentingan Bahasa Melayu akan berkurangan dan terjejas.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MEXICO—HASIL

19. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke Mexico baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri ke Mexico baru-baru ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan sekarang untuk meningkatkan perhubungan dengan negara-negara di Amerika Latin.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Mexico kini sedang mengadakan perundingan dengan Amerika Syarikat dan Kanada untuk membentuk satu Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara ataupun, dengan izin, North America Free Trade Area ataupun NAFTA. NAFTA akan menjadi satu kumpulan ekonomi yang penting dengan jumlah penduduk seramai 360 juta orang dan Keluaran Negara Kasar sebanyak US\$6 trilion yang sudah pasti akan menjadikan NAFTA satu kawasan pasaran yang penting dan berpengaruh di dunia.

Lawatan Perdana Menteri ke Mexico baru-baru ini telah membawa kepada peningkatan hubungan diplomatik di antara kedua buah negara. Dalam hal ini, Kerajaan Mexico telah menyambut baik inisiatif Malaysia untuk memupuk hubungan dua hala yang lebih erat di dalam beberapa bidang termasuk perdagangan dan ekonomi. Schubungan dengan ini, Kerajaan Mexico telahpun dilantik seorang Duta Besar yang bermastautin di Kuala Lumpur buat pertama kalinya.

Sementara lawatan ke Mexico, Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang mengiringi beliau telah sempat mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Mexico, ahli-ahli perniagaan dan tokoh-tokoh usahawan terkemuka Mexico. Malahan Presiden Salinas sendiri telah mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia. Ahli-ahli perniagaan Malaysia yang turut serta dalam delegasi Perdana Menteri telah juga dapat mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan rakan sejawat mereka.

Pertemuan yang pertama kali telah membolehkan kedua-dua buah pihak swasta ini menyedari akan peluang-peluang perdagangan yang wujud di antara Malaysia dan Mexico. Ini akan dapat pasti memberi kesan dalam jangkamasa yang panjang untuk meningkatkan lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dan Mexico.

Semenjak lawatan itu sendiri beberapa projek usahasama telahpun dikenalpasti. Memandangkan peningkatan peluang-peluang yang ada, susulan daripada hubungan Malaysia dengan Mexico sepertimana juga dengan lawatan-lawatan Perdana Menteri ke negara-negara Amerika Latin yang lain, pihak Kerajaan akan terus memberi bantuan dan meningkatkan hubungan dua hala yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Dol bin Dolah.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 20.

WAWASAN 2020 BAGI BELIA

20. Tuan Saidin bin Mohamad (di bawah S.O.22(3)): minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada kaum belia mengenai Wawasan 2020 dan setakat ini berapa banyakkah kursus dan seminar tentang Wawasan 2020 telah dianjurkan oleh Kementerian ini; dan
- (b) apakah Kementerian ini mempunyai rancangan untuk mempermodenkan lagi beberapa

Pusat Latihan Kemahiran Belia yang telah diwujudkan selama ini disesuaikan dengan zaman sains dan teknologi ini di samping menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan jawapan mengenai pendekatan Kementerian terhadap pencapaian matlamat Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, saya ingin menambah sekiranya soalan ini bermaksud program Kementerian ke arah memberi kefahaman tentang konsep Wawasan 2020, sebenarnya banyak program seperti seminar, kursus, khemah kerja dan bengkel telah diadakan di negeri-negeri dan akan diteruskan dipertimbangkan di masa-masa yang akan datang. Sekiranya keperluan memerlukan kepada program yang sedemikian.

Mengenai soalan (b), tentang Rancangan Latihan Kemahiran Belia, saya ingin menjelaskan bahawasanya selaras dengan Program Malaysia Mahir yang telah kita lancarkan, ke semua Pusat-pusat Latihan Belia yang memberikan latihan kemahiran akan diubahsuai dan kesemua sekali telahpun diberi nama baru iaitu sebagai Institut Kemahiran dan Keusahawanan Belia Negara. Selaras dengan itu juga, bukan sahaja namanya telah ditukar malah berasaskan kepada pereakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan, kurikulumnya juga telah disemak dan perakuan-perakuan tertentu telahpun dibuat untuk mempermoden dan memperleengkapkan Pusat-pusat Latihan Belia Negara sesuai dengan keperluan-keperluan semasa.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah peruntukan telah ditentukan bagi membolehkan Pusat-pusat Latihan Belia itu diperkembangkan supaya pengambilan bilangan penuntut yang lebih ramai

boleh dibuat dan supaya ianya merupakan sebahagian daripada ke arah pelaksanaan Program Induk Belia Negara. Kursus-kursus akan diberikan kepada kemahiran-kemahiran yang berasaskan kepada tuntutan dan kehendak pembangunan semasa dan ia akan dijalankan secara latihan berinstitusi dan tidak berinstitusi serta menekankan soal pembentuk sikap kualiti, serta membentuk pemikiran saintifik, menambahkan kecekapan dan kemahiran, serta membentuk semangat keusahawanan di kalangan para belia.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Belia berpuashati terhadap pengawalan isu polarisasi di antara belia-belia kita dengan mengadakan seminar dan forum? Sekiranya tidak, apakah cadangan-cadangan Yang Berhormat Menteri supaya benar-benar mengawal isu polarisasi antara belia-belia?

Tuan Haji Annuar bin Musa: Isu polarisasi tidak seharusnya berlaku dalam masyarakat kita pada masa ini. Sebagai langkah awal, saya telah mengadakan dialog dengan Persatuan-persatuan Belia Tionghua secara berasingan dan diikuti pula dialog saya dengan Persatuan Belia kaum Tamil dan selepas itu saya telah mengadakan dialog dengan Persatuan-persatuan Belia Melayu dan beberpa badan politik. Kesemua sekali adalah bertujuan meminta supaya semua Persatuan Belia menjalankan kegiatan mereka secara konstruktif dan masalah polarisasi tidak seharusnya berlaku sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 21.

PEMBANTU RUMAH TANPA IZIN DIDAFTARKAN

21. Tuan Saad bin Haji Man (*di bawah S.O.22(3)*): minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah pembantu-pembantu rumah pendatang tanpa izin telah mendaftar dengan Jabagan Imigresen;
- (b) apakah langkah-langkah jangka panjang untuk menentukan agar tidak terdapat lagi pembantu-pembantu rumah (tanpa izin) yang diseludup ke negara ini;
- (c) apakah langkah-langkah untuk membanteras agen-agen haram pembantu rumah yang terus berfungsi; dan
- (d) sejauh mana langkah dan kerjasama dengan pemerintah Indonesia berjaya mengatasi masalah berkenaan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 11hb Disember 1991 seramai 6147 orang pembantu rumah tanpa izin telah didaftarkan di Jabatan Imigresen Malaysia.
- (b) Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk mencegah kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini. Antaranya ialah:
 - (i) mengetatkan kawalan dan rondaan di pintu-pintu masuk haram di sempadan dan perairan negara;
 - (ii) meningkatkan kegiatan pemeriksaan, serbuan dan tangkapan di tempat-tempat dapat yang di-syaki;

- (iii) mendakwa mereka serta orang-orang yang ber-subahat serta memberi perlindungan kepada golongan ini di Mahkamah.
- (c) Buat masa ini Kerajaan sedang mengumpul maklumat berhubung agensi-agensi haram ini dan tindakan tegas akan diambil setelah terbukti mereka ini terlibat.
- (d) Kerajaan telahpun meminta kerjasama daripada pihak Kerajaan Indonesia untuk mengatasi masalah ini.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk menyenangkan lagi pengisian borang kepada keluarga-keluarga yang terlibat dengan penggunaan pekerja-pekerja dari luar itu? Pada masa sekarang ini rumit sangat, iaitu daripada Jabatan Imijeresen ke satu pejabat lagi untuk hendak disealkan setem itu dan balik kepada Kedutaan dan balik ke sana dan ke sini. Ini memakan masa sangat kepada mereka. Saya kasihan sangat kepada keluarga yang terlibat itu.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita hendak bandingkan dengan prosedur yang mereka itu sepatutnya mengambil secara sah mengikut pintu-pintu masuk yang sah, prosedur itu lagi lebih susah daripada apa yang mereka buat sekarang. Walau bagaimanapun, dengan pertimbangan dari segi keselamatan negara dan keperluan butir-butir yang penting, langkah-langkah untuk mendapatkan butiran pengesahan dan untuk pergi ke beberapa jabatan bagi mendapatkan kelulusan, itu adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan, oleh sebab keperluan keselamatan dan juga keperluan undang-undang. Jadi kalau

kita bandingkan, itu memang sudah mudah, jika dibandingkan dengan masa mereka hendak mendapatkan permit kerja secara teratur sebelum mereka masuk.

PELANCONG KE MALAYSIA

22. Tuan Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohammad minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada pelancong-pelancong datang ke Malaysia kerana usaha TDC (Perbadanan Kemajuan Pelancong) atau kerana usaha-usaha kumpulan lain seperti penerangan-penerangan oleh Kedutaan-kedutaan dan Pejabat-pejabat Persuruhjaya Tinggi Malaysia di seberang laut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menarik pelancong ke Malaysia adalah tugas bersama Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC), Sistem Penerbangan Malaysia, Agen-agen Pengembaraan, Pengusaha-pengusaha Pelancongan, Kedutaan-kedutaan dan Pejabat-pejabat Persuruhjaya Tinggi Malaysia di seberang laut. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) sebagai badan penggerak utama memainkan peranan yang lebih aktif dengan menyertai, mengelola dan mengadakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti pemasaran seperti berikut:

- (i) misi jualan;
- (ii) pameran atau pesta pelancongan dan konvensyen-konvensyen;
- (iii) kebudayaan dan makanan;
- (iv) seminar atau forum pelancongan;
- (v) meraikan penulis-penulis kemaera;

- (vi) meraikan wartawan-wartawan dan media-massa; dan
- (vii) penyebaran bahan-bahan maklumat.

PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN

23. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bahawa lebih daripada 900 projek pelaburan telah diluluskan tahun 1990; nyatakan:

- (a) berapa banyak projek tersebut yang benar-benar telah beroperasi. Berapa ramai pekerja yang telah diambil bekerja; dan
- (b) nyatakan pecahan projek tersebut mengikut negeri-negeri.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dari sejumlah 906 projek perkilangan yang diluluskan dalam tahun 1990, sebanyak 337 projek iaitu 37% telah beroperasi setakat 30hb Jun, 1991. Ini disebabkan lazimnya kebanyakan projek-projek besar yang berintensif modal mengambil masa yang lebih lama untuk dilaksanakan. Projek-projek tersebut akan mewujudkan sebanyak 65,000 peluang pekerjaan.
- (b) Kebanyakan projek yang telah beroperasi tersebut ditempatkan di negeri Selangor Darul Ihsan 87 projek; di Pulau Pinang 61 projek, Johor Darul Takzim 50 projek, Kedah Darul Aman 36 projek, Perak Darul Ridzuan 21 projek, Melaka 18 projek, Wilayah Persekutuan 17 projek dan Sabah 17 projek.

Bilangan kelulusan projek-projek bagi ketujuh-tujuh negeri tersebut ialah 307 projek iaitu 91% daripada jumlah

projek-projek yang telah beroperasi seperti pada 30hb Jun, 1991.

MANGSA PEMBUNUHAN UPAH

24. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa orangkah yang telah dibunuh oleh penembak-penembak (pembunuh) yang disyaki diupah dalam tempoh sepuluh bulan yang lalu;
- (b) berapa ramai orang yang disyaki yang telah ditangkap berikutan dengan kejadian tersebut dalam tempoh yang sama; dan
- (c) sama ada kes pembunuhan serupa itu telah meningkat berbanding dengan tempoh sebelumnya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah mangsa yang terlibat di dalam kejadian pembunuhan yang disyaki melibatkan pembunuh-pembunuh upahan dalam tempoh 10 bulan yang lalu ialah sebanyak 7 orang kesemuanya.
- (b) Dalam tempoh yang sama seramai 8 orang yang disyaki terlibat telah ditangkap.
- (c) Jumlah kes telah meningkat sebanyak 5 kes berbanding dengan 2 kes bagi tempoh 10 bulan sebelumnya.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang hendak menubuh satu pasukan perisik atau satu pasukan gerak tangkas untuk mengatasi masalah ini? Sebab baru-baru ini Timbalan Menteri pernah menyamar menjadi "Nasty Boy" untuk kes-kes pendaftaran pekerja asing di Jabatan Imigresen?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah apa yang dilakukan oleh pihak Polis. Sebenarnya setiap kali satu pembunuhan berlaku dan kalau ia nampaknya serius, satu pasukan petugas khas akan ditubuhkan khas untuk kes itu. Jadi untuk beberapa kes yang serius itu memang sudah ada pasukan petugas khas.

JUALAN MURAH DI GEDUNG PERNIAGAAN

25. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan sedar bahawa setengah gedung perniagaan yang menjalankan jualan murah selalu mengelirukan pengguna dengan mengiklankan seperti potongan hingga 70% pada hal hanya satu atau dua barang sahaja (itu pun yang kurang laku) yang diberikan potongan 70% manakala sebahagian besarnya diberi potongan 10% sahaja; dan
- (b) jika sedar apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan dan seterusnya meminda cara pengiklanan yang dibenarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa terdapat peniaga-peniaga yang menggunakan "gimmick" yang mengelirukan pengguna dalam menjalankan jualan murah dengan tujuan untuk menarik minat serta mendorong pengguna membeli-belah di gedung-gedung perniagaan mereka.
- (b) Menyedari hakikat ini, satu peraturan khusus untuk

mengawalselia jualan murah iaitu Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987 telah digubal dan dikuatkuasakan dan sejak peraturan ini dikuatkuasakan dari 1.1.1988 hingga akhir bulan Oktober tahun ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan ke atas 587 peniaga yang melibatkan barang rampasan bernilai sejumlah \$990,221 dan denda sebanyak \$476,330.

POS KAWALAN KESELAMATAN POS

26. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan pos-pos kawalan keselamatan polis di setiap kampung untuk mengawal jenayah seperti mencuri, merogol dan sebagainya yang kian berleluasa di kampung-kampung sekarang ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pos-pos kawalan keselamatan Polis di setiap kampung untuk mengawal jenayah seperti yang disebut itu. Ini ialah kerana pihak Polis telah mempunyai Balai-balai Polis dan Pondok-pondok Polis yang mencukupi. Di kawasan-kawasan yang tidak ada pondok Polis, liputan keselamatan dibuat oleh Balai Polis yang berhampiran dengan mengadakan beat dan rondaan sama ada secara berjalan kaki, berbasikal atau bermotor.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua anggota Polis adalah ditugaskan untuk membuat lawatan seberapa kerap ke kawasan-kawasan di bawah jagaan mereka untuk berdamping dengan masyarakat setempat bagi mendapatkan maklumat serta memberi apa juga bantuan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu jam untuk soalan sudah cukup. Sekarang kita teruskan dengan perbahasan.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 27 hingga 50 adalah diberikan di bawah ini)

PROGRAM PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN

27. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjelaskan tentang program-program kebudayaan demi untuk memenuhi hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Sememangnya pihak Kementerian sedar atas peranan yang harus dimainkan demi untuk memenuhi hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020. Kementerian telah, sedang dan akan terus mempertingkatkan program-program Pembangunan Kebudayaan di Malaysia dengan menggalakkan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan ke arah mewujudkan satu masyarakat yang berbudaya seimbang dengan pembangunan fizikal serta mewujudkan rasa kesedaran, kecintaan dan penghayatan terhadap warisan budaya yang wujud di negara ini. Bagi mencapai tujuan di atas, Kementerian ini telah menggaris dan menyusun beberapa program utama seperti berikut:

- (i) Penggalakan dan Promosi – bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam kegiatan kebudayaan dan kesenian melalui aktiviti-aktiviti pertandingan, demonstrasi, manifestasi dan persembahan-persembahan.

- (ii) Khidmat Sokongan dan Latihan – dalam bentuk khidmat nasihat dan kepakaran serta mengadakan latihan dan kursus-kursus jangka pendek.
- (iii) Penyelidikan untuk mengumpul bahan-bahan kebudayaan dan kesenian ke arah mewujudkan pusat sumber dan maklumat kebudayaan.
- (iv) Pemuliharaan warisan budaya sebagai khazanah negara.
- (v) Pembangunan Seni Muzik ke arah mempertingkatkan mutu permainan dan penghayatan muzik di kalangan masyarakat.
- (vi) Pembangunan seni pentas untuk mempertingkatkan kepakaran dan ketampilan di kalangan artis-artis.

Pembangunan kebudayaan di dalam konteks Wawasan 2020 bukannya menjadi tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan semata-mata, malah satu tanggungjawab bersama yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan (NGO), orang-orang perseorangan dan juga masyarakat secara keseluruhannya. Usaha-usaha ke arah penyebaran maklumat kebudayaan, galakan kebudayaan dan pembangunan infrastruktur kebudayaan serta program latihan dan pembangunan kebudayaan adalah merupakan satu pendekatan bersepadu yang akan diberi perhatian.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—PERANAN UTAMA

28. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) memandangkan adanya anggota-anggota tentera mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang

pembinaan, lebih-lebih lagi dengan adanya kelengkapan 'heavy machinery' untuk kerja-kerja infrastruktur, mengapakah pihak Kementerian tidak secara langsung menggunakan tenaga-tenaga ini untuk mencari sumber kewangan sendiri; dan

- (c) dalam keadaan negara aman dan damai apakah tugas-tugas anggota tentera darat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Peranan utama Angkatan Tentera Malaysia adalah mempertahankan kedaulatan negara, dan dengan itu segala peralatan, kelengkapan dan sumber tenaga manusia Angkatan Tentera Malaysia adalah untuk digunakan bagi tujuan tersebut dan bukannya untuk aktiviti-aktiviti berupa komersial seperti yang di-syorkan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memberi peruntukan yang sesuai supaya Angkatan Tentera Malaysia boleh memainkan peranan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Walau bagaimanapun, Angkatan Tentera Malaysia bersedia menggunakan peralatan 'heavy machinery' dalam masa aman untuk kepentingan rakyat, melalui Projek Tentera Masuk Desa misalnya yang kini berjalan dengan pesat di peringkat negeri dan di daerah-daerah terpencil.

- (b) Dalam masa aman, peranan utama Angkatan Tentera Malaysia adalah berlatih dan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan menjejaskan kedaulatan

dan keselamatan negara. Dalam latihan, Angkatan Tentera Malaysia akan menggunakan kelengkapan dan peralatan seperti heavy machinery bagi melatih anggota-anggota memainkan peranan-peranan yang dikehendaki.

Sebagai sebuah negara yang berdaulat, kita tidak boleh leka terhadap menjaga keselamatan negara. Angkatan Tentera perlu membuat persiapan untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Ini termasuklah mengorientasikan keupayaan dan struktur Angkatan Tentera Malaysia dari menghadapi insurjensi dalaman, kepada yang bertemakan peperangan kovensyenal. Dalam masa aman, Angkatan Tentera perlu sentiasa berwaspada dan mengawasi setiap inci negara di darat, laut dan udara dengan meningkatkan kawalan, rondaan dan latihan supaya kepentingan negara sentiasa diberi perlindungan.

PEMBELIAN KAPAL SELAM

29. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilakah projek kapal selam yang diura-urakan oleh Kerajaan baru-baru ini hendak dilaksanakan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan penempatan tentera laut di Pantai Timur khususnya di Terengganu, kerana bukan sahaja untuk menjaga telaga-telaga minyak yang terdapat di laut Terengganu bahkan juga untuk menjaga persisiran pantai Terengganu yang sentiasa terdedah dengan kemasukan oleh setengah-setengah kapal asing, serta nelayan asing yang sentiasa mencerooboh masuk ke laut Terengganu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Untuk memperolehi kapal selam, Kerajaan perlu membuat kajian yang terperinci dan mendalam mengenai semua aspek perlaksanaannya. Di samping itu, perolehan ini juga tertakluk kepada peruntukan kewangan yang perlu disediakan oleh Kerajaan. Dengan demikian, jangkamasa tetap pelaksanaan projek ini belum dapat dipastikan lagi.
- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk membina Pangkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) di negeri Terengganu. Ini adalah disebabkan Pangkalan TLDM di Tanjung Gelang, Kuantan berkemampuan melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan bagi kawasan perairan Pantai Timur. Untuk menghadapi tugas semasa, 1 Skuadron Kapal Ronda (P.C) ditempatkan. Jika keadaan memerlukan, penempatan sementara kapal-kapal dari Pangkalan TLDM Lumut akan dilakukan.

KAD KREDIT

30. Tuan Haji Saidin bin Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan akan mengawal kenaikan faedah bank bagi pengguna kad kredit ke suatu tahap tertentu kerana ada bank-bank yang mengambil faedah hingga 17%, sedangkan faedah simpanan tetap hanya 6% atau tidak lebih daripada 10%.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Sebagaimana kita semua maklum, pada 24hb Disember 1991 yang lalu, Gabenor Bank Negara Malaysia telah

mengumumkan tiga garis panduan mengenai pengeluaran kad kredit di negara ini. Peraturan-peraturan itu adalah seperti berikut:

- (i) pendapatan minimum pemohon hendaklah melebihi \$24,000 setahun;
- (ii) pemohon hendaklah berumur 21 tahun ke atas; dan
- (iii) bayaran balik bulanan minimum ke atas baki kredit adalah 10%.

Beberapa aspek lain termasuk mengenai kadar faedah masih lagi dikaji secara terperinci oleh Kementerian Kewangan dan peraturan-peraturan mengenainya akan dikeluarkan dari masa ke semasa jika didapati perlu dan sesuai.

PENDARATAN IKAN

31. Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Pertanian menyatakan daripada Jun 1985 sehingga Jun 1991, berapakah jumlah pendaratan ikan berbagai jenis di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, berapa pula jumlah yang telah dieksport dan berapa pula pulangan dari jumlah eksport tersebut.

Dato' S. Subramaniam: Jumlah pendaratan ikan berbagai jenis di seluruh negara dari tahun 1985 sehingga 1990 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pendaratan (Tan Metrik)
1985	574,354
1986	561,967
1987	859,014
1988	825,631
1989	882,492
1990	951,307

Dari jumlah tersebut ikan yang dieksport dan nilainya dari tahun 1985 sehingga 1990 adalah:

Tahun	Jumlah Eksport (Tan Metrik)	Nilai (\$ juta)
1985	169,252	295.6
1986	184,350	353.6
1987	165,350	434.9
1988	150,192	507.7
1989	164,477	577.2
1990	163,709	630.0

PINJAMAN PERUMAHAN

32. Tuan Law Jack Yoon minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah kuota pinjaman, Kerajaan menjangka bank-bank dan institusi-institusi kewangan harus meluluskan sebagai pinjaman perumahan yang kurang daripada seratus ribu ringgit;
- (b) sehingga sekarang jumlah wang yang dipinjamkan untuk tujuan tersebut;
- (c) sebab-sebab yang bank-bank dan institusi-institusi kewangan enggan meluluskan pinjaman perumahan yang kurang daripada seratus ribu ringgit; dan
- (d) bagaimana Kementerian akan membantu menyelesaikan masalah-masalah itu secara mesra.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Sepertimana yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan baru-baru ini, Bank Negara akan mengeluarkan garis panduan pinjaman perumahan kepada institusi-institusi kewangan bagi memastikan mereka menyediakan pinjaman perumahan sewajarnya kepada pembeli rumah yang berpendapatan rendah. Garis panduan itu sedang dirangka oleh Bank

Negara. Dengan demikian, kuota pinjaman untuk golongan-golongan tertentu termasuk golongan pembeli rumah yang membuat pinjaman perumahan \$100,000 dan ke bawah belum lagi ditetapkan setakat ini.

- (b) Sehingga 30hb September 1991, jumlah pinjaman perumahan yang belum dijelaskan, dengan izin, 'outstanding amount' bagi pembelian rumah yang kosnya \$100,000 dan ke bawah adalah sebanyak \$9,777.5 juta yang melibatkan 368,649 unit rumah.
- (c) Mengenai keengganan institusi-institusi kewangan memberi pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah, pihak institusi-institusi kewangan memberi alasan bahawa kos dana mereka pada masa ini telah meningkat, sedangkan kadar faedah maksimum bagi pinjaman perumahan untuk pembelian rumah yang kosnya \$100,000 dan ke bawah adalah dihadkan kepada 9% setahun atau 1.75 mata peratusan di atas kadar pinjaman asas iaitu yang mana lebih rendah.
- (d) Bagi mengatasi masalah itu, Kerajaan sedang mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah terus mendapat kemudahan pinjaman.

PELAJAR SRJK(C) DAN SRJK(T)—KENAIKAN TINGKATAN 1

33. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid dari SRJK(T) dan SRJK(C) yang berjaya mendapat keputusan 4A dan 2C; dan

- (b) sama ada surat pekeliling yang dihantar ke sekolah untuk menempatkan murid yang mendapat keputusan 4A dan 2C ke Tingkatan 1 itu merupakan arahan tetap.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai isu kenaikan terus ke Tingkatan 1 bagi pelajar-pelajar SRJK(C) dan SRJK(T) telahpun dijawab sekaligus pada 16.12.91. Oleh itu, tidak ada apa-apa tambahan ingin dinyatakan.

KEKURANGAN TENAGA PEKERJA

34. Tuan C. Krishnan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa bagi mengatasi kekurangan tenaga pekerja di sektor pembinaan, perladangan serta pembantu rumah, sebutkan negara-negara yang diiktirafkan untuk mendapatkan pekerja-pekerja tersebut.

Tuan Ong Ka Ting: Perlu ditegaskan bahawa buat masa ini, kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor seperti pembinaan, perladangan dan pembantu rumah seharusnya tidak lagi wujud, berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk mendaftar semua Pekerja Tanpa Izin (PATI) yang selama ini telahpun berada dan bekerja secara haram di sektor-sektor tersebut. Jadi, soal mengambil pekerja asing dari negara-negara yang diiktiraf seharusnya tidak timbul.

EKSPORT DARI ZON PERDAGANGAN BEBAS

35. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian menyatakan nama-nama negara utama dan peratusnya yang mengimport barangan keluaran di kawasan-kawasan Zon Perdagangan Bebas (FTZ).

Tuan S.S. Subramaniam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perangkaan-perangkaan yang dibekalkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Kementerian Kewangan, jumlah eksport dari Zon-zon Perdagangan Bebas di seluruh negara dalam tahun 1990 adalah sebanyak \$13.75 bilion dan dalam tahun 1991 sehingga bulan Ogos adalah sebanyak \$12.30 bilion. Di antara negara-negara yang mengimport barangan keluaran Zon-zon Perdagangan Bebas adalah Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Singapura, Hong Kong dan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah. Sungguhpun demikian, adalah sukar untuk menyatakan peratus import oleh setiap negara, memandangkan maklumat sedemikian tidak dikumpul oleh pihak Jabatan Kastam.

JUALAN ALAT ELEKTRIK/ KENDERAAN—PENIPUAN

36. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah bentuk tindakan yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan menjual alat-alat elektrik dan kenderaan dengan skim bayaran yang menarik dan istimewa tetapi sebaliknya menipu orang ramai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa menjalankan siasatan sewajarnya ke atas aduan terhadap syarikat-syarikat yang menipu orang ramai dalam urusanniaganya. Tindakan yang diambil bergantung kepada hasil siasatan yang dijalankan. Jika terdapat bukti bahawa satu kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian telah dilakukan, Kementerian akan mengambil tindakan

undang-undang ke atas syarikat-syarikat berkenaan. Sekiranya hasil siasatan membuktikan bahawa satu kesalahan dilakukan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak-pihak berkuasa lain, Kementerian akan mengemukakan perkara itu kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

KEMPEN CARA HIDUP YANG SIHAT

37. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah tujuan utama yang diharapkan dicapai daripada kempen "Cara hidup yang sihat" selama enam tahun yang dilancarkan pada bulan Mei; sambutan yang diberikan setakat ini;
- (b) sama ada kes-kes berhubung dengan sakit jantung bertambah disebabkan kekurangan pengetahuan tentang pentingnya zat makanan di kalangan orang ramai; an
- (c) apakah keadaan pada umumnya mengenai kekurangan zat makanan di kalangan murid-murid sekolah di luar bandar dan di bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (a) Tujuan utama yang diharapkan dicapai daripada kempen "Cara Hidup Yang Sihat" adalah:
 - (i) meningkat kesedaran masyarakat Malaysia terhadap penyakit-penyakit yang berkait dengan cara hidup seperti sakit jantung, barah paru-paru, penyakit kelamin, AIDS dan lain-lain;

- (ii) mendidik rakyat Malaysia mengenai cara-cara pencegahan penyakit-penyakit yang berkait dengan cara hidup;
- (iii) menggalakkan pengamalan cara hidup yang sihat di kalangan rakyat Malaysia untuk mencegah penyakit-penyakit tersebut.

Kita telah mendapat sokongan dan penglibatan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, pihak swasta dan masyarakat dalam kempen ini.

Pihak media massa khususnya RTM, TVs dan akhbar-akhbar tempatan telah menyiarkan rancangan-rancangan, rencana-rencana dan berita-berita yang berkaitan dengan cara hidup sihat dengan lebih luas. Di samping itu, pameran-pameran telah dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak lain dari masa ke semasa.

Masyarakat umum juga telah menyedari tentang kempen ini. Permintaan untuk penceramah-penceramah daripada Kementerian Kesihatan dan bahan-bahan pendidikan mengenai cara hidup sihat telah meningkat.

Pada keseluruhannya, sambutan yang diberikan daripada semua pihak setakat ini adalah sangat memuaskan.

- (b) Kekurangan pengetahuan tentang pentingnya zat makanan di kalangan orang ramai dan seterusnya membawa tabiat makanan yang tidak sempurna ialah satu daripada sebab

bertambahnya kes-kes berhubung dengan sakit jantung. Sebab-sebab yang lain ialah gaya hidup seperti merokok dan kurang aktiviti fizikal. Tabiat memakan makanan yang salah juga disebabkan oleh gaya hidup moden dan juga pengaruh media massa dan iklan. Pertumbuhan pesat bilangan penduduk bandar juga membawa kesan ke atas tabiat makanan mereka. Penduduk bandar yang berkemampuan lebih mudah dipengaruhi oleh promosi industri makanan yang menggalakkan minuman ringan, kuih-muih, makanan snek dan makanan lain yang mengandungi banyak lemak dan gula. Kajian daripada negara-negara lain yang mengalami keadaan serupa seperti di Malaysia menunjukkan bahawa penduduk di bandar memakan lebih lemak dan gula daripada penduduk di luar bandar.

- (c) Data yang ada mengenai kekurangan zat makanan di kalangan murid-murid sekolah menunjukkan kadar kejadian bagi penyakit pucat (Anaemia), beguk (Bengkak thyroid) dan kurang berat adalah seperti berikut:

Tahun I - 8.1 setiap 1,000 kanak-kanak yang diperiksa,

Tahun VI - 5.5 setiap 1,000 kanak-kanak yang diperiksa,

Tahun III - 2.5 setiap 1,000 kanak-kanak yang diperiksa,

Keadaan ini tidaklah membimbangkan kerana tidak ada kes-kes kekurangan zat

makanan teruk yang dikesan di sekolah. Tidak ada data daripada tahun-tahun sebelum ini untuk dijadikan bandingan.

Data yang dipecahkan kepada bandar dan luar bandar tidak ada.

HOSPITAL SWASTA

38. Tuan Rahim bin Baba: minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan hospital swasta yang terdapat di negara ini; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang membuat peraturan tentang bayaran yang boleh dikenakan oleh hospital-hospital swasta kepada pesakit-pesakit supaya ianya termampu oleh kebanyakan rakyat dan mengurangkan tumpuan rakyat ke hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Pada masa ini, sejumlah 165 hospital-hospital swasta telah dilesenkan.
- (b) Di bawah konsep perdagangan bebas, hospital-hospital swasta boleh mengenakan apa-apa bayaran perubatan yang dikira berpatutan. Sehubungan dengan ini, pihak Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) telah menyediakan garis panduan mengenai kadar-kadar bayaran untuk meliputi perundingan dan rawatan di sektor swasta. Sesiapa yang tidak berpuas hati dengan bayaran yang dikenakan boleh membawa perkara tersebut ke perhatian pihak-pihak berkaitan seperti Majikan, Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Hospital Swasta, Persatuan Pengamal Perubatan dan sebagainya.

PERTUKARAN SESEORANG GURU

39. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kriteria Kementerian Pendidikan untuk menukar seseorang guru; dan
- (b) adakah Kementerian pada dasarnya tidak mengamalkan kriteria ini untuk menukarkan guru-guru yang melebihi umur 50 tahun dengan memandangkan kebanyakan di antara mereka menghadapi konflik jiwa dan lain-lain masalah apabila mereka ditukar.

Dr Leo Michael Toyad: Jawapan (a) dan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lazimnya seseorang guru ditukarkan atas sebab-sebab kepentingan perkhidmatan, naik pangkat, kes-kes tatatertib dan atas permohonan dan tidak berkait langsung dengan faktor sama ada seseorang guru itu telah berumur melebihi atau kurang daripada 50 tahun.

Walau bagaimanapun, pertukaran guru-guru di kalangan mereka yang berumur melebihi 50 tahun, adalah bertujuan untuk kebaikan guru-guru tersebut dan sekolah-sekolah yang terlibat dan bukanlah bertujuan untuk mendatangkan masalah serta menjejaskan hidup mereka sehingga menghadapi konflik jiwa.

MARA—PINJAMAN PELAJAR

40. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa ramai bilangan pelajar yang diberikan kemudahan pinjaman pelajaran sehingga kini oleh MARA.
- (b) berapa bilangan pelajar yang enggan menjelaskan pinjaman pelajarannya, dan

- (c) apakah bentuk tindakan yang diambil oleh MARA.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Saya memohon keizinan untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Perusahaan Awam,

- (a) sejak dimulakan pada tahun 1966 hingga kini, MARA telah memberikan kemudahan pinjaman pelajaran kepada 31,518 orang pelajar untuk mengikuti pengajian di dalam dan di luar negeri.
- (b) buat masa ini terdapat seramai 31,258 orang pelajar yang masih belum menjelaskan sepenuhnya pinjaman mereka sebanyak \$587,539,256. Daripada jumlah ini, sebanyak \$83,857,443 adalah tunggakan bagi 15,723 orang pelajar.
- (c) bagi pelajar yang belum menjelaskan pinjaman MARA, tindakan-tindakan yang diambil terhadap pelajar tersebut termasuklah menghubungi dan mengesan mereka, waris-waris atau penjamin-penjamin untuk segera melangsaikan pinjaman melalui surat peringatan.

Selain daripada itu, pihak MARA juga telah menghubungi penjamin-penjamin supaya peminjam memberikan kerjasama dan juga menghantar notis berdaftar kepada peminjam. Jika usaha-usaha yang dibuat tidak berjaya, MARA akan mengambil tindakan undang-undang dan menjalankan perintah mahkamah seperti Penyitaan (Writ of Seizure) dan akhir sekali mengisytiharkan mereka sebagai muflis.

PEKERJA TANPA IZIN DIDAFTAR

41. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah ekerja-pekerja asing telah mendaftar diri sejak gerakan mendaftar pekerja asing dilancarkan:

- (a) berapa ramai pekerja ladang;
- (b) berapa ramai pekerja pembina bangunan; dan
- (c) berapa ramai pembantu rumah.

Tuan Ong Ka Ting: Pekerja Tan Izin (PATI) yang telah mendaftar diri di Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 1hb November 1991 adalah seramai 7,287 orang. Mereka ini adalah:

Pekerja ladang	-	172 orang
Pembinaan	-	968 orang
Pembantu Rumah	-	6,147 orang
		7,287 orang

PENGUSAHA BAS DAN TEKSI

42. Tuan Dol bin Dolah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa terdapat pengusaha-pengusaha bas yang telah menjalankan perusahaan pengangkutan berpuluh-puluh tahun lamanya masih diberi lesen menjalankan perusahaan bas mini dan teksi, sedangkan pengusaha-pengusaha bas ini telah wujud begitu lama dan apakah ini menjadi satu dasar Kementerian berkenaan meluluskan permit-permit bas ini dan teksi kepada syarikat-syarikat bas tertentu dan dengan cara berkenaan sebilangan pemohon-pemohon untuk mendapatkan permit-permit berkenaan menemui kegagalan. Jika sedar, adakah Kementerian ingin meneruskan cara sedemikian.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya memohon keizinan untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Perusahaan Awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan tidak lagi meluluskan sebarang lesen teksi atau bas mini kepada mana-mana syarikat bas. Lesen-lesen teksi yang dimiliki oleh syarikat-syarikat bas sekarang adalah sebenarnya lesen-lesen yang telah diluluskan dalam tahun 1950an untuk memenuhi permintaan perkhidmatan teksi yang mendesak daripada orang ramai kerana pada masa tersebut tidak ramai pengusaha-pengusaha yang sanggup menceburkan diri dalam bidang perkhidmatan teksi.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa bas-bas mini yang dimiliki oleh syarikat bas, sebenarnya bas-bas tersebut adalah bas berhenti-henti dan beroperasi di atas lesen bas berhenti-henti. Bas berhenti-henti yang bersaiz kecil ini digunakan oleh syarikat-syarikat bas dilaluan yang kurang penumpang dan tidak memerlukan bas-bas yang bersaiz besar.

PELAJAR SRJK(T) DAN SRJK(C)—KENAIKAN TINGKATAN 1

43. Tuan K. Munisamy minta Menteri Pendidikan menyatakan kriteria bagi murid-murid tahun 6 SRJK(T) dan SRJK(C) untuk memasuki Tingkatan 1 terus tanpa memasuki kelas peralihan pada tahun 1991.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai isu kenaikan terus ke Tingkatan 1 bagi pelajar-pelajar SRJK(C) dan SRJK(T) telahpun dijawab sekaligus pada 16.12.91. Oleh itu, tidak ada apa-apa tambahan ingin dinyatakan.

PENDIDIKAN PENGGUNA KEPADA RAKYAT

44. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan tentang perkara-perkara berikut:

- (a) apakah Kementerian tidak bercadang untuk menjalankan penyelidikan tentang citarasa pengguna. Penyelidikan seumpama ini dapat menjadi landasan untuk industri-industri tempatan memenuhi citarasa itu;
- (b) apakah Kementerian telah menjalankan usaha untuk menyebarkan pendidikan pengguna kepada rakyat Malaysia. Pendidikan seumpama ini penting untuk mengelakkan pembaziran dan untuk mengelakkan inflasi; dan
- (c) apakah sudah terdapat usaha pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan Kementerian Pendidikan untuk memasukkan sukatan Pelajaran Kepenggunaan (Consumerism) dalam kurikulum sekolah.

Dr. Sak Cheng Lum: Setakat ini, Kementerian tidak bercadang untuk menjalankan penyelidikan mengenai citarasa pengguna. Penyelidikan seumpama ini pada lazimnya dijalankan oleh syarikat-syarikat pengeluar barangan di negara ini. Kajian-kajian yang dijalankan oleh syarikat-syarikat tersebut telah digunakan bagi tujuan merancang operasi pengeluarannya di Malaysia.

Pihak Kementerian telah dan akan terus menjalankan usaha untuk menyebarkan pendidikan pengguna kepada rakyat Malaysia. Kegiatan-kegiatan pendidikan pengguna yang dijalankan oleh Kementerian ini adalah

seperti ceramah, seminar, pameran dan sebagainya. Di samping itu, pihak Kementerian juga mengadakan seminar pendidikan pengguna di negeri masing-masing. Sehingga ini, seminar pendidikan pengguna negeri telah dijalankan di Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Kementerian juga mengambil bahagian dalam pameran-pameran yang dianjurkan oleh pihak-pihak lain seperti oleh Federation of Malaysian Manufacturers, Pesta Port Dickson dan di sekolah-sekolah. Selain daripada pihak Kementerian, pihak persatuan-persatuan pengguna juga menjalankan program-program pendidikan penggunanya sendiri. Kementerian sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada pihak persatuan pengguna dalam menjayakan matlamat ini.

Sehingga ini, sudah terdapat unsur-unsur konsumerisme di dalam kurikulum sekolah-sekolah, iaitu di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Di peringkat ko-kurikulum pula, sekolah-sekolah adalah digalakkan menubuhkan kelab-kelab penggunanya sendiri. Walau bagaimanapun, cadangan untuk mengadakan satu mata pelajaran khas tentang kepenggunaan, memerlukan perbincangan lanjut di antara Kementerian ini dengan pihak Kementerian Pendidikan.

KUMPULAN EKONOMI ASIA TIMUR (EAEG)—PENUBUHAN

45. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan mutakhir dengan usaha Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) selepas cadangan EAEG menjadi kertas kerja Kumpulan Kerja EAEG.

30.12.91

6. Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan Malaysia setelah Korea dan Jepun menolak untuk menjadi ahli anggota EAEC setelah dipengaruhi oleh Amerika.

31.12.91

40. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan mutakhir tentang cadangan perundingan ekonomi Asia Timur. Adakah Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menubuhkan perundingan ekonomi ini sekalipun mendapat tentangan dari negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

Tuan S.S. Subramaniam: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri pada 16.12.91 ketika dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai dan Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah binti Jusoh. Jawapan tersebut adalah juga meliputi soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 19.12.91, Tuan Chong Chi Siong pada 20.12.91, Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong pada 30.12.91 dan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut pada 31.12.91. Memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan izin, East Asia Economic Group – EAEG/East Asia Economic Caucus – EAEC. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

PENYAKIT AIDS

46. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes AIDS mengikut negeri sejak bulan Januari 1990 sehingga 30 November 1991; dan
- (b) tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk mencegah AIDS yang merebak di negara ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 16.12.91.

MENCEGAH AIDS

47. Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kesihatan menubuhkan satu unit khas untuk mencegah AIDS memandangkan AIDS telah mendahului sakit jantung menjadi pembunuh yang pertama di negara ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 16.12.91.

KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

48. Puan Rosalind Yau Shuk Meng minta Perdana Menteri menyatakan adalah menjadi rungutan wargakota setiap hari mengenai kesesakan lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur. Walaupun Kerajaan telah mengusahakan berbagai cara seperti membina jejantas dan melebarkan

jalanraya, ternyata masalah ini terus wujud dan bertambah teruk setiap hari. Umum berpendapat bahawa pertambahan bilangan kenderaan yang berada di Bandaraya setiap hari adalah punca kesesakan bertambah teruk terutamanya pada waktu pagi, tengahari dan selepas waktu pejabat. Apakah langkah Kerajaan untuk mengawal keadaan ini. Apakah rancangan jangka pendek. Apakah rancangan jangka panjang yang telah difikirkan untuk mengawal keadaan sebegini.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Kerajaan memang sedar bahawa kerja-kerja penglebaran jalan-jalanraya dan pembinaan jejambat-jejambat di Kuala Lumpur tidak akan menghapuskan sama sekali masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Kerja-kerja pembaikan jalan ini biasanya menarik lebih penggunaan kenderaan persendirian dan lama kelamaan jalan-jalan yang diperbaiki juga biasanya mengalami kesesakan lalulintas. Namun demikian, jalan-jalan sedia ada perlu terus diperbaiki untuk mengurangkan keadaan kesesakan lalulintas bagi jangka pendek dan jalan-jalan baru perlu terus dibina untuk melengkapkan rangkaian jalan dan untuk memberi laluan ke kawasan-kawasan pembangunan yang baru.

Untuk mengawal pertambahan penggunaan kenderaan persendirian di Kuala Lumpur, strategi dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi jangka panjang adalah untuk menghasilkan suatu anjakan kaedah penggunaan pengangkutan daripada penggunaan pengangkutan persendirian kepada penggunaan pengangkutan awam.

Untuk mencapai matlamat tersebut di atas, sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur perlu diperbaiki dan satu sistem pengangkutan bandar yang komprehensif telah

dicadangkan. Disamping memper-tingkatkan lagi mutu perkhidmatan sistem bas yang sedia ada di dalam Kuala Lumpur, sistem-sistem pengangkutan awam yang baru telah dicadangkan dalam sistem komprehensif ini dan sedang dalam peringkat perancangan untuk dilaksanakan. Sistem-sistem pengangkutan awam tersebut di antaranya ialah:

(a) **Sistem Transit Laju Ringan (TLR)**

bagi perjalanan ulang-alik kerja (commuter service) dari kawasan perumahan/pertumbuhan di luar Pusat Bandar dalam metropolitan Kuala Lumpur ke Pusat Bandar. (\$500 juta telah diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke Enam).

(b) **Sistem Rel Komuter ('Double Tracking' oleh KTM)**

bagi perjalanan ulang-alik kerja dari luar Metropolitan Kuala Lumpur ke Pusat Bandar Kuala Lumpur (inter-city commuter service). (Fasa pertama yang akan menghubungkan bandar Rawang ke Seremban kini sedang dilaksanakan).

(c) **Sistem Metrolink**

juga untuk menampung perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan/pertumbuhan di luar Pusat Bandar dalam Metropolitan Kuala Lumpur ke Pusat Bandar seperti dengan sistem TLR, dan akan melengkapi sistem-sistem pengangkutan awam yang dicadangkan bagi Kuala Lumpur. (Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara penswastan dan projek ini kini dalam peringkat penyediaan cadangan pelaksanaan).

(d) Sistem Monorel

sistem ini adalah untuk perjalanan di dalam Pusat Bandar (inter-city service) dan akan melengkapi sistem-sistem pengangkutan awam yang lain yang telah dicadangkan bagi Kuala Lumpur. (Kerajaan juga memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara penswastaaan dan kajian pelaksanaan Fasa 1 telah siap).

Di samping mengadakan sistem pengangkutan awam yang komprehensif, Kerajaan juga akan mempertingkatkan pelaksanaan cadangan kawasan zon terhad untuk mengawal penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian di pusat bandaraya Kuala Lumpur. Akan tetapi, cadangan ini perlu dilihat bersama dengan pengangkutan awam sebagai langkah jangka panjang.

Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan akan terus mengawal keadaan lalulintas di seluruh Kuala Lumpur dan memperbaiki mana-mana jalan dan persimpangan yang dapat mengurangkan kesesakan lalulintas. Di samping itu, Kerajaan juga akan meneruskan dengan usaha-usaha dalam pengurusan dan kawalan lalulintas di Kuala Lumpur dan usaha-usaha di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan kawalan lampu isyarat lalulintas berkomputer yang sedia ada ke sistem kawalan dinamik (fasa pertama cadangan ini baru dilaksanakan).
- (ii) pelaksanaan sistem jalan sehala di kawasan-kawasan yang perlu.
- (iii) pelaksanaan pembaikan jangka pendek kepada persimpangan-persimpangan jalan termasuk pemasangan lampu-lampu isyarat lalulintas yang perlu.

PEMBAHAGIAN HARTA SIMATI

49. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Kehakiman menyatakan bahawa di bawah Seksyen (6) Ordinan Pembahagian (Harta) 1952 apabila seorang suami meninggal dunia tanpa membuat sebarang wasiat, satu pertiga daripada asetnya akan diberi kepada isterinya, manakala dua pertiga baki lagi akan diberi kepada anak-anaknya. Sebaliknya apabila si isteri pula meninggal dunia tanpa membuat sebarang wasiat, ke semua asetnya akan diberi kepada suaminya. Keadaan ini tidak atau kurang adil kerana kaum wanita tidak diberikan status yang sama dengan kaum lelaki dalam masyarakat kita. Tambahan pula, ia tidak mengambil kira kebajikan anak-anak. Lagi pun, seksyen (6) seolah-olah telah menghebohkan jurang perbezaan di antara kedudukan kaum wanita dengan kaum lelaki. Untuk mengatasi masalah ini, adakah Kementerian bercadang untuk meminda seksyen (6) ini supaya syarat-syarat yang sama dikuatkuasakan ke atas kedua-dua pihak.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang telahpun diberi jawapan untuk soalan nombor 8 pada 26.12.91 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng dan bolehlah dirujuk jawapannya pada Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadapnya.

TURKI SEBAGAI PUSAT PENGEDARAN MINYAK SAWIT MALAYSIA

50. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian yang dibuat untuk menjadikan Turki pusat

edar minyak sawit bagi pasaran Eropah;

- (b) berapakah jumlah eksport minyak sawit ke negara-negara Eropah sejak 3 tahun lalu; dan
- (c) adakah kempen memburuk-burukkan minyak sawit masih giat dijalankan oleh pihak barat, apakah pula langkah lanjut Malaysia bagi menangkisnya.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik):

- (a) Kajian mengenai kemungkinan Turki dijadikan sebagai satu pusat pengedaran bagi minyak sawit Malaysia masih dalam usaha Kementerian Perusahaan Utama. Sayugia dimaklumkan bahawa kajian itu sedang dijalankan dalam konteks keseluruhan strategi mengenai penubuhan pusat-pusat pengedaran bagi bahan-bahan utama Malaysia di berbagai bahagian dunia. Pendekatan sebegini dirasakan paling wajar untuk menentukan bahawa kepentingan negara kita akan dapat dicapai dengan sebaik-baiknya.
- (b) angka-angkanya adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (tan)	Nilai (M\$ juta)
1988	513,223	533.0
1989	883,240	774.5
1990	831,671	587.9
1991	723,1275	76.1

(Januari-November)

Angka-angka yang berkenaan turut meliputi bekas USSR dan negara-negara Eropah Timur yang lain.

- (c) kempen memburuk-burukkan nama baik minyak sawit di Amerika Syarikat nampaknya sudahpun reda. Namun demikian, dari masa ke semasa masih ada diterbitkan iklan-

iklan yang memasukkan minyak sawit dalam senarai makanan yang disyorkan dielak oleh para pengguna. Adanya iklan-iklan seperti ini menjadikan para pengusaha makanan, khususnya di Amerika Syarikat, terus keberatan untuk menggunakan semula minyak sawit kerana bimbang penjualan barangan yang mereka keluarkan akan terjejas. Dalam keadaan itu, Kementerian Perusahaan Utama bersama-sama dengan Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM), Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Sawit (PORLA) dan Majlis Galakan Pasaran Minyak Sawit Malaysia (MPOC) terus bergiat mendapatkan dan menghebahkan maklumat-maklumat saintifik mengenai khasiat-khasiat minyak sawit. Ini dilaksanakan melalui persidangan-persidangan, program-program suaikenal, pameran-pameran serta iklan-iklan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Disember, 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Shuib bin Shawal menyambung ucapannya.

Sebelum beliau meneruskan ucapan, di sini saya memohon supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak

berucap, berikanlah kerjasama kerana mengikut senarai saya, masih ada 13 orang Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Lebih kurang pada pukul 5.30 petang saya akan berhenti perbincangan dan akan menjemput Menteri-Menteri untuk memberikan jawapan. Maka tiap-tiap seorang hendaklah berucap selama lebih kurang 6 minit.

4.05 ptg.

Tuan Haji Shuib bin Shawal: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyampaikan ucapan terima kasih kerana diberi peluang menyambung ucapan saya dalam perbincangan mengenai Akta Perbekalan 1992.

Semalam, iaitu istilah Kedah kita kata "kelmarin", saya sedang memperkatakan mengenai peruntukan Kementerian Pendidikan dan sedang menyentuh masalah pelaksanaan gaji dua skim. Kebanyakan daripada Guru-guru Besar ini sudahpun mencapai lingkungan umur antara 50 hingga 55 tahun dan akan bersara tidak berapa lama lagi. Ada yang beberapa bulan sahaja lagi yang akan bersara. Adadi antara mereka ini telah ditukarkan dan sedang dalam tindakan untuk ditukar ke sekolah-sekolah yang lebih kecil.

Di dalam Dewan yang mulia ini, sukacita saya menyarankan semoga Guru-guru Besar yang penuh berpengalaman ini dan yang telah memberi perkhidmatan dengan penuh dedikasi selama ini akan dapat diserapkan ke Tingkatan yang telah lebih tinggi atau hakiki ke hakiki serta dikekalkan sebagai Guru Besar di sekolah-sekolah yang ada sekarang sehinggalah mereka bersara. Saranan ini adalah sesuai dan sejajar dengan amalan yang dilaksanakan sebelum ini oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain apabila memperkenalkan sesuatu skim perkhidmatan yang baru demi menghayati dasar masyarakat penyayang, bermaruah dan berbudi.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan falsafah rakyat sihat negara maju, Kementerian Kesihatan dengan peruntukan sebanyak \$1.6 billion diharap akan dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya. Perhatian yang serius hendaklah ditumpukan kepada pembangunan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar, Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik Desa sama ada yang sedia ada atau yang akan dibina supaya ditingkatkan statusnya dan berfungsi sebagai hospital kecil yang mampu memberi rawatan kepada pesakit-pesakit di luar bandar yang amat memerlukannya. Klinik bergerak yang telah diperkenalkan selama ini seharusnya diteruskan dan ditingkatkan khususnya kepada penduduk-penduduk pedalaman, sementara menunggu Pusat Kesihatan atau Klinik Desa ditempatkan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, mencegah adalah lebih baik daripada mengubatinya. Rangkaian kata ini akan menjadi kenyataan seandainya program penggalakan cara hidup yang lebih sihat bagi mencegah kejadian-kejadian penyakit seperti penyakit kencing manis, penyakit barah dan penyakit AIDS dan lain-lain yang seumpamanya dapat diperluaskan lagi melalui sama ada aktiviti penerangan menerusi kempen-kempen secara terus atau berita-berita atau maklumat yang berbentuk nasihat dan tunjuk ajar melalui media massa atau sebaran am.

Wabak penyakit buah pinggang nampaknya semakin menjadi-jadi. Terdapat rakyat Malaysia yang berkemampuan telah pergi untuk mendapatkan rawatan di luar negeri sehingga terjangkit kuman penyakit AIDS. Ramai yang miskin tidak mampu untuk mendapat rawatan sedemikian. Mereka terpendam menahan kesakitan. Untuk itu, Kementerian diminta memberi perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia sedang menuju ke arah negara perindustrian. Namun sektor pertanian adalah sama pentingnya bagi menjamin pembekalan makanan yang secukupnya kepada rakyat supaya dapat mengurangkan pertukaran aliran wang negara kerana mengimport makanan seperti beras, buah-buahan dan sebagainya. Banyak tanah-tanah sawah di luar MADA dan juga di luar kawasan-kawasan yang lain, di daerah-daerah yang lain yang berpotensi yang boleh ditanam padi. Tetapi oleh kerana kekurangan taliair yang baik, petani-petani tidak dapat mengusahakan tanaman padi dua kali setahun. Saya berharap Kementerian Pertanian atau Jabatan Pertanian akan dapat memberi perhatian memperbaiki keadaannya. Kadar pengangguran negara di tahap 5.6% adalah tidak termasuk penganggur bermusim.

Tuan Yang di-Pertua, penganggur bermusim ini terdapat banyak di kawasan-kawasan luar bandar. Tanaman padi yang hanya setahun sekali, atau musim buah-buahan juga setahun sekali dan selepas habis tempoh itu, dan selepas habis musim ini, mereka ini menganggur. Usaha-usaha haruslah dibuat dan dapat mengenalpasti jenis-jenis tanaman yang sesuai dengan keadaan tanah setempat. Selain dari dapat mengurangkan pengangguran, dapat juga meningkatkan kekurangan kadar rakyat termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara telah memperlihatkan kesungguhan Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga. Saraan baru yang dilaksanakan dengan kenaikan gaji pegawai dan kakitangan awam sudah pasti peniaga-peniaga akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Akibatnya rakyat jelata akan menanggung beban.

Oleh yang demikian, peningkatan kepada penyeliaan dan pengawasan oleh unit-unit penguatkuasa Kementerian adalah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik merupakan kunci kepada kemakmuran negara. Malaysia dikenali oleh dunia antarabangsa di sebabkan oleh kestabilan politik, ekonomi yang meningkat, pembangunan yang pesat dan keamanan yang terjamin. Justru itu, rakyat harus memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional tanpa meraguinya dan sekaligus akan menghampakan harapan Pembangkang untuk berkuasa. Kerajaan disarankan supaya peka dengan kekurangan dan kehendak rakyat di luar-luar bandar. Tidak dinafikan berbagai kemudahan infrastruktur asas telah diadakan. Rakyat telah dapat menikmati kemudahan-kemudahan itu sekarang. Namun masih ada lagi masalah-masalah yang diharap akan dapat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah habiskan ucapan dalam satu minit lagi?

Tuan Haji Shuib bin Shawal: Sedikit lagi—iaitu keadaan jalanraya yang agak lebih baik perlu diberikan di peringkat luar bandar, pembekalan air yang secukupnya dan kemudahan kesihatan yang sempurna serta kemudahan pembelajaran yang lebih baik dan alat-alat komunikasi yang standard. Dengan yang demikian, peluang bagi segelintir rakyat, mahupun Pembangkang yang suka menabur fitnah dan tohmah akan terhakis.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa telah cukup, walaupun saya masih banyak lagi yang perlu diperkatakan, oleh itu dengan doa dan harapan yang tinggi, saya menyokong Akta Perbekalan 1992. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dahalan.

4.13 *ptg.*

Tuan Dahalan bin Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dan seterusnya menyokong di atas Akta Perbekalan 1992. Saya akan ringkaskan perbahasan ini kepada dua tiga perkara sahaja. Pertama, saya tujukan kepada Kementerian Kewangan. Ini merupakan satu cadangan sahaja iaitu setiap kali kita ada perjumpaan di antara Ahli-ahli Dewan Negara dengan Menteri Kewangan, kita mintalah pada masa-masa hadapan supaya di hadiri bersama oleh Gabenor Bank Negara.

Yang kedua, berkenaan dengan syarikat insurans iaitu kegiatan syarikat insurans. Saya ingin tahu sama ada bidang niaga syarikat insurans ini termasuk mengambil deposit ataupun collateral (cagaran-cagaran) untuk memberi coverage kepada polisi-polisi lebih-lebih lagi polisi untuk construction. Juga berkenaan dengan insurance company, saya ingin membuat satu cadangan dan mungkin cadangan ini bukanlah cadangan baru, kita dapati sentiasa ada banyak masalah rungutan penglibatan polis, adjusters, dengan izin, worksyop, insurans company, pengguna-pengguna dan ejen-ejen insurans mengenai claim—iaitu mengenai motor claim.

Dalam keadaan sekarang ini motor claim adalah dibuat terus daripada insurans company kepada bengkel-bengkel. Ini menimbulkan banyak masalah dan banyak rungutan. Saya membuat cadangan ataupun syor ini untuk pertimbangan pihak Kementerian Kewangan agar dapat dilaksanakan, iaitu di masa-masa hadapan tuntutan-tuntutan ini jangan lagi dibayar terus kepada bengkel-bengkel, sebaliknya di bayar kepada policy holder,

(pengguna), di mana kalau motokar itu berlanggar, umpama kata, kita bolehlah mengadakan satu committee yang mengandungi polis, adjusters, worksyop, wakil dari insurans company dan pengguna untuk menilai kerosakan untuk dibaiki dan pihak insurans membayar terus kepada tuan punya motokar yang rosak tadi.

Ini boleh kita buat mungkin melalui ada skel-skel kalau kerosakan itu, kata setakat \$1,000 ke bawah, syarikat insurans company boleh bayar terus dengan memberi cek ataupun dengan apa cara bayaran kepada tuan punya motokar tadi dan bukan lagi melalui bengkel-bengkel kerana ini membawa banyak kerumitan kepada tuan punya motokar yang kadang-kadang terpaksa tinggalkan motokar di situ sampai berbulan-bulan sebelum dibaiki oleh sebab dispute mengenai claim ini. Inilah satu syor untuk pertimbangan pihak Kementerian, kalau dapat untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya hendak tempoh ialah mengenai Kementerian Perdagangan, iaitu mengenai dengan insentif. Kita telahpun banyak mendengar insentif untuk pelabur-pelabur luar negeri untuk datang ke sini. Tetapi untuk S.M.I. (small, medium scale industries), kita belum bersungguh-sungguh lagi dalam memberi banyak insentif sedangkan penglibatan mereka di dalam pembangunan ekonomi adalah begitu nyata sekali dan kita dapati daripada down stream industry ini dapat Kerajaan mengambil banyak faedah daripadanya. Jadi, saya harap pihak Kerajaan akan dapat memberi banyak rangsangan lagi yang merupakan insentif untuk menggiatkan small, medium scale industries dan orang perseorangan supaya dapat melibatkan diri dalam perniagaan seterusnya.

Akhir sekali saya ingin menempuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, peruntukan kepada Orang-orang Asli iaitu sebanyak lebih kurang \$36 juta untuk tahun 1992. Penduduk mereka adalah lebih kurang 83,000 hingga 1.7.1991. Makna kata, seorang dapat peruntukan lebih kurang \$436 setahun ataupun \$36 ringgi sebulan gross tetapi kalau ditolak perbelanjaan pentadbiran dan gaji, hanya \$29.00 net untuk satu Orang Asli. Sedangkan untuk keseluruhan negara, kita memberi peruntukan lebih kurang \$23 bilion dengan pendudukan seramai 18 juta.

Jadi, kalau kita ambil daripada seluruh negara, tiap-tiap seorang mendapat \$1,286 per kapita budget untuk seorang, sedangkan Orang Asli peruntukannya \$436 setahun sahaja. Jadi, kita dapati banyak imbalan dari segi peruntukan sedangkan Dato' Seri Samy Vellu biasa sebut dahulu bahawa Orang Asli ini adalah super Bumiputera. Jadi, kita mintalah pihak Kerajaan memberi penekanan lebih sedikit. Selain daripada itu kita dapati penduduk asli ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah mengakhiri ucapan?

Tuan Dahalan bin Embun:.... daripada ini, saya mintalah supaya peruntukkan sebanyak \$36 juta untuk Orang Asli ini dinaikkan peruntukannya dengan apa cara jua pun supaya dapat kita mengimbangi pembangunan keseluruhan rakyat dengan Orang Asli di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim.

4.18 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membincangkan Belanjawan 1992. Oleh kerana masa yang amat terhad, saya cuma akan pergi kepada perkara-perkara dengan secara ringkas tentang apa yang hendak saya percakapkan.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong kerana membolehkan saya hadir di dalam Dewan ini.

Keduanya, sebagai orang Wilayah Persekutuan, saya ingin menyentuh dahulu soal Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana di dalam ucapan Belanjawan beliau telahpun menyarankan bahawa pemberian mengikut bilangan orang akan dikaji semula seperti yang termaktub di dalam Fasal 109 Perlembagaan Negara, iaitu capitation grant. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Wilayah Persekutuan ataupun Kuala Lumpur telahpun di-berhentikan capitation grant ini sejak tahun 1981. Dan dalam perkiraan saya, kalau mengikut Jadual Kesepuluh, Bahagian I, mengikut jumlah penduduk Wilayah Persekutuan seramai 1.5 juta sekarang bermakna Kerajaan Pusat telahpun mengeneipkan hak penduduk Wilayah Persekutuan lebih kurang hampir \$100 juta sejak tahun 1981 dahulu. Jadi, apa yang kita harapkan ialah supaya Kerajaan Persekutuan dapat menimbangkan semula Capitation Grant kepada Wilayah Persekutuan kerana penduduk Wilayah Persekutuan juga membayar cukai dan juga saya percaya dari segi

perkiraan, Wilayah Persekutuanlah yang paling banyak sekali menyumbangkan cukai kepada Kerajaan Pusat. Saya tahu alasan yang diberikan ialah kerana Wilayah Persekutuan bukannya sebuah Kerajaan Negeri tetapi Capitation Grant yang diberikan ialah berpandukan kepada bilangan penduduk, bukannya berpandukan sama ada sesuatu itu Kerajaan Negeri ataupun tidak.

Yang keduanya, mengenai Wilayah Persekutuan juga, saya ingin menyentuh iaitu tentang Tanah-tanah Simpanan Melayu. Sekarang terdapat 1,175 hektar Tanah Simpanan Melayu di mana mengikut perangkaan yang ada hampir 50% daripadanya adalah tanah pertanian ataupun tidak digunakan, hanya 1.5% ataupun 16 hektar sahaja yang digunakan untuk tujuan perdagangan dan juga perindustrian. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk membangunkan semula Kampung Bharu. Dan untuk pengetahuan kita, Tanah Simpanan Melayu di Wilayah Persekutuan bukan hanya tertumpu kepada Kampung Bharu dan kita harapkan kesemua 6 kampung Melayu seluas 1,175.8 hektar ini akan diambilkira untuk dimajukan.

Yang ketiganya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas penubuhan Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan kita harapkan melalui PUNB ini banyak lagi modal-modal usahaniaga akan dijalankan dengan usahawan-usahawan bumiputera yang berpotensi iaitu sepertimana yang telahpun saya katakan, kalau kita kaji dari segi orang Melayu pada tahun 1957-1969, masa itu bolehlah kita anggapkan bahawa dalam keadaan siapa cepat dia dapat. Selepas itu, 1970-1990, kita berikan keutamaan, keistimewaan kepada orang Melayu khasnya usahawan-usahawan dan saya percaya selepas tahun 1990an ini keutamaan-keutamaan itu walaupun

diberikan, dan saya berharap orang Melayu yang benar-benar mampu dan berkebolehan akan digroom, dengan izin, oleh pihak PUNB dan sepertimana yang telahpun saya katakan, biarlah kita dapat melahirkan 10 usahawan Melayu kalau kesepuluhnya itu boleh menguasai 50% daripada ekonomi negara daripada kita melahirkan 1,000 usahawan tetapi daripada 1,000 itu hanya menguasai 5% sahaja ekonomi negara. Biarlah ramai lagi Azman Hashim, Kadir Shamsuddin, Haji Sharani dan sebagainya.

Di samping pihak PUNB, kita berharap PETRONAS, MMC, MISC, Telekom dan juga TNB dan syarikat-syarikat lain juga akan berperanan untuk memajukan usahawan-usahawan Melayu.

Yang keempat, soal pengambilan tenaga asing. Kita agak terperanjat dengan pandangan MTUC yang tidak seronok dengan pengambilan tenaga asing khasnya dalam sektor perkilangan. Kita faham bahawa MTUC mungkin mahu menggunakan kekurangan tenaga kerja ini untuk mendapatkan kenaikan gaji dan dari segi jangka panjang Kerajaan perlu memikirkan biarlah kenaikan gaji itu dikaitkan dengan produktiviti pekerja, bukannya ditentukan oleh sebab penawaran dan juga permintaan.

Yang kelima, soal kajian semula galakan pelaburan. Hari ini kita telah mendengar penjelasan daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa akan diadakan penyelarasan antara Kerajaan-kerajaan Negeri yang menghantarkan rombongan pelaburan keluar negeri, kerana apa yang telahpun berlaku selama ini, pelabur-pelabur bukannya menghadapi saingan sama ada hendak datang ke Malaysia, ke Singapura, ke Thailand ataupun ke Indonesia, tetapi pelabur-pelabur menghadapi saingan sama ada hendak datang ke Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Johor ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minti lagi. Sila gulungkan.

Tuan Rahim bin Baba: Mungkin dengan adanya badan penyelarasan ini, soal ini akan dapat diatasi.

Perkara keenam, soal Bank Negara. Saya dapati Bank Negara terlalu lembab dalam soal umpamanya dahulu dalam soal Skim Cepat Kaya, selepas \$250 juta hangus, barulah tindakan diambil. Begitu juga dengan Skim Indeks dan juga baru-baru ini soal kad kredit, dan saya percaya satu lagi skim yang akan menjadi ketara ialah skim jualan terus. Saya harap dapat diambil ingatan oleh pihak Kerajaan.

Seterusnya ialah mengenai Kementerian Pelancongan dan Kesenian. Saya percaya, sudah sampai masanya kita mempunyai memorial seperti yang sekarang ini kita sudah pun ada Memorial Tun Razak dan sudah sampai masanya kita mempunyai Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Hussein Onn, Memorial Tun Ismail dan juga pemimpin-pemimpin yang lain.

Akhirnya, saya ucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tiang.

4.28 ptg.

Tuan Tiang Thai King: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan 1992 dan membuat peruntukan bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum memulai ucapan perbahasan saya, inginlah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak dan Persekutuan terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ketua Menteri Sarawak, kerana kepercayaan dan keyakinan mereka yang diberikan kepada saya dengan perlantikan saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara. Saya berjanji akan menunaikan kewajipan-kewajipan dengan segala daya upaya saya dalam tempoh jawatan saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan kita telah menyampaikan pendiriannya dalam ucapan beliau ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 di Persidangan Dewan Rakyat tempoh hari, Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi cabaran-cabaran strategik dan menterjemakan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya hendak mencadangkan beberapa langkah yang saya serasi dengan hasrat Kerajaan untuk terus meningkatkan peluang dan kemudahan pendidikan kepada seluruh rakyat:

- (i) Lebih banyak lagi sekolah rendah kebangsaan atau jenis kebangsaan didirikan di kawasan-kawasan yang padat penduduknya untuk menampung pertambahan kanak-kanak yang berumur persekolahan atau diberi peruntukan atau pemberian modal untuk melaksanakan projek pembinaan bangunan tambahan, gantian atau baru.
- (ii) Pentingnya pendidikan teknik dan vokasional harus digalakan. Pelajar-pelajar lepasan SRP atau SPM harus

diberi peluang menerima pendidikan teknik dan vokasional supaya mereka boleh memperolehi kemahiran teknik. Kelayakan atau syarat diterima masuk ke sekolah atau instituit teknik dan vokasional hendaklah diringankan.

- (iii) Rakyat Malaysia di negeri Sarawak sangat gembira kerana diberitahu bahawa satu universiti penuh akan didirikan di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Tetapi saya harap agar pelajar-pelajar Sarawak diberi keutamaan untuk mendapat peluang melanjutkan pendidikan di universiti nanti.

Selain dari itu universiti-universiti yang mempunyai program berkembar dengan universiti luar negeri sememangnya diberi galakan. Dan Kerajaan boleh berhubung dengan universiti-universiti luar yang ternama supaya mereka dapat mendirikan kampus di negeri kita. Dengan itu, pelajar-pelajar kita tidak payah lagi pergi keluar negeri dan pengaliran keluar wang pertukaran asing akan dibendung dan dikurangkan. Penyediaan tenaga manusia yang berpengetahuan, berilmu, terlatih dan berkemahiran adalah jaminan penting bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia di Sarawak, khasnya di Bahagian-bahagian Sibu, Sarikei, Kapit dan Bintulu sangat gembira kerana sebuah Hospital Besar telah mula dibina di Sibu dan akan disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbinanya hospital baru Sibu nanti, tentu akan disediakan kemudahan-

kemudahan perubatan. Tetapi saya berharap agar Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang lebih bagi memenuhi keperluan hospital ini dari segi penyediaan ubat-ubatan, doktor-doktor pakar dan jururawat. Kerajaan harus mengkaji semula tanggagaji bagi doktor pakar, pegawai perubatan dan jururawat dan menentukan satu tanggagaji baru yang boleh menarik mereka balik bekerja di mana-mana hospital Kerajaan demi kesejahteraan hidup rakyat. Lebih banyak kursus dan latihan jururawat diadakan supaya banyak lagi jururawat boleh diambil dari lepasan-lepasan SPM, tidak mengira apa kaum mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penekanan terus diberi kepada pendekatan bersampingan kesihatan, akan lahirlah suatu bangsa Malaysia yang sihat dan kuat badannya, senang dan berbahagia hidupnya sehingga dapat menghasilkan matlamat Wawasan 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya hendak menyampaikan setinggi-tinggi ucapan penghormatan dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam usaha menghapuskan kesan-kesan yang wujud akibat dari kempen anti-tropical timber yang sengaja dijalankan oleh kumpulan yang mempunyai niat yang terselindung. Rakyat Malaysia tetap menyokong tindakan Kerajaan itu. Rakyat dan Kerajaan negara-negara membangun pun akan memihak kepada kita demi untuk kepentingan dan kesejahteraan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya, dan saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1992. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Isli.

4.35 ptg.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ber-banyak ribuan terima kasih kerana saya telah diberi peluang walaupun di saat-saat akhir iaitu membahaskan suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi peruntukan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Saya merasa sangat bangga sekali kerana ini merupakan salah satu peruntukan yang amat besar iaitu sebanyak \$23 billion lebih bagi tahun 1992. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, maka saya ingin terlebih dahulu mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan-timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen. Memandangkan bahawa peruntukan yang begitu besar sekali, adalah merupakan satu peruntukan yang boleh dikatakan satu peruntukan yang amat cerah bagi negara kita bagi membangun negara dan juga ekonomi negara yang lebih mantap.

Di samping itu juga saya suka berterima kasih kerana Tun Daim juga turut memajukan negara untuk meningkatkan ekonomi, untuk memajukan Langkawi dan juga Labuan dalam Tiga Segi Utara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan bahas ini maka saya ingin menyentuh B.16 iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba yang merupakan satu peruntukan yang amat besar memandangkan bahawa Labuan adalah salah satu pulau di Malaysia yang telah dijadikan sebagai Pusat Pesisir Kewangan Antarabangsa. Kita harus meningkatkan lagi walaupun Jabatan Perkhidmatan Bomba ini telahpun mempunyai kerja-kerja yang cemerlang di dalam negara kita, tetapi demi untuk keselamatan harta-benda serta bangunan-bangunan yang akan dibina

di Pulau Labuan nampaknya masih banyak kekurangan lagi yang perlu dipertingkatkan. Maka sebelum Labuan menjadi salah satu pulau yang maju maka Perkhidmatan Bomba harus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh Kementerian Belia dan Sukan yang mana Kementerian ini mempunyai peruntukan yang tidak kurang banyaknya. Kementerian Belia dan Sukan harus juga memainkan peranan yang penting untuk menarik dan juga mencerminkan bahawa Labuan itu adalah salah satu pulau yang amat penting di negara kita kerana komitmen Kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai pulau IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh dalam ucapan bahas ini iaitu B.19 Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian merupakan salah satu peruntukan yang amat besar sekali iaitu \$890,229,400. Walaupun Pulau Labuan adalah satu pulau yang kecil daripada segi pertaniannya, tetapi kita hendaklah memikirkan satu perkara yang berbentuk komersial. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya mengadakan chalet-chalet yang berbentuk komersial.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan iaitu B.22, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah merupakan satu agensi Kerajaan yang amat penting bagi meningkatkan ekonomi negara kita yang mana Pulau Labuan adalah satu pulau yang mempunyai satu jiran iaitu Brunei Darussalam. Ingin saya mencadangkan di sini yang mana Kementerian Pelancongan hendaklah mengambil kira supaya ada satu ekspres dari Pulau Labuan ke Pulau Layang-Layang iaitu Terumbu Layang-Layang memandangkan bahawa, saya percaya, ada satu ekspres sahaja pada hari ini yang telahpun berjalan dari

Kota Kinabalu ke Terumbu Layang-layang. Apakah kiranya bahawa Kementerian Pelancongan juga bekerjasama dengan TDC supaya mengadakan satu ekspres khas iaitu daripada Pulau Labuan ke Terumbu Layang-Layang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan. Saya suka menyentuh Kementerian Pendidikan iaitu B.26 yang mana peruntukannya adalah amat besar sekali. Kementerian Pendidikan mempunyai peranan yang amat penting kerana kita perlu rakyat kita di negara ini mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, tetapi tidak kurang pentingnya bahawa di Labuan mesti diadakan salah satu sekolah yang bertaraf antarabangsa. Walaupun Kerajaan pada hari ini tidak mempunyai sebarang rancangan, tetapi perlu dirancangan daripada sekarang memandangkan bahawa Labuan adalah merupakan salah satu pulau yang akan menjadi tumpuan masyarakat, bukan hanya masyarakat Malaysia tetapi juga masyarakat di seluruh dunia, terutama sekali para pelabur-pelabur asing. Kita harus memikirkan perkara ini dengan begitu serius sekali kerana pelabur-pelabur asing yang akan datang ke Pulau Labuan nanti bukanlah mereka yang akan datang seorang sahaja tetapi besar kemungkinan mereka yang lebih ramai akan datang serta membawa famili-familinya sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila habiskan ucapan dalam lebih kurang satu minit.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya sudah potong banyak dan straight forward to the point.

Tuan Yang di-Pertua: Masih ada 13 Ahli yang hendak bercakap.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, minta saya dua second lagi.

Tuan Isli bin Haji Siput: Izinkan saya menyentuh B.54 iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mempunyai peruntukan yang amat besar sekali kerana Kementerian ini adalah merupakan salah satu Kementerian yang bukan sahaja berfungsi untuk meningkatkan pembangunan asas di luar bandar tetapi juga berfungsi sebagai salah satu tonggak kepentingan politik negara kita dan perlulah pembangunan di luar bandar harus dipertingkatkan daripada semasa ke semasa. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mempertingkatkan dan menambahkan peruntukan bagi pembangunan asas di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana masa tidak ada, maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1992. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

4.44 ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1992. Dengan penuh rasa kesedaran dalam memikirkan nasib dan masa depan rakyat, saya dengan ini menyokong Belanjawan Negara 1992. Sesungguhnya kita amat akur dengan Belanjawan ini yang memperlihatkan keprihatinan yang bersungguh-sungguh dalam melahirkan keadaan hidup rakyat yang berdaya maju.

Kalau boleh, saya merujuk kepada teks ucapan Belanjawan 1992 yang dibacakan oleh Menteri Kewangan Malaysia, para 2 di mukasurat 2 yang menyebutkan bahawa Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi

cabaran-cabaran strategik dan menerjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung di dalam Wawasan 2020. Kita ingin melihat agar Belanjawan ini di samping memberikan penekanan yang serius dalam melahirkan masyarakat industri, ingin juga kita tekankan di sini agar kualiti hidup pekerja-pekerja di sektor perindustrian juga perlu ditingkatkan dan diberi pembelaan yang sewajarnya.

Adalah sesuatu yang amat menyedihkan jika pekerja-pekerja dalam sektor perindustrian yang telah banyak memberikan sumbangan ke arah masa depan ekonomi yang lebih cemerlang dibiarkan begitu sahaja tanpa mengambil kira tentang hal-hal yang bersangkutan dengan masalah kesihatan dan tekanan-tekanan yang dihadapi oleh mereka. Akhbar-akhbar tempatan pernah mendedahkan kepada kita tentang beberapa fenomena yang berlaku di mana gadis-gadis kilang telah diperdaya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab hingga menyebabkan dalam satu kes seramai lebih daripada tiga puluh orang telah mengandung tanpa bapa. Kes ini berlaku kepada pekerja-pekerja perindustrian di Perai di Butterworth. Kajian menunjukkan bahawa gadis-gadis yang terlibat dalam kes ini majoritinya datang dari kawasan kampung dan pedalaman.

Gejala ini berlaku disebabkan oleh kerana gadis-gadis yang berhijrah dari desa ke bandar untuk bekerja di sektor perindustrian dan dalam keadaan yang sedemikian, mereka telah mengalami seperti apa yang disebutkan sebagai "kejutan budaya". Nilai-nilai tradisi yang diwarisi yang berpusat di kampung sudah tidak boleh bertahan lagi apabila berhadapan dengan arus pembangunan dan permodenan bandar yang bercorak kebaratan. Pekerja perindustrian ini pula terdiri dari generasi muda yang mempunyai fungsi penyelarasan diri yang fleksibel yang mudah ternoda oleh sesuatu yang baru

yang mereka menganggap yang baru itu harus bernilai, dan akibatnya mereka mengambil sesuatu yang baru dengan menukar seluruh budaya hidup mereka yang penuh dengan nilai-nilai yang unggul. Kajian juga menunjukkan bahawa dari cara makanan, minuman dan pakaian sehinggalah kepada budaya hidup yang mencakupi cara berfikir yang serba bebas dan cabut daripada tradisi budaya Timur dan penukaran budaya inilah yang merupakan satu fakta yang terpenting yang menyebabkan pekerja industri yang disebutkan di awal tadi telah terjerumus ke dalam kancah kemaksiatan. Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil tanggungjawab terhadap apa yang berlaku kepada pekerja-pekerja dalam sektor ini. Sebenarnya saya berkata demikian ialah kerana mereka telah menjadi korban dan mangsa kepada satu dasar yang mementingkan ekonomi daripada pembangunan manusia itu sendiri dan hal ini juga berlaku disebabkan oleh kerana beberapa rasukan elemen-elemen persekitaran yang tidak sihat yang menerobos masuk menerusi media cetak dan elektronik yang mendedahkan cara hidup Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta maaf kalau apa yang telah diperkatakan berhubung dengan budaya ini merupakan satu ulangan entah kali yang ke berapa yang pernah saya katakan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi hingga ke saat ini nampaknya isu ini masih segar-bugar untuk diperkatakan kerana langkah-langkah berkesan kurang diambil bagi mengatasi masalah ini. Pada waktu ini kita masih lagi bercakap mengenai perindustrian yang menjadi perkara pokok dalam menghadapi cabaran ekonomi dalam dekad-dekad yang akan datang.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan berhubung dengan masalah kesihatan yang dihadapi oleh

sebahagian pekerja dalam sektor ini. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk merujuk kepada satu kes seorang wanita yang bekerja di salah sebuah kilang di Perai Butterworth yang dikatakan salah satu anggota badannya hampir lumpuh disebabkan oleh pendedahan bahan kimia di kilang tempat beliau bekerja. Pendedahan itu juga telah didedahkan oleh salah sebuah akhbar tempatan dalam bulan ini. Sebenarnya, kes ini merupakan di antara ratusan kes yang berlaku terhadap pekerja kilang dalam negara ini yang tidak didedahkan.

Pada kesempatan ini saya juga ingin merujuk kepada beberapa kes pembuangan bahan kimia dan sisa-sisa toksik yang dikatakan sedang berlaku di beberapa buah tempat seperti di Pantai Remis dan Kuala Juru. Jadi kes pembuangan bahan kimia ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan para nelayan, tetapi yang lebih penting ialah hal ini merupakan salah satu gejala di mana kesihatan rakyat sedang terancam.

Sesungguhnya, saya amat akur dengan keprihatinan Kerajaan untuk melahirkan satu masyarakat perindustrian yang maju, tetapi segala cita-cita ini tidak akan dapat diterjemahkan menjadi suatu realiti kalau dalam keadaan yang sama di mana corak pembangunan perindustrian negara mengabaikan aspek kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau apa yang dikatakan initerlalu kritikal, dan saya mengesyorkan supaya Dasar Perindustrian Negara dinilai semula sebagai satu dasar usaha ke arah melahirkan satu masyarakat perindustrian, tetapi memiliki nilai-nilai murni, penyayang dan penuh berdisiplin, dan bukannya masyarakat industri yang penuh dengan kerosakan dan berpenyakit.

Tuan Yang di-Pertua, teks Ucapan Belanjawan 1992 muka surat 5, para 8 telah menyebutkan tentang kemunculan pasaran Eropah bersatu dalam tahun 1992 dan Kawasan Pasaran Bebas Amerika Utara (NAFTA). Jadi kemunculan ini tentunya dijangka akan berlaku persaingan ekonomi yang lebih sengit dalam skenario ekonomi antarabangsa.

Kalau boleh saya ingin menambah tentang sebuah lagi pakatan yang bercorak ekonomi yang sedang bergerak dalam menguasai ekonomi dunia. Pakatan itu disebut, dengan izin, General Agreement on Tariff and Trade (GATT), atau dalam Bahasa Malaysia disebut sebagai Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan. Pakatan ini telah ditubuhkan pada tahun 1986 yang bermula persidangannya di Uruguay, dan ia dianggotai oleh 108 buah negara di dunia. Tujuan ditubuhkan ialah untuk menyelaraskan urusan Tarif dan Perdagangan Bebas di dunia.

Negara-negara maju yang menganggotai GATT berkehendakkan supaya semua negara-negara dunia mengawal prinsip perdagangan bebas, dan jika prinsip perdagangan bebas ini diamalkan, ia sudah pasti akan mengancam kedudukan ekonomi negara-negara dunia ketiga termasuklah Malaysia.

Saya berpendapat bahawa perdagangan bebas yang dikehendaki oleh GATT tidak boleh diamalkan kerana ia semata-mata akan menguntungkan negara-negara maju. Jika apa yang dikehendaki oleh GATT ini dilaksanakan oleh semua negara dunia ini, bererti bahawa sebuah Kerajaan besar yang maju dan memiliki kekuatan ekonomi seperti Amerika seumpamanya dengan sewenang-wenangnya boleh membuka bank-bank di negara-negara dunia ketiga seperti di Afrika misalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gunakan masa satu minit lagi.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, berikanlah peluang sedikit lagi kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ada dua perkara yang saya hendak cakapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Dan jika hal ini berlaku maka bank-bank tempatan di Afrika akan mengalami persaingan yang hebat dan sengit dan bank-bank gergasi dunia yang memiliki kekuatan yang ampuh dalam menyaingi bank-bank kecil tempatan Afrika. Begitu juga dengan pemindahan teknologi di mana negara-negara dunia ketiga hanya boleh menyediakan pekerja-pekerja dalam kilang-kilang yang didirikan di negara dunia ketiga, tetapi ini dimiliki oleh negara maju. Pemindahan kemahiran dan pemindahan ilmu selama-lamanya tidak akan berlaku, kerana negara dunia ketiga terpaksa membayar kalau ingin memiliki kemahiran teknologi, dan kawalan ini belaku di bawah apa yang disebutkan sebagai kawalan hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan dari pandangan-pandangan yang diberi, kerana saya terpaksa meringkaskan, saya ingin mengesyorkan agar Kementerian Kewangan merangka satu dasar kukuh supaya bank-bank tempatan tidak menjadi mangsa dalam persaingan dengan bank-bank asing.

Di sini juga saya melihatkan begitu penting penubuhan EAEC sebagai satu pakatan yang dapat berfungsi sebagai benteng pertahanan yang kukuh di rantau ini, dalam menghadapi penjajahan ekonomi yang sedang dirangka dengan cukup teliti pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya hanya hendak bercakap satu lagi berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Di dalam sessi kali ini saya telah membangkitkan agar Kementerian Belia dan Sukan mengharamkan permainan tinju dalam acara sukan di masa yang akan datang. Namun pihak Kementerian tetap bercadang untuk meneruskan acara ini dengan alasan untuk menambahkan pingat dan ianya juga dibenarkan oleh beberapa Pertubuhan Tinju di negara-negara Barat. Dengan segala rendah hati dan supaya Ahli-ahli Dewan ini tidak menuduh saya sebagai seorang yang tidak beradab, saya ingin bertanya apakah perbezaannya pada hakikatnya di antara permainan tinju yang mengadu-dumbakan manusia dengan permainan ayam laga atau laga ayam. Kita semua tahu bahawa permainan laga ayam telahpun diharamkan oleh Kerajaan. Kalau tidak keterlaluan, bolehkah kita menganggap binatang lebih mulia dari manusia.

Di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan akan kesan sejarah sukan tinju ini yang menyebabkan beberapa peninju yang terlantar di hospital akibat kecederaan otak, iaitu di Nagoya, Jepun, di Peru, di Nigeria dan di Afrika Selatan.

Menurut Setiausaha Agung Perubatan Australia Encik Peter Wilkinson mana-mana sukan yang mengakibatkan seseorang itu dipukul di kepalanya harus diharamkan, kerana otak manusia tidak dapat membezakan tumbukan seseorang itu sama ada amatur ataupun profesional.

Sehubungan dengan itu negara Sweden dan negara Norway telah mengharamkan tinju, begitu juga Persatuan Perubatan Britain (BMA) telah mendesak supaya sukan ini diharamkan dari Sukan Komanwel 1994 di Victoria, Canada.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat.....

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sedikit lagi sudah hendak habis.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Oleh yang demikian, saya ingin bertanya, perlukah kita menunggu sehingga beberapa orang peninju kita mengalami nasib yang sama sebelum sukan ini diharamkan? Dan saya ingin menyarankan kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya mengkaji semula tentang permainan sukan tinju ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masapun tidak mengizinkan, berebut saya bercakap, tetapi tidak apalah, apa hendak buat saya pun tidak puas hati cakap berebut, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1992. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ghazali bin Embong.

4.57 ptg.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh. Salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang saya hormati pegawai-pegawai Kerajaan, hadirin-hadirat sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulwang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 23 Disember, 1991.

Saya mengucapkan syabas kepada Dato' Seri Menteri Kewangan dan kepada pegawai-pegawai yang terlibat di dalam Rang Undang-undang ini.

Pada hemat saya Rang Undang-undang ini patut sangatlah mendapat sokongan keseluruhan Ahli Dewan yang mulia ini dan saya turut sama bangun untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Pada pendapat saya inilah satu-satunya Rang Undang-undang yang amat canggih sebagai anak kunci untuk menuju matlamat Wawasan 2020 nanti yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad ialah untuk mewujudkan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju yang kemakmurannya dinikmati oleh seluruh rakyat.

Sasaran tahun 2020 bermakna kita diberi tempoh selama 30 tahun untuk memperkembangkan diri bagi mencapai tahap yang diidamkan. Pengisian masa pada tahun-tahun selepas 2020 akan diisi oleh anak cucu kita, mungkin kita semua tidak akan sempat merasai nikmat yang dicapai oleh negara pada masa itu.

Anak cucu kitalah yang akan merasai dan seterusnya menyambung tugas-tugas kita sebagai khalifah di bumi Allah ini dalam menempoh cabaran-cabaran yang bakal dihadapi pada masa itu dan tahun-tahun selepasnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, keberkesanan untuk matlamat Wawasan 2020 adalah besar bergantung kepada kepimpinan masa kini supaya kesinambungan warisan yang diwarisi dan kemampuan bertahan dalam persaingan antarabangsa, baik dari segi ekonomi, politik dan sosial boleh dipertahankan sampai bila-bila. Oleh itu, mulai daripada sekarang, kita mestilah sama-sama berusaha, bekerjasama mengatur rancangan-rancangan dan seterusnya melaksanakan apa yang dirancang tersebut dengan sikap yang terbuka dan bersungguh-sungguh.

Penerapan nilai-nilai murni kepada generasi muda hari ini yang akan mengisi tahun-tahun selepas tahun 2020 adalah perlu diberi perhatian yang serius. Perlu diingati bahawa dalam usaha-usaha kita mengejar pencapaian matlamat Wawasan 2020 nanti kita tidak boleh meninggalkan nilai-nilai kehidupan yang kita amalkan sekarang. Kita tidak mahu Wawasan 2020 ini mengubah nilai hidup masyarakat sekarang kepada nilai-nilai hidup seperti yang diamalkan di negara-negara maju sekarang yang rata-rata meninggalkan tatacara hidup bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan di peringkat awal di sekolah-sekolah dengan pengenalan matapelajaran yang tertentu yang khusus memberi pendidikan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 tanpa mengubah struktur nilai kehidupan yang murni adalah perlu kerana kelak apabila generasi ini mengisi tahun 2020, maka ia tidak akan mudah terpengaruh dengan cara-cara kehidupan yang terkeluar daripada batas-batas, tatasusila Melayu yang kita menjunjung hari ini. Kita tidak mahu sebagai contoh apabila kita mencapai matlamat tersebut, akibat daripada kehidupan yang serba mencabar, mereka lupa tanggungjawab menjaga ibu-bapa mereka. Mereka akan

meletakkan ibu-bapa mereka di rumah-rumah kebajikan dan anak-anak mereka pula diletakkan di rumah orang-orang lain. Mereka tidak ada masa untuk memikirkan soal-soal seperti ini. Adakah kita sendiri apabila tua kelak mahu diletakkan di rumah kebajikan atau cucu cicit dibiarkan di tempat lain tanpa mendapat kasih-sayang yang sepenuhnya daripada ibu-bapa mereka? Ini amat bertentangan dengan dasar yang cuba diserapkan oleh Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang penyayang.

Kena baca lompat-lompat sedikit, sebab masa tidak ada.

Tuan Adam bin Kadir: Lompat dalam dua minit lagi.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Dua minit lagi?

Tuan Adam bin Kadir: Ya.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Adam bin Kadir: Lompat sahaja.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Saya pun tidak nampak ini, saya ingat.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan dasar kewangan bercorak Islam dibentuk seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini amat baik untuk mendedahkan kepada bakal-bakal usahawan ini kerana mewujudkan usahawan yang berjaya dalam bidang ekonomi, sosial dan agama. Ini merupakan satu daya-usaha yang baik, kerana selama ini skop penerapan nilai-nilai Islam hanya tertumpu kepada pentadbiran Kerajaan sahaja. Dengan perluasan skop inilah merupakan satu langkah ke arah mencapai Wawasan 2020.

Oleh sebab masa, terpaksa saya gosan balik. Melompat seminit. (*Ketawa*) Jadi, Akta ini boleh dinamakan Akta Perbekalan 1992.

Tuan Adam bin Kadir: Itu bukan gosan, Yang Berhormat. Itu ke hadapan.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Ah! itu ke hadapan.

Tuan Adam bin Kadir: Saya ingat gulunglah sedikit satu dua ayat.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Sekarang saya pergi kepada Kementerian Pengangkutan. Saya sebagai Ahli daripada negeri Terengganu, saya hendak mintalah Kementerian Pengangkutan ini untuk mengubah sedikit van-van yang boleh dimuatkan sampai 12 penumpang, kerana di Terengganu, kereta sewa telah bersaing dengan van-van ini. Ia buat tempat duduk sampai 15 orang, 16 orang. Kalau daripada Terengganu ke Dungun, tambang dikenakan \$6.00 tetapi van ini mengambil \$3.00 atau \$4.00 sahaja. Jadi, mereka boleh mengatasi kereta sewa ini. Pihak kereta sewa berasa sangat dukacita. Oleh sebab mata-pencarian mereka itu, semakin hari semakin kurang. Tetapi kalau van C20, van ekonomi ini, hendaklah pihak yang berkenaan menimbangkannya. Kalau hendak bawa van untuk perniagaan, hendaklah ditentukan berapa orang boleh muat. Jadi, janganlah ikut hendak muat seberapa yang mereka suka, akibatnya bila terlalu banyak penumpang, boleh mengakibatkan kemalangan.

Yang kedua, saya hendak sentuh mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya sebagai Ahli Majlis Bandaran Kuala Terengganu ingin menarik perhatian mengenai lori-lori sampah di Majlis Bandaran Kuala Terengganu, saya percaya mungkin Majlis Bandaran di kawasan lain pun serupa juga keadaannya. Soalnya ialah

lori untuk angkat sampah tidak mencukupi. Saya harap Timbalan Menteri yang ada di sini supaya menambahkan lagi lori-lori dan lori akan angkat najis cuma ada dua buah di seluruh empat kawasan Majlis Bandaran Kuala Terengganu. Jadi, tempahan tidak cukup. (*Ketawa*) Orang ramai yang menggunakannya.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, janganlah go-ahead gosan. Brake, teruskan. Lama sangat. (*Ketawa*)

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Jadi, sekianlah sahaja ucapan saya dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Nanti! Sila Yang Berhormat Tuan Mustapha Mohamed mengemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

Perbahasan disambung semula.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

5.08 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Bismillaahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah ke atas pembentangan Belanjawan Negara, Akta Perbekalan 1992 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Belanjawan ini disambut baik oleh semua golongan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan ini, saya dapati ianya berhasrat untuk menuju ke Wawasan 2020 mahu melihat rakyat dan negara Malaysia maju, berupaya berdiri di atas kaki sendiri setanding dengan rakyat negara maju yang lain seperti Jepun, Amerika dan lain-lain.

Bidang keusahawanan adalah satu bidang yang dapat menentukan kemajuan rakyat sesebuah negara. Di dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya buat tanggapan bahawa beliau telah mengambilkira tentang kesinambungan bidang keusahawanan yang telah dimulakan

oleh rakyat Melayu melalui Dasar Ekonomi Baru sehinggalah mereka ini menghadapi kemelesatan ekonomi pada tahun 1985 sehingga tahun 1986 sampailah kepada persetujuan Kerajaan menubuhkan satu tabung pemulihan usahawan untuk membantu memulihkan bumiputera yang menghadapi masalah kerana kemelesatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada industri pembinaan. Industri pembinaan adalah satu-satunya industri yang menjadi nucleus, dengan izin, kepada pembangunan yang keseluruhannya untuk mencapai Wawasan 2020. Oleh itu, ingin saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya kontraktor bumiputera yang ada di seluruh negara ini dapat ditingkatkan kemampuan mereka dengan memperuntukan seberapa banyak projek-projek untuk dilaksanakan secara berterusan dan cara tawaran runding.

Saya juga ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri Kerja Raya supaya dapat membincangkan satu perancangan penubuhan badan kaji-selidik mengenai sistem pembinaan di negara ini sejajar dengan Wawasan 2020. Sudah sampailah masanya bagi pihak Kerajaan dan kontraktor bumiputera bekerjasama untuk menubuhkan badan ini bagi mencari suatu sistem yang terbaik dalam bidang pembinaan untuk dilaksanakan di negara ini.

Saya ingat oleh kerana masa tidak mencukupi, saya sudahi dengan menyokong penuh Akta Perbekalan 1992 yang begitu rapi disediakan dan dipohonkan agar semua Kementerian-kementerian akan melaksanakan segala peruntukan-peruntukan itu dengan sebaik-baiknya. Sekian. Wabillahitaufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Itam Wali.

5.12 ptg.

Tuan Itam Wali bin Nawan:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya bercakap mengenai dengan Akta Perbekalan 1992. Dalam Akta ini terdapat semuanya 56 agensi-agensi Kerajaan yang akan diperbekalkan dengan sejumlah peruntukan yang diambil daripada Akta Perbekalan 1992. Keseluruhannya pada hemai saya perbelanjaan ini adalah amat besar dan mencukupi. Tahniah kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana kebijaksanaan memprogramkan Belanjawan yang begitu baik untuk pembangunan masyarakat di Malaysia daripada peruntukan 1992. Peruntukan ini nyata sekali menemui matlamat Wawasan 2020. Kalau disingkatkan lebih kurang:

- (i) membentuk satu bangsa Malaysia yang demokratik, bersatu padu, mempunyai ketahanan sosial yang kukuh, bermoral, penyayang, adil dan saksama dari segi kedudukan ekonomi serta berbudaya liberal;
- (ii) membangun ekonomi Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian sepenuhnya, dengan izin, a fully develope industrialized nation, berteknologi tinggi dari segi penggunaan dan inovasinya; dan
- (iii) mempertingkatkan imej masyarakat dan negara Malaysia supaya dihormati oleh khalayak antarabangsa dan menjadi model kepada negara-negara membangun lainnya.

Jadi, tidak hairan begitu lumayan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi membangunkan negara Malaysia di akhir ini nanti supaya wujud satu bangsa Malaysia yang dinamik, progresif dan produktif.

Keseluruhannya saya ingin menyentuh daripada banyak-banyak keistimewaan itu kepada beberapa agensi yang telah diperuntukkan di dalam Perbekalan ini iaitu saya mulakan dengan agensi yang diberi nama di sini B.55 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Kepada saya peruntukan ini walaupun bertambah daripada tahun-tahun yang sudah tetapi keseluruhannya jika kita banding dengan keperluan masyarakat itu sendiri, saya rasa kurang mencukupi. Harus diperakui bahawasanya Orang Asli masih ketinggalan di belakang dari segi pembangunan sosio ekonominya. Bukan saya sahaja yang mengatakan begitu malahan Kerajaan Negeri Selangor dalam terbitan akhbar tiga minggu yang sudah telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pembangunan Orang-orang Asli yang dikatakan pendapatannya ialah anggaran \$150 ke bawah iaitu di bawah paras kemiskinan rakyat termiskin di negara kita. Lepas itu di Dewan ini juga dari semalam hingga ke sekejap tadi Ahli-ahli Yang Berhormat lain turut mencerita dan menyatakan bahawa Orang-orang Asli perlu dipertimbangkan pembangunannya. Oleh itu peruntukan yang terdapat sebanyak \$36 juta ini, saya fikir tidak mencukupi. Jika boleh, pihak Kementerian yang berkenaan menambah sedikit lagi peruntukan supaya segala program pembangunan yang telah dirancang, yang telah disusur-galurkan begitu terperinci mulai Dasar Ekonomi Baru lagi hinggalah ke Rancangan Malaysia Keenam dan akhirnya Wawasan 2020 menjadi kenyataan, menjadi matlamat untuk mencapai pembangunan di kalangan Orang Asli. Saya menyeru ini di atas hakikat kemanusiaan dan kesepaduan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain di negara ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada perkara B.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang juga menjadi Kementerian kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Diharap Kementerian ini juga lebih menumpukan perhatian ataupun lebih serius dalam mengagihkannya pembangunan kepada masyarakat luar bandar termasuk kumpulan-kumpulan Orang Asli yang ada di merata ceruk rantau di kawasan-kawasan pedalaman. Dengan perhatian yang serius, saya rasa pembangunan Orang Asli kemungkinan akan dapat tercapai iaitu bergabung tenaga dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli itu sendiri.

Yang lain-lain ingin saya sentuhkan di sini ialah mengenai dengan B.53 iaitu Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Ini di kalangan Orang Asli amat bermasalah sekali. Kementerian Tanah pada saya, saya anggap ialah Kementerian yang bertanggungjawab mengenai tanah terhadap Orang-orang Asli. Hingga kini kebanyakan kawasan Orang Asli belum mempunyai status atau title tertentu tanah-tanah bagi Orang Asli, dan ini di antara lainnya mengakibatkan kelembapan ekonomi bagi masyarakat itu sendiri. Terdapat kes-kes yang telah saya bentangkan pada sesi Parlimen yang sudah, permohonan tanah untuk Orang Asli pada tahun 1953 hingga ke tahun 1991 ini tidak berjawab iaitu memakan masa lebih kurang 38 tahun. Jadi, apakah akan jadi kepada tanah-tanah yang tidak berjawab macam ini dan ke manakah atau bagaimanakah bentuk pembangunan yang akan diberi kepada Orang Asli yang tidak mempunyai status tanah yang begitu rupa?

Jadi, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini dengan peruntukan yang ada, saya mengharapkan kerja-kerja untuk mengupah, mengukur dan menyempadankan tanah-tanah untuk Orang Asli ini dapat disegerakan iaitu melalui pengambilan

kakitangan, pegawai dan pembayaran elaun lebih masa dapat diperuntukkan dengan begitu lumayan supaya benda-benda ini tidak menjadi rintangan lagi terhadap memberi status-status tanah kepada Orang Asli.

Mengenai dengan B.52 iaitu Kementerian Kerja Raya, saya juga telah banyak kali menyuarakan perkara ini di dalam Dewan ini juga iaitu terdapat dengan nyata di kawasan-kawasan pedalaman, kawasan-kawasan Orang Asli tidak dihubungi dengan jalan raya yang selesai. Akibat daripada ini untuk membawa masuk pembangunan ke kawasan pedalaman pun, kita menghadapi rintangan. Begitu juga untuk membawa hasil keluar untuk dipasarkan.

Jadi, saya berharap dengan Belanjawan yang begitu baik, pihak Kementerian Kerja Raya mengutamakan pembinaan jalan-jalan ke kawasan-kawasan tradisional yang didiami oleh Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak minta satu minit lagi, tidak lebih daripada satu minit.

Tuan Adam bin Kadir: Satu minit boleh.

Tuan Itam Wali bin Nawar: Seterusnya saya hendak menyentuh B.44 iaitu Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan peranannya pada zaman ini berbeza daripada tahun-tahun yang lampau iaitu terutama sekali pada tahun-tahun ketika darurat. Semasa kita menghadapi darurat, peranan Kementerian Penerangan amat berkesan. Segala maklumat Kerajaan sampai ke akar umbinya sehinggakan kita berjaya membanteras pengganaspengganas komunis di kalangan Orang-orang Asli. Sebaliknya kita menag dan Orang Asli telah menyokong Kerajaan sehingga kita mencapai kemerdekaan dan kita sedang menuju kepada Wawasan 2020. Kementerian

Penerangan hari ini tidak lagi menjelajah sampai ke akar umbinya dan kebanyakan mesej pembangunan untuk Orang Asli tidak sampai. Tidaklah berniat hendak menyalahkan Kementerian Penerangan ini tetapi maknanya peranan Kementerian Penerangan kini kurang berkesan. Peranan unit Penerangan yang sampai ke kampung-kampung hanya lebih mirip kepada menayang wayang gambar sahaja, mengambilalih peranan panggung-panggung wayang yang telah ditutup di bandar-bandar.

Jadi, ini pada saya kalau kita bermatlamat untuk membina satu bangsa yang dinamik pada tahun 2020 peranan ceramah pembangunan ini harus dititikberatkan.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, sudah dua kali menunjuk jam kepada saya, maknanya saya terpaksa berhenti di sini. Oleh itu, akhir sekali saya mohon menyokong Akta Belanjawan 1992. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Jen. Tan Sri Ghazali Mohd. Seth.

5.20 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Seterusnya saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan semua kakitangannya yang telah terlibat dan bertungkus-lumus untuk menguruskan Rang Undang-undang dengan teratur. Saya sedar bahawa persiapan Budget tahunan yang berjuta-juta ini adalah mengikut garis panduan

yang tertentu setelah pihak Kerajaan mengambilkira semua faktor.

Yang saya ingin, kerana masa tidak cukup, memetik daripada perbelanjaan itu yang pertama sekali, ini favourite saya ialah Kementerian Pertahanan, satu Kementerian yang mengandungi Angkatan Tentera Malaysia yang tidak mudah dierti dan difahami dengan dalam oleh semua pihak, mahupun Kerajaan ataupun rakyat dari hal peperangan dan pada masa aman, dari hal organisasi dan peranannya dari hal baik dan buruk. Di sinilah yang saya ingin menyarankan ada baik dan untungnya kedua-dua pihak iaitu awam dan tentera diaturkan untuk mengetahui kedudukan masing-masing khususnya tentera pada masa perang dan aman dengan meliputi semua perkara-perkara ketenteraan buat keseluruhannya yang boleh. Sebaiknya, Kementerian cuba beri pengetahuan ini di semua lapisan, pendidikan sekolah mahupun di Dewan ini ataupun diswasta. Maksud saya di sini ialah adakan mungkin satu syarahan ataupun seminar pertahanan ala-keselamatan negara dalam masa peperangan dan aman. Dengan demikian, pihak awam dan yang lain-lain boleh juga faham dengan lebih appreciative lagi peranan yang dimainkan oleh perwira-perwira kita dan seterusnya memahami juga sebab-sebab mengapa Kementerian sentiasa tiap-tiap tahun iaitu memerlukan perbelanjaan yang tinggi di Budget tahunan.

Seperkara lagi yang ingin saya sarankan di sini kepada Kementerian dengan segala hormatnya, mungkin ada baiknya satu badan Angkatan Tentera ataupun dinamakan, dengan izin, Arm Forces Consultative Committee yang tidak rasmi ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipilih oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan ahli-ahlinya boleh juga mengandungi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha, Panglima Tentera, lima atau sepuluh

orang pegawai-pegawai tentera yang kanan yang telah bersara dan ini terserah kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk memilihnya. Tugas utama mereka itu ialah memberi pengalaman dan pandangan terhadap pertahanan dan keselamatan negara buat keseluruhannya. Dan pegawai-pegawai yang dipilih itu hendaklah juga dengan rekod lepas yang bersih dan handal mutunya. Maksud saya tidaklah satu badan ini boleh mengganggu apa yang telah ada sekarang, akan tetapi memberi pandangan dan syor-syor supaya perbelanjaan yang besar-besar ini dan juga alat-alatan yang begitu complicated, dengan izin, boleh juga jawatankuasa ini memberi nasihat dan pandangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya juga soal memodenkan senjata dan yang lain-lain semuanya itu tidak begitu ketara, kepada sayalah, di dalam peperangan di sekitar negeri kita buat masa ini. Apa yang penting ialah semangat ketenteraan dari semua segi harus ditekankan, ditumpukan. Maksud saya apa yang kurang di organisasi sekarang itu cepat ditambahkan. Apa yang lemah diperkuatkan dengan seberapa cepat yang boleh. Begitu juga apa yang membazir dikurangkan, moral tentera harus selalu dipertingkatkan, hak kebajikan mereka harus diberikan, disiplin dan latihan yang teratur dan padat wajib dijalankan.

Pada pandangan saya, jika semuanya itu ditentukan dengan seberapa boleh, Angkatan Tentera Malaysia kita keselamatan kita akan lebih teguh dan disegani. Dan di samping itu juga, saya tidak ingin lupakan Pasukan Simpanan Angkatan Tentera kita. Oleh kerana pasukan inilah yang akan membantu dalam peperangan sekiranya pasukan regular tidak mencukupi, jadi terhadap pasukan ini patut sangat difikirkan dengan cepat untuk meningkatkan mutunya dan juga kekuatan setimpal dengan strategi pertahanan kita.

Seperkara lagi ialah berkaitan dengan rapid deployment force. Perkara ini telahpun saya kemukakan. Sungguhpun begitu, saya rasa pasukan ini harus diberi perhatian dengan serius supaya cepat kita adakan oleh kerana pasukan inilah yang boleh digunakan sekiranya ada satu-satu kecemasan ataupun emergency untuk membantu pasukan-pasukan lain yang sedia ada.

Yang ketiganya, berkaitan dengan accident ataupun satu kejadian yang tidak diingini seperti yang berlaku berkenaan kapalterbang kita dan juga helikopter kita. Saya minta pihak yang berkuasa jangan segan ataupun takut-takut memberitahu apakah yang sebenarnya sebab-sebab kemalangan itu terjadi. Oleh kerana kalau kita simpan sebab-sebab itu, rakyat nanti tidak percaya yang sebenarnya apa yang telah berlaku. Ini akan menjatuhkan moral mereka sehingga mereka nanti tidak mahu naik kapalterbang tentera sekiranya mereka ditawarkan untuk melawat ke sana ke sini dan sebagainya.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, kita akan berhenti perbincangan pada pukul 5.30 kira-kira dua minit lagi. Jadi, Yang Berhormat, bermakna hendak meneruskan cuba bataskan dalam masa dua minit lagi.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Boleh, no problem. Itulah yang ingin saya tekankan berkaitan dengan Angkatan Tentera buat keseluruhannya. Selain daripada itu, ingin saya hendak juga menyentuh dari segi Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia. Saya sokong apa yang telah diminta dari segi kewangannya itu. Tetapi dari soal apa yang telah berlaku di border kita, Malaysia-Thai Border dan juga di Selatan, saya tidak sekali-kali puas hati yang perkara itu kita lepas begitu sahaja. Ini berkaitan dengan

Kementerian Luar Negeri dan Kementerian yang lain juga. Saya ingat kalau kita diaman perkaranya yang menceroboh oleh Pasukan KTN kita di Padang Besar dan juga pegawai-pegawai kita di Kelantan ditangkap dengan segalanya, kalau kita menggunakan melalui diplomasi sahaja mereka itu ingat kita ini seperti pondan tidak boleh membalas tindakan Kerajaan. Bukannya daripada negeri Thai—saya percaya dari golongan jahat ini. Jadi, kita sekali-kali mesti tunjuk muscle kita supaya jangan dia ambil dengan sewenang-wenangnya. Begitu juga apa yang telah berlaku di Selatan.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, pondan pun ada muscle agaknya. (*Ketawa*)

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Begitulah kalau dijantik tergoles dia, tetapi muscle ini betul-betul punya muscle ini kerana negara kita, Tuan Yang di-Pertua, ini serius dan saya harapkan apa juga yang boleh dibuat mengikut peraturan supaya mereka itu tidak memandangkan kita boleh dilanyak begitu sahaja. Itu maksud saya.

Selain daripada itu, dengan ringkasnya saya ingin juga sarankan, Pejabat Setiausaha Persekutuan di Sabah dan Sarawak ini, saya telahpun membawa perkara ini dahulu, Pejabat ini harus ditingkatkan mutunya seperti juga Kedutaan kita supaya dapat mereka itu memainkan peranan yang lebih lagi, on behalf, dengan izin, daripada kita di sini. Mereka itu sangat memerlukan, saya percaya, kakitangan dan juga bantuan kewangan dan tanggungjawab mereka itu, saya katakan tadi kita boleh anggapkan serupa juga dengan Kedutaan Besar kita.

Akhir sekali, dengan perbelanjaan Parlimen yang \$17 juta, saya sokong dan saya harap pekerja-pekerja yang ada di sini, kalau tidak gaji mereka naik, elaun mereka harus sangat diberi oleh kerana kita berjumpa di sini, sampai pukul 7.00 ataupun pukul 8.00, mereka itu masih ada lagi di sini.

Yang keduanya, dari segi kantin kita ini, patut sangat ditinggikan standardnya supaya dapat kita banggakan kalau ada visitors datang ke mari, kita boleh bawa mereka ke sana. Pekerja-pekerjanya pun memakai pakaian yang sesuai, makanannya sangat-sangat sedap dan harganya berpatutan tetapi dari segi kedudukan kantin itu, saya ingat harus diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, demikianlah habisnya ataupun tamatnya perbahasan kita berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1992. Jadi, saya sekarang akan meminta pihak Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen menjawab bagi pihak Kementerian masing-masing. Saya mulakan dengan Menteri ataupun Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen, Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

5.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan dan seterusnya memberi pandangan dan teguran dan syor-syor terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh perbincangan 4 hari yang lalu, beberapa Ahli Yang Berhormat telahpun menyentuh berbagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, yang ingin saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan sedikit penjelasan.

Yang Berhormat Senator Saidin bin Mohamad telahpun meminta supaya Biro Tata Negara memberi perhatian di dalam hal-hal kepimpinan kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Pertubuhan Peladang dan lain-lain kerana mereka adalah pemimpin yang sentiasa berdamai dengan masyarakat awam. Untuk maklumat Yang Berhormat, Biro Tata Negara sedang menjalankan satu program baru yang dinamakan Program Bina Negara. Ini merupakan satu gerakan nasional untuk menorka perubahan dengan memupuk nilai dan membentuk sikap bangsa Malaysia menuju ke arah sebuah negara industri maju, dinamik dan progresif selaras dengan hasrat dalam Wawasan 2020.

Intisari program Bina Negara menegaskan keseimbangan di antara pembangunan insan yang mampu menghayati nilai-nilai murni sejagat serta perkembangan ekonomi dan industri yang tinggi bagi menjamin kesejahteraan diri, masyarakat dan juga negara. Oleh hal yang demikian, Program Bina Negara ini digubal berdasarkan 7 kumpulan sasar iaitu kumpulan politik, pentadbiran awam, swasta, belia, pendidikan, kumpulan sosial aktif dan ke akar umbi.

Program ini adalah dibuka kepada seluruh warganegara Malaysia tanpa mengira kaum. Hasrat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun diambil kira dalam pelaksanaan Program Bina Negara ini.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Azman Atar bin Othman, yang berharap supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menasihatkan pegawai-pegawai supaya tidak terlibat dalam politik kerana ia boleh menjejaskan aktiviti-aktiviti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Suka dijelaskan bahawa selaras dengan Perkara 19, Kaedah Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu berkenaan dengan Kelakuan dan Tatatertib 1989, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memastikan bahawa pegawai-pegawainya mematuhi Perkara 19 tersebut.

Berhubung dengan saranan Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil langkah tegas di atas gerai-gerai yang tidak menjaga kebersihan. Saya ingin memaklumkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil tindakan yang tegas ke atas penjaja-penjaja yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

- (i) semua pemohon-pemohon baru yang telah diluluskan lesen, perlu menghadiri kursus terlebih dahulu iaitu sebelum lesen-lesen diserahkan kepada mereka. Di dalam kursus-kursus tersebut mereka diberitahu mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh penjaja-penjaja semasa menjalankan perniagaan. Di dalam kursus tersebut, aspek-aspek mengenai kebersihan dititikberatkan. Dalam hal ini, penjaja-penjaja perlu menyediakan tong-tong sampah dan karung plastik untuk membuang sisa-sisa makanan dan sampah-sampah yang lain.

- (ii) kakitangan-kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sentiasa menjalankan tanggungjawab mereka untuk menguatkuasa dan mengawasi kawasan-kawasan yang berkenaan. Tindakan-tindakan seperti amaran, notis, nasihat dan tindakan notis untuk kompaun dikeluarkan, jika didapati keadaan di gerai atau kawasan sekitar masih berkeadaan kotor. Tindakan dibuat untuk membatalkan lesen kepada penjaja-penjaja yang didapati sering melakukan kekotoran dan tidak membuang sampah di tempat-tempat yang telah ditetapkan setelah beberapa amaran diberikan, sekiranya gagal juga untuk mengikut arahan tersebut. Jumlah penjaja-penjaja yang telah dilesenkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setakat ini ialah seramai 55,895 dan jumlah notis dan kompaun pula yang telah dikeluarkan bagi tahun 1991 adalah sebanyak 2,508.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon dan Senator Ainon binti Ariffin menyentuh mengenai kesesakan Lalulintas di Wilayah Persekutuan yang sukar diatasi walaupun keadaan jalan telah diperbaiki serta jejantas-jejantas dibina di kawasan-kawasan yang sesak.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon menyarankan supaya sistem pengangkutan alternatif bagi orang awam seperti light rail-transit dan monorail dipercepatkan bagi mengatasi masalah kesesakan di Kuala Lumpur.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang menyedari akan kesulitan ini dan telahpun mengambil tindakan-tindakan sepertimana Yang

Berhormat sedia maklum berhubung dengan perkara ini. Satu sistem pengangkutan bandar yang komprehensif telahpun dicadangkan yang antaranya termasuk projek-projek yang utama seperti berikut:

- (i) Sistem Transit Laju Ringan;
- (ii) Sistem Metrolink;
- (iii) Sistem Monorail;
- (iv) Sistem Rail Commuter yang menggunakan double tracking; dan
- (v) untuk memperbaiki mutu perkhidmatan sistem bas.

Di bawah Sistem Transit Laju Ringan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun merancang sistem yang berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan dan juga pertumbuhan di luar pusat bandar dalam metrolink Kuala Lumpur ke pusat bandar Commuter Service. Pelaksanaan Fasa I iaitu dari Sentul ke Petaling Jaya telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan sejak tahun 1986 oleh kerana kemelesetan ekonomi pada masa itu tetapi dipulih semula apabila Kerajaan memperuntukan \$500 juta untuk melaksanakan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi Sistem Metrolink yang menggantikan aerobus, peranannya adalah juga sama seperti Sistem TLR tadi bertujuan untuk perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan pertumbuhan di luar pusat dalam Metropolitan Kuala Lumpur di pusat bandar iaitu, dengan izin, Commuter Service.

Projek ini telah diperkenalkan pada tahun 1986 dan akan dilaksanakan oleh pihak swasta. Laluan Sistem Metrolink akan menghubungkan pusat bandar ke Salak Selatan dan Ampang dan akan

menggunakan rezab Keretapi yang sedia ada. Sistem Monorail untuk intracity, iaitu untuk kegunaan dalam bandaraya pula, adalah satu sistem pengangkutan, dengan izin, iaitu "people mover" yang telah dicadangkan oleh DBKL untuk perjalanan dalam pusat bandar yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dan mempertingkatkan mobiliti di pusat bandar. Projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan untuk menggantikan Projek Aerobus. Kerajaan telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara penswastaaan. Setakat ini, kajian pelaksanaan untuk Fasa Satu telahpun siap dan tindakan untuk pelaksanaan sedang dibuat supaya disegerakan.

Sistem Rail Komuter yang akan dijalankan oleh KTM menggunakan 'double tracking', adalah satu sistem pengangkutan awam yang akan dilaksanakan oleh KTM untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari luar metropolitan Kuala Lumpur ke pusat bandar Kuala Lumpur ialah, dengan izin, Intra-City Commuter Service. Laluan Sistem Rail Komuter akan menghubungkan Rawang ke pusat bandar Kuala Lumpur dan Seremban. Ia akan mengikuti corridor landasan keretapi KTM yang sedia ada. Projek ini sedang dilaksanakan oleh KTM.

Mengenai perkhidmatan sistem bas, beberapa usaha telah dibuat untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan sistem bas di Kuala Lumpur. Usaha-usaha yang dijalankan setakat ini ialah:

- (i) menjalankan kajian untuk menyusun semula laluan bas yang sedia ada supaya perkhidmatan bas menjadi lebih efisien dan meliputi kawasan yang lebih menyeluruh;
- (ii) menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan terminal bas;

- (iii) menyediakan pondok-pondok bas baru yang lebih selesa dan menarik.

Mengenai pembangunan kondominium di Bandaraya Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, DBKL juga senantiasa peka terhadap rungutan dan bantahan ke atas pembangunan kondominium di Wilayah Persekutuan. Segala aspek bantahan yang dikemukakan akan dikaji dan dinilai dengan teliti. Kelulusan perancangan hanya akan diberi setelah syarat-syarat perancangan dipenuhi oleh pihak pemaju. Pembangunan kondominium sering kali dikaitkan dengan masalah kesesakan lalulintas. Di Kotaraya Kuala Lumpur, masalah kesesakan lalulintas bukanlah satu masalah yang berpunca dari wujudnya pembangunan kondominium semata-mata. Jika dikaji dari segi bilangan penghuni kondominium yang menggunakan kenderaan, didapati bilangannya adalah terlalu kecil, iaitu kira-kira 1% sahaja, berbanding dengan jumlah kenderaan yang ada di Kotaraya ini. Sebaliknya, pembangunan kondominium dijangka akan dapat mengurangkan aliran lalulintas pada waktu-waktu tertentu oleh kerana skim-skim kondominium, umpamanya, disediakan dengan segala bentuk kemudahan bercorak rekreasi dan juga kemudahan-kemudahan lain seperti kedai-kedai untuk keperluan harian. Kehidupan di kondominium merupakan satu cara hidup masa kini yang perlu digalakkan memandangkan Kuala Lumpur tidak dapat menawarkan kawasan yang mencukupi untuk pembangunan kediaman masa depan di samping nilai harga tanah yang kian meningkat. Pembinaan kondominium ini akan mengubah corak dan suasana kawasan kepada yang lebih baik dan sempurna dan tidak menjejaskan usaha-usaha pembangunan negara.

Berhubung dengan permintaan Yang Berhormat Senator Azman Atar Othman supaya perhatian yang serius diberikan kepada masalah setinggan dan projek-projek perumahan terutamanya yang dijalankan secara joint-venture dengan pihak swasta tidak menindaskan rakyat. Pihak yang bertanggungjawab di DBKL mengambil maklumat berhubung perkara ini dan akan memberikan perhatian yang wajar.

Rancangan untuk membina unit-unit rumah kos rendah dan sederhana melalui pelaksanaan secara usahasama dengan pihak swasta akan diteruskan walaupun peruntukan daripada Kerajaan adalah terhad. Setakat ini, sejumlah 12 projek mengandungi 14,000 unit rumah kos rendah sedang dilaksanakan. Selaras dengan itu, pihak DBKL juga akan terus mendapatkan kerjasama daripada pemaju swasta supaya pihaknya membina sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah rumah yang akan dibina terdiri daripada unit-unit rumah kos rendah ini. Di samping itu, pentadbiran DBKL akan terus mengambil perhatian ke atas setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan di Wilayah Persekutuan dan menempatkan mereka yang terlibat secara sementara di rumah-rumah panjang atau rumah-rumah pangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah Mohd. Akim menyarankan cuti bersalin 42 hari yang diberikan kepada kakitangan wanita di sektor awam dikaji semula kerana cuti yang diberikan itu tidak sejajar dengan tempoh pantang 44 hari, tambahan pula di sektor swasta tempoh cuti bersalin lebih panjang dari sektor awam. Untuk maklumat Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula tempoh cuti bersalin yang telah ditetapkan selama 42 hari seperti yang diamalkan sekarang. Tempoh yang ditetapkan itu adalah mencukupi untuk maksud rawatan dan istirehat selepas

bersalin. Dengan adanya kemudahan perubatan yang moden sekarang ini, tempoh tersebut difikirkan tidak akan mendatangkan sebarang kemudaratan kepada kesihatan anggota wanita yang berkenaan. Dalam pada itu juga, di dalam Sistem Saraan Baru yang akan dikuatkuasakan mulai 1.1.1992, Kerajaan telah memperuntukan kemudahan cuti bagi tujuan menyusu dan menjaga anak yang baru dilahirkan. Dengan kemudahan ini, anggota wanita boleh dipertimbangkan cuti tanpa gaji sehingga 90 hari sebaik sahaja habis tempoh 42 hari cuti bersalin. Kemudahan ini dihadkan kepada lima kali sepanjang tempoh perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut menyarankan Kerajaan supaya mengkaji semula mengenai kelayakan pencen terbitan kepada balu pasukan keselamatan berkahwin agar dilanjutkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula kelayakan pencen terbitan kepada balu pasukan keselamatan yang telah berkahwin semula. Peruntukan di bawah Undang-undang Pencen yang sedang berkuatkuasa membolehkan seseorang balu menerima pencen terbitan sekiranya suaminya meninggal semasa dalam perkhidmatan ataupun setelah bersara. Pencen terbitan itu akan ditarik balik sekiranya beliau berkahwin semula memandangkan saraannya akan ditanggung oleh suaminya yang baru. Walau bagaimanapun, pencen terbitan akan diturunkan kepada anak-anaknya yang masih di bawah umur 21 tahun dan pencen terbitan tersebut akan terus dibayar kepada anak-anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi sehinggalah mendapat ijazah pertama. Kerajaan berpandapat kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan itu adalah memadai dan sejajar dengan

usaha-usaha Kerajaan memberikan penekanan kepada peningkatan produktiviti dan prestasi untuk memajukan negara.

Yang Berhormat juga meminta supaya diberikan keutamaan kepada kakitangan Kerajaan untuk mendapat Quarters atau rumah Kerajaan di dalam bandar. Berkenaan dengan perkara ini saya ingin memaklumkan bahawa memang Kerajaan telahpun membuat peraturan yang demikian dan peraturan ini memang dilaksanakan. Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang memerlukan rumah ini diberikan pertimbangan mengikut peraturan-peraturan yang sudahpun ada. Ingin saya maklumkan juga bahawa bagi mereka yang mempunyai rumah yang telahpun dibeli dengan pinjaman daripada Kerajaan yang duduk dalam lingkungan 12 batu tidak dibenarkan untuk menduduki rumah Kerajaan ini.

Yang Berhormat Senator Shuib juga meminta Kerajaan menyediakan tempat kediaman untuk pelajar-pelajar di luar negeri. Dalam hal ini, ingin saya maklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam, sebagai salah satu badan penganjur kepada pelajar-pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di luar negara, tidak dapat menyediakan tempat kediaman kepada penuntut-penuntut yang ditaja. Urusan mencari tempat tinggal ini adalah dilakukan oleh penuntut-penuntut sendiri dengan mendapat bantuan serta nasihat daripada Jabatan-Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri di mana ianya ada.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan daripada saya dari Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Sekarang saya menjemput pula Kementerian Dalam Negeri. Dipersilakan.

5.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Belanjawan 1992 bagi Kementerian Dalam Negeri. Saya akan cuba seberapa daya untuk menjawab segala saranan atau teguran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat Tuan Azman Atar telah membangkitkan isu mengadakan perhimpunan untuk memperingati peristiwa Memali dan menggesa Polis mengambil tindakan tegas ke atas pihak yang menganjurkan perhimpunan tersebut.

Mengenai perkara ini, suka saya memaklumkan iaitu pihak Polis telah menerima dua laporan kejadian Perhimpunan itu dan kedua-dua laporan tersebut masih dalam penyiasatan Polis dan tindakan selanjutnya akan dibuat selepas siasatan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan menyediakan tempat kediaman untuk anggota-anggota Jabatan Imigresen, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyediakan kediaman kakitangan Jabatan Imigresen atas kedudukan perkhidmatan berkenaan yang memerlukan kakitangannya selalu bersedia untuk dipanggil bertugas. Pada masa ini tempat kediaman bagi sesetengah pejabat Imigresen telah disediakan manakala yang belum, usaha sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Menyentuh kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan

bahawa pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sentiasa memastikan semua pertubuhan yang berdaftar menjalankan aktiviti-aktiviti mengikut perlembagaan yang telah diluluskan. Tindakan pembatalan pendaftaran di bawah Seksyen 13 Akta Pertubuhan 1966 akan diambil sekiranya pihak jabatan mendapati sesebuah pertubuhan itu bergerak di luar ketetapan perlembagaannya.

Mengenai masalah pekerja asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon, suka saya menjelaskan iaitu peraturan mengambil pegawai dagang adalah ketat. Mereka hanya dibenarkan bekerja jika calon tempatan tidak ada dan kebenaran yang diberi adalah terhad kepada tempoh tertentu (maksimum 10 tahun kecuali bagi "key post" yang tiada had masa). Dalam tempoh tersebut pula mereka sememangnya disyaratkan melatih calon tempatan yang akan mengambil alih jawatan berkenaan di akhir tempoh khidmat pegawai dagangnya.

Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah ingin tahu mengapakah kegiatan-kegiatan Al-Arqam masih dibenarkan walaupun pertubuhan tersebut telahpun diharamkan. Dalam perkara ini, pengharaman Kerajaan ke atas kumpulan tersebut setakat ini adalah berkisar di atas penerbitan beberapa buah buku dan majalahnya. Ini tidak termasuk aktiviti Tadikanya. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memerhati segala aktiviti kumpulan atau pertubuhan tersebut dan tindakan tegas akan diambil sekiranya mendapati kegiatannya boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam negara ini.

Mengenai pemindahan penagih-penagih dadah, pada amalan biasa, keluarga penagih-penagih dadah adalah dimaklumkan sekiranya seseorang penagih itu dipindahkan ke pusat-pusat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang sentiasa mengambil berat tentang keselamatan di penjara-penjara. Oleh itu, bagi menjelaskan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Saidin dan Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah, berbagai langkah telahpun diambil untuk memastikan supaya semua banduan dan orang-orang tahanan di dalam penjara tidak dapat melepaskan diri dari penjara. Di samping itu, pegawai-pegawai Penjara sentiasa diberi latihan-latihan tertentu sama ada berbentuk latihan asas, ulangkaji dan juga latihan-latihan kemajuan kerjaya.

Mengenai kesesakan dalam penjara, sukalah dimaklumkan bahawa langkah-langkah sewajarnya memang sedang diambil untuk mengatasinya. Langkah-langkah juga sentiasa diambil dengan memindahkan banduan daripada penjara yang sesak ke penjara yang kurang sesak.

Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan mencadangkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara menghantar pegawai-pegawai ke kawasan-kawasan ladang untuk menguruskan penukaran kad pengenalan. Mengenai perkara ini, Jabatan Pendaftaran Negara sedang membuat pengesanan terhadap sambutan orang ramai menukar kad pengenalan baru ini dalam masa enam tahun. Program tindakan seterusnya bergantung kepada sambutan orang ramai.

Berhubung dengan kewujudan pendatang tanpa izin di negara ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Shuib Endut, Kementerian Dalam Negeri telah dan sedang mengambil tindakan mengetatkan kawalan di sepanjang sempadan bagi mencegah kemasukan pendatang tanpa izin. Agensi-agensi penguatkuasa di bawah Kementerian ini yang terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan

Imigresen dengan dibantu oleh RELA sedang dan akan terus menjalankan tanggungjawab ini.

Mengenai penyalahgunaan dadah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil semua tindakan yang difikirkan perlu bagi membanteras kegiatan tersebut. Undang-undang telah diperketatkan, rondaan dibuat di kawasan sempadan dan di perairan negara. Tindakan memberi khidmat nasihat juga telah dibuat oleh Kerajaan di peringkat kampung, daerah, negeri dan kebangsaan.

Namun begitu, ada juga golongan-golongan tertentu di kalangan masyarakat kita yang kurang mengambil berat, seperti ibu bapa yang kurang mengambil tahu pergerakan anak-anak mereka. Bagi Kerajaan, ini adalah sangat penting kerana benteng utama menentang gejala penyalahgunaan dadah ini adalah di rumah. Oleh kerana kelalaian ibu bapa jugalah terdapatnya sebilangan kecil murid-murid sekolah terlibat dalam hal ini.

Saya suka menekankan di sini Kerajaan mengambil berat akan hal ini dan bersedia mengambil tindakan-tindakan sewajarnya.

Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah telah meminta Kerajaan menimbangkan supaya elaun anggota Pasukan Pertahanan Awam dinaikkan. Mengenai perkara ini, untuk makluman Yang Berhormat, kadar bayaran elaun bagi Ahli Sukarelawan telahpun dikaji semula dan Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menaikkan elaun tersebut.

Mengenai penonjolan berita-berita yang berbentuk "gossip" seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, Kementerian sentiasa meneliti secara terperinci tiap-tiap keluaran surat-khabar termasuk majalah, buku-buku dan lain-lain penerbitan yang

menonjolkan beritaberita "gossip", berita-berita provokatif dan "sensational" dan yang berbentuk hasutan. Sekiranya laporan, berita atau kenyataan yang berbentuk sedemikian disiarkan dan bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987, tindakan yang tegas akan diambil mengikut lunas undang-undang.

Mengenai penyelewengan di Jabatan Imigresen yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Aionon, pihak Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Zainal Md. Deros meminta Kerajaan mengambil tindakan ke atas pertubuhan-pertubuhan Pencinta Alam yang datang ke negara ini dan cuba menghalang usaha-usaha pembangunan negara. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap tindak-tanduk kumpulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran-teguran mengenai berbagai isu dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Bagi pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian.

Tuan Adam bin Kadir: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dipersilakan.

5.59 *ptg.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Luar

Bandar, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membangkitkan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbincangan mengenai usul Belanjawan Negara bagi tahun 1992 sejak 23 Disember yang lalu.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya mengenai program-program pembangunan luar bandar yang dirancang untuk pelaksanaan pada tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid bin Abdullah, tanah ladang yang diperuntukkan kepada peneroka, mereka akan diberi hak milik individu setelah selesai membuat bayaran kembali dan lain-lain bayaran yang diwajibkan kepada FELDA. Terdapat juga sebahagian tanah rancangan yang tidak diperuntukkan kepada peneroka-peneroka tetapi diusahakan oleh FELDA. Tujuannya ialah supaya sebahagian dari kos pengurusan FELDA dapat ditanggung melalui keuntungan hasil ladang-ladang tersebut. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan supaya sebahagian kos pengurusan FELDA dapat ditanggung olehnya sendiri. Oleh yang demikian, kawasan ini tidak dapat diserahkan kepada peneroka ataupun anak peneroka FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pandangan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim dan Yang Berhormat Senator Tuan Isli bin Haji Siput, pihak Kementerian sedia menyedari akan keperluan dan kepentingan rakyat di kawasan luar bandar. Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, peruntukan yang diberikan kepada Kementerian

Pembangunan Luar Bandar untuk tahun 1992 ialah sebanyak \$476,390,500 bagi Perbelanjaan Mengurus dan lebih kurang \$1.5 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan menjadikan peruntukan keseluruhan sebanyak \$1.9 bilion. Dengan mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan pada masa ini, Kementerian berpendapat peruntukan ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan pembangunan kawasan luar bandar untuk tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pandangan Yang Berhormat Senator Dahlan Haji Embun dan Yang Berhormat Senator Tuan Itam Wali Nawan, pihak Kementerian juga sentiasa peka dan memberi perhatian kepada pembangunan Orang Asli. Melalui peruntukan yang telah diberikan, beberapa program telah dirangka untuk pembangunan masyarakat orang asli:

- (i) program pembangunan ekonomi yang mengandungi aktiviti tanaman jangka panjang, industri kecil, bimbingan usahawan dan lain-lain aktiviti yang merupakan aktiviti menambah pendapatan;
- (ii) program pendidikan sosial yang melibatkan aktiviti seperti pendidikan, perubahan dan kesihatan, kemudahan infrastruktur, perumahan dan lain-lain; dan
- (iii) program rancangan pengumpulan semula.

Program-program di atas adalah dirancang mengikut dasar dan strategi untuk mencapai integrasi dan kesejahteraan hidup Orang Asli. Adalah diharapkan masyarakat Orang Asli dapat mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup mereka dan boleh membawa masyarakat berkenaan ke arah 'main stream' dengan sempurna

dan seterusnya dapat sama-sama menikmati dan menghayati hasil pembangunan bersama.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian ini memang memberi perhatian yang khusus di dalam meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar dan mengurangkan kadar penghijrahan ke bandar-bandar. Kumpulan sasar Kementerian ini adalah penduduk luar bandar iaitu termasuk kaum wanita sama ada suri rumah ataupun tidak. Oleh itu di dalam strategi perancangan dan pelaksanaan program-program tersebut, penekanan dan pengkhususan adalah mencakupi ke arah memperkembang dan mempertingkatkan masyarakat luar bandar termasuklah penglibatan kaum wanita. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam perindustrian luar bandar, perkembangan dan peningkatan ditakrifkan sebagai penambahan dari segi bilangan atau kuantiti dan juga peningkatan dari segi tahap ataupun kualiti usahawan-usahawan di luar bandar, termasuklah penglibatan kaum wanita.

Pihak Kementerian juga telah mengenalpasti bahawa dengan Dasar Pembangunan Ekonomi Negara dan Kemajuan Pendidikan, maka pada dekad 90an dan seterusnya ke abad 21, merupakan penyertaan kaum wanita yang lebih aktif di bidang industri luar bandar. Pihak Kementerian telah juga mengenalpasti faktor-faktor halangan di dalam pembangunan industri luar bandar iaitu seperti halangan di peringkat kemasukan, halangan ketahanan dan juga masalah peningkatan. Oleh itu di dalam mengatasi halangan-halangan tersebut, pihak Kementerian ini telah menumpukan perhatian bagi pembangunan industri di luar bandar iaitu dengan memberi rangsangan, sokongan dan pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Yang Berhormat Senator telah menyentuh mengenai usaha-usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan asas dan pembinaan jalan-jalan luar bandar. Bagi menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Ding Seling, Yang Berhormat Senator Munisamy dan Yang Berhormat Senator Haji Shuib bin Shawal, sukalah dinyatakan bahawa memang menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur di luar bandar supaya kemudahan infrastruktur luar bandar tidak jauh bezanya dengan yang terdapat di bandar. Kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur tersebut seperti jalan, bekalan elektrik dan air bukan sahaja untuk tujuan keselesaan hidup di luar bandar tetapi juga untuk membolehkan perkembangan industri kecil dan sederhana ke luar bandar. Walau bagaimanapun, peningkatan kemudahan infrastruktur ini akan dibuat berperingkat-peringkat dari masa ke semasa sesuai dengan perancangan yang telah dibuat bagi sesuatu kawasan luar bandar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus melengkapkan kemudahan asas untuk penduduk luar bandar termasuk juga kawasan ladang. Bagi kawasan ladang, tanggungjawab untuk mengadakan kemudahan asas adalah terletak di pihak pengurusan ladang tersebut. Bagaimanapun, bagi ladang yang kecil iaitu yang kurang daripada 1,000 ekar, pihak Kerajaan akan menyumbangkan peruntukannya bagi bekalan air dan elektrik bersama-sama dengan ladang berkenaan untuk mengadakan kemudahan asas. Ini bermakna bagi ladang-ladang kecil iaitu yang kurang daripada 1,000 ekar, pihak ladang yang berkenaan hanya dikehendaki menyumbangkan 1/3 daripada kos projek bekalan air dan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga akan terus membina lebih banyak kemudahan asas di kawasan luar bandar. Sementara kemudahan asas yang ada sekarang akan dipertingkatkan bagi kawasan luar bandar yang telah dikenalpasti untuk dijadikan pusat pertumbuhan desa. Di bawah program penyusunan semula kampung-kampung di luar bandar dan mewujudkan pusat pertumbuhan desa, Kerajaan akan mengadakan kemudahan asas dan infrastruktur sesuai dengan kedudukan pusat pertumbuhan tersebut sebagai pusat perdagangan, industri dan pentadbiran di kawasan berkenaan. Program mewujudkan pusat pertumbuhan desa ini yang dimulakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, akan dapat mempertingkatkan bukan sahaja kemudahan asas dan infrastruktur tetapi juga perkembangan ekonomi di kawasan-kawasan kampung di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Haji Ahmad bin Haji Abdullah mengenai perkhidmatan kakitangan KEMAS, Kementerian ini sentiasa mengambil perhatian atas kebajikan dan kepentingan perkhidmatan mereka. Pada masa ini kontrak bagi penyelia-penyelia KEMAS adalah untuk tempoh 2 tahun selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan bagi pegawai kontrak yang lain. Dengan adanya kontrak yang telah diperbaharui setiap dua tahun, ianya akan membolehkan pihak Kementerian menilai prestasi pegawai-pegawai itu semasa menimbang perlanjutan tempoh perkhidmatan mereka. Langkah sedemikian boleh membantu menentukan keberkesanan perkhidmatan dan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Untuk makluman Dewan yang mulia, pihak Kementerian telah bersetuju untuk menaikkan elaun kakitangan ini sebanyak 5% selaras dengan perkhidmatan yang telah ditunjukkan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ingin saya ulangi di sini bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya untuk terus memperbaiki taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar supaya kehidupan luar bandar akan menjadi menarik dan menguntungkan. Bagi perkara-perkara lain yang tidak sempat saya menjawab, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengambil perhatian sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang di atas permohonan yang khas, saya menjemput wakil dari Kementerian Kerjaraya.

6.08 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Anggaran Belanjawan Pembangunan 1992 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay telah membangkitkan mengenai masalah kesesakan lalu-lintas di bandar Melaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan memang sedar dan mengambil perhatian serius mengenai masalah kesesakan lalu lintas di bandar Melaka. Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$53 juta di dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi melaksanakan projek-projek jalan pekeliling di bandar Melaka. Proses

tawaran tender sedang diambil tindakan oleh JKR pada masa ini, sementara proses pengambilan balik tanah bagi kawasan-kawasan yang terlibat telahpun selesai. Kerajaan juga berharap projek ini dapat disiapkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay juga berharap krisis air yang melanda negeri Melaka dapat dijadikan iktibar kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian yang serius mengenai bekalan air bersih yang mencukupi bagi rakyat dan pengguna-pengguna lain terutama kegunaan air di sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay atas ingatan tulus ikhlas beliau mengenai bekalan air bersih ini. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan memberi bekalan air bersih yang mencukupi kepada semua pengguna-pengguna dan akan memastikan supaya masalah krisis air seperti yang melanda negeri Melaka tidak akan berulang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ding Seling dari Sarawak telah meminta Kerajaan menambah peruntukan pembangunan infrastruktur terutama jalanraya bagi negeri Sarawak. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa setiap peruntukan pembangunan termasuk peruntukan bagi infrastruktur akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan seperti kedudukan kewangan negara, keadaan geografi dan kepentingannya kepada pengguna-pengguna dan juga kepada Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keenam, negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak \$790.79 juta bagi melaksanakan projek-projek

infrastruktur jalan raya di negeri Sarawak dan bagi tahun 1992 peruntukannya sebanyak \$245.95 juta telah diluluskan bagi melaksanakan projek-projek jalan raya utama di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pengangkutan.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pengangkutan, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan di sepanjang perbahasan atas Usul Rang Undang-undang Perbeklaan 1992 di Dewan yang mulia ini.

Sukalah saya memberi jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dikaji dengan teliti dan akan diberikan pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan.

Walau bagaimanapun, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Azman Atar Othman telah meminta supaya pegawai dan kakitangan di Jabatan Pengangkutan Jalan, Wilayah Persekutuan ditambah agar orang ramai tidak berbaris terlalu lama. Sebenarnya, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengemukakan satu sistem baru iaitu sistem 'queumatic' di mana orang ramai tidak perlu berbaris tetapi boleh mengambil nombor dan duduk menunggu, apabila dipanggil gilirannya, barulah mereka itu boleh pergi ke tempat yang berurusan. Dan ingin juga saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun mendapat kelulusan untuk 350 jawatan kerani tambahan. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang mengambil tindakan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut.

Di samping itu, Jabatan Pengangkutan Jalan juga sedang mengambil tindakan untuk memkomputerisekan semua urusan sebagai satu langkah tambahan untuk mempertingkatkan perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai. Projek pengkomputeran JPJ ini dijangka akan siap pada akhir tahun 1993.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Azman Atar supaya Pegawai Penguatkuasaan JPJ ditambah untuk menguatkuasakan antara lain undang-undang yang melarang lumba motosikal haram pada malam minggu, ingin saya memaklumkan bahawa JPA telah meluluskan 215 jawatan tambahan untuk Pegawai Penguatkuasa. Tindakan susulan sedang diambil untuk mengisi jawatan-jawatan tambahan tersebut. Ingin juga saya memaklumkan bahawa tanggungjawab menguatkuasakan Undang-undang Lalulintas seperti perlumbaan motosikal haram telah diberikan kepada pihak Polis. Pihak Polis sentiasa mengambil langkah-langkah

yang diperlukan termasuk menutup jalan-jalan tertentu dalam usaha mereka membanteras kegiatan lumba motosikal haram itu.

Yang Berhormat Sanator Law Jack Yoon mencadangkan supaya tindakan penguatkuasaan berkaitan dengan had muatan bas dan lori dipertingkatkan. JPJ sentiasa menjalankan urusan untuk mencegah lori yang membawa had muatan yang berlebihan. Tindakan penguatkuasaan akan menjadi lebih berkesan apabila mesin timbang dipasang oleh Jabatan Kerja Raya di 43 lokasi strategik di sepanjang rangkaian jalan raya; 13 akan siap sebelum akhir 1992.

Mengenai had muatan bas pula, dimintalah supaya kerjasama orang ramai iaitu tidak menaiki bas apabila bas itu telah penuh.

Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah Mohd. Salleh telah mencadangkan supaya perkhidmatan tambahan KTM pada waktu malam dari Arau ke Kuala Lumpur bagi kemudahan penduduk Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, Keretapi Tanah Melayu sedang menjalankan perkhidmatan tambahan Ekspres Langkawi yang bertolak dari Arau ke Kuala Lumpur pada jam 8.30 malam mulai 16hb November, 1991. Perkhidmatan ini dapat memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk Perlis dan juga negeri Kedah, dan perkhidmatan Ekspres Langkawi yang sebelum ini hanya dijalankan 3 kali seminggu dari Arau ke Kuala Lumpur telahpun ditambah kepada 5 perkhidmatan seminggu. Buat masa ini KTM belum bercadang untuk menambah perkhidmatan waktu malam dari Arau ke Kuala Lumpur kerana perkhidmatan Ekspres Langkawi yang sekarang masih mempunyai kapasiti yang dapat memenuhi pertambahan permintaan.

Yang Berhormat Senator Hajah Sabiah Mohd. Akim meminta penjelasan mengenai bekalan selimut di dalam KTM, dahulu selimut ini dibungkus, tetapi sekarang tidak lagi dibungkus, keadaan ini meragukan dari segi kebersihannya dan was-was untuk digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, semua selimut yang dibekalkan kepada penumpang-penumpang KTM Kelas Satu adalah dibungkus dengan plastik oleh kontraktor pencucian. Ini adalah salah satu syarat yang dikenakan dalam kontrak berkenaan. Semua selimut yang dibekalkan adalah bersih untuk digunakan. Dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Salbiah, mungkin pelayan koc telah membuka selimut itu dari plastiknya terlebih dahulu sebelum diberikan kepada penumpang. Walau bagaimanapun, saya akan siasat selanjutnya mengenai perkara ini.

Bagi penjelasan kepada perkara yang dibangkitkan oleh Senator Ghazali Haji Embong, iaitu meminta supaya van diubah; katanya yang memuatkan sehingga 12, 15, 16 penumpang dan van-van ini pula mengambil penumpang-penumpang seolah-olah kereta sewa dengan mengenakan bayaran yang lebih murah dari bayaran yang dikenakan oleh kereta sewa iaitu \$4.00 berbanding dengan \$6.00 yang dikenakan oleh kereta sewa. Beliau mencadangkan, jangan ikut muat sahaja, katanya. Apabila kemalangan, ramai benar yang maut.

Sebenarnya van-van ini memang menjadi perhatian serius sekarang ini dan di bawah kaedah binaan dan kegunaan sesebuah kenderaan ditentukan bilangan penumpang yang boleh dibawa, sama ada ianya kereta sewa ataupun kereta persendirian. Masalah kita ialah kelazimannya, Proton Saga itupun kita isi sampai 6-7 orang, sepatutnya 4 sahaja termasuk

pemandu. Jadi, ini yang menjadi masalah, dan apa yang saya faham, van-van ini tidak diberikan permit untuk membawa penumpang seperti kereta sewa, kebiasaannya yang saya tahu yang diberikan permit ialah untuk bas kilang dan juga bas sekolah. Jadi, kalaulah ada van-van ini membawa penumpang-penumpang yang mengenakan bayaran, maka mereka itu menyalahi aturan Peraturan Lalulintas di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Jadi, saya haraplah kalau ada, dapatlah Yang Berhormat mengambil nombor-nombor van itu, beritahu tempatnya di mana, tarikhnya bila dan masanya tolong sampaikan kepada kami atau kepada JPJ yang berdekatan supaya kita dapat membanteras kerja-kerja yang menyalahi Akta Pengangkutan Jalan ini dan dengan itu menentukan bahawa penumpang-penumpang selamat. Penumpang-penumpang juga bersalah, mereka kadang-kadang hendak selamatkan \$2.00 tetapi tak tahu bahawa nyawanya dalam bahaya, kerana van-van ini tidak diberikan permit untuk membawa penumpang dan tidak ada insurans yang menjamin kalau ada kemalangan. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapatlah memberikan peringatan ini kepada semua rakyat kita di mana-mana juga mereka berada.

Jadi, nampaknya itu sahajalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan isu-isu di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan memberi jaminan bahawa perkara-perkara, isuisu yang dibawa ini, bukan sahaja diambil perhatian tetapi akan diambil tindakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang tugas Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang, Yang Berhormat Datuk Tan Gim Hua telah membangkitkan ura-ura STM untuk menaikkan kadar perkhidmatan telefon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar perkhidmatan telefon yang ada sekarang adalah kadar yang ditetapkan pada tahun 1985. Semenjak itu sehingga hari ini tiada sebarang perubahan kadar dibuat bagi kemudahan telekomunikasi, sungguhpun kadar inflasi telah meningkat dan kadar kemudahan-kemudahan awam lain telah dinaikkan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Telekom Malaysia telah membuat keuntungan yang besar dalam beberapa tahun yang lepas. Tetapi Telekom Malaysia juga perlu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk terus membangunkan infrastruktur kemudahan telekomunikasi di negara ini. Kerajaan merasa bangga kerana sehingga hari ini Telekom Malaysia telah dapat meningkatkan efficiency operasinya dalam semua aspek tanpa menaikkan tarif. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Telekom Malaysia telah mengumumkan untuk membelanjakan lebih \$10.7 ribu juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam untuk membangunkan kemudahan telekomunikasi di negara ini.

Ingin juga saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak Telekom Malaysia dan Kementerian saya sebenarnya sedang mengkaji semula keseluruhan

struktur kadar dan tarif kemudahan telekomunikasi yang sedia ada untuk menseimbangkan dengan keadaan semasa serta tidak membebankan mana-mana pihak.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay dari Melaka iaitu berhubung dengan kabel-kabel telefon sepanjang jalan pantai dari Bandar Hilir ke Tenggera, saya dimaklumkan bahawa sebahagian besar dalam kabel antara kedua tempat itu disalurkan melalui bawah tanah kecuali beberapa tempat. Pihak STM memang ingin menyalurkan kabel-kabel melalui laluan bawah tanah tanpa dikenakan perbelanjaan dan melibatkan mana-mana pihak. Bagi tujuan penanaman kabel ini jalan terpaksa ditutup untuk beberapa hari. Memandangkan kesulitan yang mungkin timbul, projek ini tidak dapat dilaksanakan buat masa ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai Tenaga Nasional Berhad yang hanya membayar pampasan terhadap pokok dan tanaman bagi tanah-tanah yang diambil untuk laluan talian elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa Tenaga Nasional Berhad hanya membayar pampasan ke atas pokok-pokok sahaja bagi tanah-tanah yang terlibat dengan talian penghantaran voltan tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, di samping membayar pampasan ke atas pokok-pokok, Tenaga Nasional Berhad juga membayar pampasan ke atas kecacatan tanah-tanah yang terlibat. Bayaran ini dikenali sebagai elaun disabiliti ataupun disability allowance.

Elaun disabiliti tanah adalah dikira berdasarkan 30% daripada nilai pasaran tanah (market value) di kali dengan luas kawasan terlibat.

Bagi tanah-tanah terlibat dengan talian penghantaran voltan tinggi tidaklah diambilbalik oleh Tenaga Nasional Berhad. Tenaga Nasional Berhad masuk ke tanah-tanah terlibat mengikut Seksyen 11 Akta Bekalan Elektrik 1990 cuma untuk mendapatkan izin lalu sahaja.

Di samping membayar pampasan ke atas pokok-pokok dan elaun kecacatan tanah, Tenaga Nasional Berhad juga membayar balik cukai tanah bagi tanah-tanah yang terlibat dengan syarat pemilik-pemilik mengemukakan tuntutan kepada Tenaga Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya terhadap teguran-teguran, pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana teguran dan syor yang tidak sempat dijawab akan tetap diberikan perhatian oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Menteri dari Kementerian Perusahaan Utama memberikan jawapan.

6.25 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbahasan Belanjawan 1992 di Dewan yang mulia ini.

Mengenai perlantikan bekas Ahli Parlimen sebagai Pengerusi Lembaga Tembakau Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mohd. Zain bin Haji Mat Daud, ingin saya memaklumkan bahawa perlantikan

tersebut telah dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973 yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri melantik Pengerusi mengikut budi bicara Menteri.

Adalah juga dijelaskan bahawa Pengerusi LTN bukan merupakan Pengerusi Eksekutif di mana Yang Berhormat langsung tidak tahu Akta itu. Dan oleh itu, tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan LTN.

Berhubung dengan agihan kuota, ianya dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang mengambil kira prestasi keupayaan dan tata kelakuan pengawet termasuk hubungan dengan agensi Kerajaan. Patutlah orang yang selalu menghentam Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan, sampai masa mereka mahu kuota, mereka mahu banyak kuota. Dan hentam, dia tetap hentam tetapi mereka mahu banyak kuota. (*Tepuk*) Mana boleh. Kalau you mahu kuota, pujilah agensi Kerajaan sedikit, ini Kerajaan Persekutuan bukan Kerajaan Negeri. (*Ketawa*)

Adalah tidak benar bahawa kuota daripada pengusaha-pengusaha bumiputera dipotong dan diberikan kepada pengusaha-pengusaha bukan bumiputera sepertimana yang difitnahkan oleh Yang Berhormat Senator Mohd. Zain bin Haji Mat Daud. Sebaliknya, ingin saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan bahawa kedudukan pengusaha-pengusaha bumiputera tidak terjejas. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kuota bumiputera bagi tahun 1992 telah meningkat iaitu sebanyak 7,603,259 kilogram atau 67.5% berbanding dengan 6,933,358 kilogram atau 66% bagi tahun 1991. Sementara kuota bagi bukan bumiputera bagi tahun 1992 adalah 1,289,718 kilogram atau 11.4% berbanding dengan 1,236,518 kilogram atau 11.8% bagi tahun 1991.

Mengenai tender-tender baja subsidi kepada penanam-penanam tembakau, ingin saya menjelaskan bahawa syarikat-syarikat yang telah berjaya dalam tender baja bagi tahun 1991 dan 1992 adalah merupakan syarikat-syarikat yang didapati berkemampuan dan kompetitif dari segi keupayaan membekal kualiti baja dan harga.

Mengenai cadangan ditubuhkan konsortium bagi membekalkan baja seperti yang diamalkan bagi penanam-penanam padi, Kementerian akan mengambil perhatian terhadap cadangan ini. Sampai di sini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Perusahaan Utama. Walau bagaimanapun, segala cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara lain di bawah bidang tugas Kementerian ini akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang diPertua: Sekarang saya menjemput Menteri dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk memberikan jawapan.

6.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon supaya dikurangkan import bahan asas industri besar, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan sedang melaksanakan di bawah Rancangan Jangka Panjang Kedua dari 1991-2000.

Dasar-dasar dan Program-program Khas termasuk kemudahan-kemudahan kewangan dan insentif bukan fizikal untuk membangunkan industri kecil dan sederhana atau IKS dan seterusnya mengurangkan paras import bahan-bahan perindustrian. Di antara dasar-dasar berkenaan ialah dasar menggalakkan penggunaan bahan tempatan dan dasar untuk meningkatkan hubungkait perindustrian di antara industri besar dan industri kecil dan sederhana yang akan meningkatkan nilai ditambah eksport negara kita.

Bagi mencapai matlamat dasar-dasar yang tersebut di atas, beberapa program pembangunan industri kecil dan sederhana telah diwujudkan. Di antaranya:

- (i) Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITF) untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mutu produk IKS.
- (ii) Pusat Pendaftaran Kontrak Kecil untuk menemukan industri besar dan IKS. Setakat ini lebih 2,500 buah syarikat termasuk 330 buah syarikat industri besar telah didaftarkan.
- (iii) Penyediaan Tabung Modal Untuk IKS seperti Tabung Usahawan Baru.
- (iv) Penyediaan tapak-tapak IKS berhampiran dengan tapak-tapak perindustrian industri besar untuk merapatkan hubungkait antara IKS dan projek-projek industri besar yang memerlukan komponen keluaran IKS.

- (v) Penubuhan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia bertujuan untuk meningkatkan penyelidikan secara komersial bagi menghasilkan produk-produk baru oleh pengilang-pengilang tempatan melalui penyediaan modal teroka ataupun venture capital.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng tentang pengurangan dalam pelaburan dengan tindakan Kerajaan untuk menarik balik beberapa galakan cukai, untuk makluman Yang Berhormat, kajian yang terperinci telahpun dibuat oleh Kerajaan sebelum perubahan dibuat ke atas Skim Galakan Pelaburan.

Dalam penyemakan semula Skim Galakan Cukai, penekanan telah diberikan kepada keperluan untuk menarik pelaburan-pelaburan yang selektif iaitu projek-projek yang berteknologi tinggi, nilai ditambah dan kandungan tempatan yang tinggi dan berintensif modal. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya lebih misi-misi penggalakan pelaburan luar negeri diadakan, ianya akan diambil perhatian. Berhubung dengan penyibarannya industri-industri ke kawasan luar bandar, Kerajaan memang menggalakkan industri-industri bertempat di kawasan-kawasan luar, dari kawasan yang menjadi tumpuan pelabur-pelabur masa kini, ke kawasan yang tidak menghadapi masalah tekanan ke atas bekalan tenaga kerja, tanah perindustrian dan kemudahan utiliti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Salbiah Mohd. Akim tentang lokasi kilang-kilang berhampiran kawasan perumahan, Kerajaan memang mengambil berat terhadap perkara ini dan perbincangan

sentiasa diadakan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak-pihak berkuasa tempatan dan agensi lain yang berkaitan mengenai perkara ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, isu perancangan zon perindustrian dan perumahan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan saya yakin Kerajaan Negeri berkenaan sentiasa mengamalkan perancangan pembangunan yang teratur.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan Yang Berhormat Tuan Ding Seling supaya diadakan projek-projek usahasama di Eropah Timur, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku di Eropah Timur.

Dalam masa yang sama Kementerian ini menyalurkan maklumat-maklumat pasaran serta memberi galakan dan bantuan melalui pejabat perdagangan Malaysia di negara berkenaan kepada pihak swasta yang berminat. Dalam pada itu usaha-usaha galakan akan dipertingkatkan di negara-negara tersebut apabila ekonomi di negara-negara berkenaan bertambah stabil.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Ismail supaya kesan-kesan sosial dan kesihatan diberikan perhatian di samping faedah ekonomi, Kerajaan akan memberikan perhatian yang sewajarnya ke atas cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada beberapa isu tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan Kementerian saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya ke atas semua cadangan dan teguran yang telah dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pendidikan.

6.34 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1992 dan mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin memberi penjelasan dan ulasan kepada pandangan dan kritikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon dan Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan yang mengalu-alukan usaha Kementerian Pendidikan dalam mengadakan prpgram Pra Sekolah. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan yang semua kanak-kanak mendapat pendidikan pra sekolah sebelum masuk ke Darjah Satu. Penubuhan Pra Sekolah adalah diberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang belum mempunyai kemudahan pra sekolah iaitu sebagai tambahan kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak-pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon telah juga menimbulkan isu berkaitan dengan pendidikan komputer. Sehubungan dengan itu, salah satu cara untuk membantu Kementerian Pendidikan dalam usaha memperkenalkan komputer kepada pelajar-pelajar kita adalah melalui penubuhan dan pelaksanaan kelas-kelas komputer di sekolah-sekolah di samping Kementerian Pendidikan dalam kemampuannya memperkenalkan Program Literasi Komputer kepada

60 buah sekolah di luar bandar melalui sesi persekolahan 1991/1992 ini.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon dan Yang Berhormat Senator Tiong Thai King juga telah menyentuh tentang sistem pendidikan negara yang terlalu menekankan kelayakan akademik dan tidak memberi penekanan di dalam latihan vokasional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melaksanakan sistem pendidikan di negara ini dua jurusan di peringkat menengah atas telah dipersetujui untuk diwujudkan iaitu jurusan akedemik dan juga jurusan vokasional. Jurusan vokasional memainkan peranan yang penting dari segi pendidikan dan latihan kemahiran. Penekanan yang tinggi telah diberikan kepada bidang latihan kemahiran jika kita bandingkan dengan matapelajaran akademik. Pada tahun 1991 sebanyak 8% pelajar-pelajar di sekolah menengah atas mengikuti jurusan vokasional. Rancangan juga sedang dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk menambah peratusan ini di masa-masa yang akan datang. Penekanan kepada latihan memang diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan supaya lulusan dari aliran latihan kemahiran ini di sekolah-sekolah menengah vokasional dapat diterima oleh pasaran.

Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan, Yang Berhormat Senator Dato' Tan Gim Hua, Yang Berhormat Senator Munisamy dan juga Yang Berhormat Senator Tiong Thai King telah juga menimbulkan beberapa isu berkaitan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya sekolah bantuan modal yang dimaksudkan adalah sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan, iaitu mengikut Akta Pelajaran 1961 diberi grant aid atau dengan bantuan pengurusan yang sama seperti sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian

Pendidikan. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat diberi bantuan modal atau bantuan pembangunan yang sepenuhnya oleh kerana tapak sekolah tersebut bukan milik Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat V.K. Sellappan yang menimbulkan isu kegiatan ko-kurikulum di sekolah-sekolah, sebenarnya aktiviti ko-kurikulum adalah sebahagian dari kurikulum. Oleh itu, kegiatan ko-kurikulum yang dijalankan adalah untuk menyempurnakan pendidikan para pelajar di sekolah-sekolah. Contohnya, di peringkat sekolah rendah diperuntukkan 60 minit seminggu untuk aktiviti ko-kurikulum bagi membolehkan para murid-murid memahami hal-hal berkaitan seperti keselamatan jalanraya, keselamatan diri, aktiviti pasukan beruniform seperti Pengakap dan Pandu Puteri. Di samping itu, aktiviti-aktiviti seperti perkhemahan, sukan dan olahraga, pasukan kadet tentera, polis, kembara, mendaki gunung dan sebagainya dibuat di luar masa belajar, misalnya di waktu petang bagi yang bersekolah di waktu pagi dan sebaliknya.

Aktiviti ini juga kadangkala dibuat pada masa hujung minggu, hari minggu dan juga masa cuti persekolahan. Walau bagaimanapun, pada umumnya aktiviti ko-kurikulum memang dijalankan di luar waktu persekolahan. Aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah tidak mengganggu pelajaran akademik murid-murid malah melatih mereka ini menjadi warganegara yang dapat berinteraksi secara positif dalam kumpulan dan masyarakat melalui pendidikan informal ini.

Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah mencadangkan supaya padang sekolah dijadikan tempat latihan sukan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini telahpun terdapat sekolah-sekolah yang

membenarkan belia-belie menggunakan padang sekolah bagi tujuan latihan sukan selagi kegiatan tersebut tidak mengganggu perjalanan urusan harian sekolah.

Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah juga menimbulkan isu untuk menampung kekurangan guru-guru terlatih seramai 17,000 orang dengan melatih guru-guru sandaran pada hujung minggu seperti normal trained teachers, dengan izin.

Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa pada masa ini masih terdapat kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah kita. Buat masa ini Kementerian tidak bercadang mewujudkan kembali Sistem Latihan Hujung Minggu. Guru-guru sementara yang memenuhi semua syarat-syarat perlu menjalani latihan perguruan sepenuh masa dengan jayanya sebelum mereka dapat dilantik dijawatan tetap dalam Perkhidmatan Pendidikan. Mereka ini dilatih sepenuh masa dengan tujuan untuk mendapatkan kesinambungan memenuhi keperluan menghasilkan guru yang berkualiti di samping dapat memenuhi jangka masa serta bidang latihan yang telah ditetapkan.

Kementerian Pendidikan akan mengenalpasti latihan Maktab-maktab Perguruan supaya lebih ramai lagi guru-guru pelatih dapat diambil setiap tahun untuk diberikan latihan.

Yang Berhormat Senator Tuan Shuib bin Endut telah mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengadakan program pendidikan dan kauseling mengenai salahguna dadah pada pelajar-pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan telah menyediakan program-program dan pada masa kini menjalankan program-program ini khas berkenaan isu-isu tersebut. Di antara program

yang dilaksanakan di sekolah-sekolah adalah Kem Jayadiri, Sessi Bimbingan dan Kaunseling, Rakan Sebaya Semasa Cuti Sekolah dan juga dalam Skim Rancangan Anti-Dadah. Jadi, di samping itu Pendidikan Pencegah Dadah telah diajar untuk mengenal-pasti Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) melalui Matapelajaran Bahasa Malaysia, Matapelajaran Sains, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan juga Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Jadi, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri, setakat ini Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian terhadap penglibatan penuntut Malaysia kita dalam politik dan dakwah demi pelajaran mereka tidak terjejas.

Mengenai mengenai tempat kediaman setakat ini penuntut-penuntut Malaysia yang menuntut di United Kingdom, Australia, Indonesia dan Mesir ada disediakan tempat tinggal iaitu di Dewan Malaysia. Bagi penuntut-penuntut di negara-negara yang lain mereka telah diberi elaun sara hidup yang sewajarnya dan bertujuan antara lain untuk keperluan tempat tinggal.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat tentang adanya penuntut-penuntut Malaysia yang beragama Islam bersekedudukan, setakat ini di Kementerian Pendidikan tidak ada laporan yang kami terima mengenai ini. Sekiranya didapati ada penuntut Malaysia yang berkelakuan demikian, Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan terhadap mereka ini sesuai dengan perjanjian yang dipersetujui semasa mereka diberi biasiswa. Jadi, berhubung dengan dakwaan seramai 49 orang penuntut Malaysia yang telah dirompak di

Miami setakat ini Kementerian Pendidikan belum menerima apa-apa laporan mengenainya.

Yang Berhormat Senator Tuan Ng Peng Hay telah menimbulkan isu disiplin yang kian merosot di kalangan pelajar-pelajar kita. Kementerian Pendidikan memang memandang serius mengenai masalah disiplin di kalangan pelajar walaupun masalah tersebut adalah dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, oleh kerana keselamatan dan masalah disiplin pelajar adalah manifestasi dari persekitarannya iaitu suasana di sekolah, suasana di rumah dan juga di sekelilingnya, maka usaha kita untuk membendungkan masalah tersebut dari berleluasa memerlukan usaha bukan hanya dari pihak sekolah sahaja, bahkan juga dari ibu bapa dan masyarakat umumnya.

Di sini juga, kita pastikan di mana kegiatan Ko-Kurikulum mendapat peranan dalam mencegah masalah seperti ini. Kementerian Pendidikan juga menjalankan berbagai program atau usaha untuk membendungkan masalah disiplin ini di kalangan pelajar-pelajar kita di samping menjamin keselamatan mereka serta suasana tenang dan damai di persekitaran tempat belajar semasa waktu persekolahan. Jadi, di antara usaha Kementerian Pendidikan termasuklah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memohon kerjasama daripada pihak Polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat atas hal-hal disiplin pelajar yang berlaku di luar kawasan sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shuib bin Shawal, Kementerian Pendidikan telahpun menjalankan kajian semula kepada Pekeliling 3/67 iaitu pindaan kepada Pekeliling Pentadbiran Bil.3/67 dalam tahun 1982, dan pindaan kepada Pekeliling Pentadbiran Bil.3/67 dalam

tahun 1990 dengan mengambilkira mengenai pembahagian murid dari sebuah kelas di peringkat rendah dan menengah.

Mengenai cadangan menambahkan peluang pendidikan tinggi yang dikendalikan oleh pihak swasta seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Tan Gim Hwa, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi peluang kepada pihak swasta menjalankan program-program pendidikan tinggi. Beberapa institusi pendidikan swasta tempatan telah dibenarkan menjalankan program berkembar dengan beberapa universiti luar negeri. Ia bergantung kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, di antaranya kursus yang ditawarkan itu mempunyai kemudahan-kemudahan dan juga tenaga pengajar yang berkelayakan serta berpengalaman bersesuaian dan mencukupi untuk mengendalikannya.

Pada masa kini Kerajaan belum bercadang menubuhkan universiti terbuka seperti yang diamalkan di negara-negara Barat. Walau bagaimanapun, beberapa aspek universiti terbuka seperti Program Luar Kampus dan sebagainya telah dilaksanakan oleh beberapa institusi pengajian tinggi tempatan.

Kerajaan akan melaksanakan lebih banyak lagi program ini jika dianggarkan perlu dan sesuai bagi mempertingkatkan keperluan pendidikan tinggi di negara ini.

Untuk menambahkan peluang-peluang pendidikan tinggi di negara ini, Kerajaan telah dan akan membangunkan beberapa cawangan universiti tempatan untuk memperbesarakan kampus-kampus induk dan cawangan, menambahkan program baru dan juga menambah kemasukan pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Yang Berhormat Senator yang sama juga menegurkan mengenai kelemahan Kurikulum Matematik KBSR dan juga perlu digiatkan Matapelajaran Matematik dan Sains di peringkat Menengah Atas, untuk pengetahuan dan kemahiran bagi keperluan negara industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang terdapatnya kelemahan dalam Matapelajaran Matematik KBSR ini. Bagi tujuan ini, Kementerian Pendidikan sedang mengambil langkah-langkah seperti mengadakan kaedah, cara pemulihan untuk mengatasi kelemahan yang terdapat dalam Matapelajaran Matematik KBSR ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya KBSM sememangnya menekankan Matapelajaran Sains dan Matematik. Matapelajaran Sains dijadikan matapelajaran teras dalam KBSM. Matapelajaran Sains dibuat dalam dua bentuk iaitu sebagai matapelajaran teras dan matapelajaran pilihan atau elective.

Dalam menggubal Kurikulum Sains diambilkira juga perkembangan baru dalam bidang sains selaras dengan tujuhala Kementerian Pendidikan untuk menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang maju.

Menjawab perkara yang telah ditimbul oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Zainal bin Md. Deros mengenai graduan institusi pengajian tinggi tidak dapat bertutur bahasa Inggeris semasa ditemuduga. Sebenarnya, semua institusi pengajian tinggi kita tempatan ini mewajibkan pelajar-pelajar mereka mengambil Kertas Bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris juga dipertingkatkan dengan mendedahkan mereka ini kepada alam pekerjaan di sektor swasta dan menjalankan aktiviti-aktiviti

Ko-Kurikulum seperti pementasan drama dalam bahasa Inggeris. Inisiatif pelajar sendiri juga perlu untuk mempertingkatkan penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk meningkatkan lagi latihan guru-guru bahasa Inggeris dengan mengadakan tiga jenis program, Program Praperkhidmatan termasuk Kursus Perguruan Lulusan Ijazah, Program Kursus dalam Perkhidmatan dan juga Program Kembar dengan universiti di United Kingdom. Guru-guru bahasa Inggeris yang terlatih kita akan tempatkan mereka di desa-desa bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar kita di luar bandar.

Yang Berhormat Senator yang sama juga telah menyentuh mengenai sistem ejaan baru yang dikatakan mengelirukan dan membebankan pelajar-pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sistem ejaan Bahasa Melayu memang sentiasa diperkemaskan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Mengenai isu kurikulum pendidikan tinggi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, pihak universiti sentiasa memperkemaskan kurikulum mereka supaya dapat disesuaikan dengan alam pekerjaan.

Yang Berhormat juga telah meminta Kementerian Pendidikan mengkaji semula kurikulum di sekolah-sekolah dan juga Pusat Pengajian Tinggi supaya sesuai dengan kelulusan memasuki alam pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang keperluan untuk

menyediakan pelajar-pelajar memasuki alam pekerjaan apabila tamat persekolahan nanti. Dalam usaha ke arah tersebut, Kementerian Pendidikan telah memasukkan Matapelajaran Kemahiran Hidup dalam Kurikulum Sekolah Rendah dan juga Menengah.

Selain dari itu, di peringkat menengah atas pula, pelajar-pelajar diberi pilihan untuk matapelajaran elektif dari berbagai kumpulan seperti kumpulan Kemanusiaan, kumpulan Vokasional dan Teknologi, kumpulan Sains dan kumpulan Pendidikan Islam.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin telah menyarankan supaya guru sandaran yang ada kelayakan diserapkan dengan memberikan latihan, memandangkan pada masa ini negara kekurangan guru untuk sekolah-sekolah kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak mengamalkan pengambilan guru-guru sandaran untuk diserapkan terus ke maktab-maktab perguruan, tetapi guru-guru sandaran yang berkelayakan boleh memohon program perguruan asas sepenuh masa melalui proses permohonan biasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah Mohd. Akim, Kementerian Pendidikan sentiasa memandang berat terhadap langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak sekolah untuk menentukan keselamatan diri pelajar. Sekolah telahpun mewujudkan satu sistem kawalan dan rekod yang kemas mengenai pergerakan keluar masuk orang-orang awam ke dalam kawasan-kawasan sekolah, termasuk juga kebenaran yang diberi untuk membawa murid keluar dalam masa persekolahan. Peraturan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan pelajar dan bukanlah untuk melepaskan tanggungjawab sekolah atau guru-guru terhadap pelajar seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program-program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada beberapa isu lagi yang telah ditimbulkan yang saya tidak sempat ulaskan di sini, tetapi perkara-perkara ini kita akan beri perhatian dan jika sesuai kita akan ambil tindakan yang diperlukan.

Jadi, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan juga penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan teguran terhadap Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Atas rayuan-rayuan yang khas, sekarang saya menjemput Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan akan diikuti dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

6.53 ptg.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh Kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman yang telah menyentuh mengenai Rukun Tetangga, di mana Yang Berhormat telah bertanya mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat begitu ghairah untuk menubuhkan Rukun Tetangga di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan, dan adakah jawatan-jawatan dalam Rukun Tetangga dilantik oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk menggalakkan rakyat dari berbilang kaum bergaul dan berinteraksi dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, Kerajaan memang berhasrat untuk memperluaskan liputan Skim Rukun Tetangga bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, tetapi juga di seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan perumahan yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Perluasan ke kawasan-kawasan perumahan akan dilakukan secara berperingkat mengikut kesesuaian dan keupayaan Jabatan Perpaduan Negara.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa sebanyak 69 kawasan Rukun Tetangga baru telah diwujudkan di seluruh negara setakat ini bagi tahun 1991 dan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur cuma satu sahaja kawasan Rukun Tetangga baru ditubuhkan sepanjang tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perlantikan ahli jawatankuasa adalah menurut peraturan yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga, 1975. Oleh yang demikian, adalah tidak tepat kenyataan bahawa perlantikan dilakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walau

bagaimanapun, masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat akan saya ambil perhatian.

Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin yang telah mengalu-alukan langkah Kerajaan yang memberi penekanan kepada program-program wanita khususnya memperkukuhkan Pusat Sumber Maklumat Wanita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Wanita Negara yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1989 membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam mengiktiraf sumbangan dan potensi kaum wanita di negara ini di dalam proses pembangunan negara. Untuk memastikan dasar itu dilaksanakan sepenuhnya oleh semua pihak, usaha-usaha sedang dibuat untuk menggubal Pelan Tindakan Kebangsaan untuk sektor-sektor penting seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, undang-undang, media, alam sekitar dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, usaha sedang diambil untuk mengukuhkan Pusat Sumber Maklumat Wanita supaya dapat berfungsi sebagai pusat rujukan dan perujukan mengenai maklumat-maklumat yang berkaitan dengan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Abdullah nampaknya juga sangat bersimpati dengan 60,000 orang gadis yang masih belum bersuami. Sebenarnya adalah memang betul perkara ini bukan di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat, saya akan menyiasat tentang perkara ini sama ada benar atau tidak, sama ada angka-angka tersebut benar atau tidak dan saya akan membuat penganalisan sama ada perkara ini akan menjadi masalah kepada negara ataupun tidak, dan seterusnya mengambil tindakan yang

sewajarnya. Kalau perlu, saya akan jemput Ahli Yang Berhormat untuk membantu memberi khidmat bakti untuk mengatasi masalah ini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

6.58 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1992 dan menyentuh tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid Abdullah telah mencadangkan supaya Kementerian berurusan dengan orang ramai perlu memberikan perkhidmatan yang sopan dan berkualiti. Berhubung dengan perkara ini, sukalah dimaklumkan bahawa Kementerian sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang sopan dan berkualiti. Perkhidmatan yang berkualiti adalah perkhidmatan yang memenuhi harapan dan memuaskan hati pelanggan. Pelanggan akan berpuas hati jika perkhidmatan yang diberikan adalah cepat, tiada kesilapan, mudah diperolehi, tidak

membebankan pelanggan dan disertai dengan layanan yang mesra dan bersopan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang bertanggungjawab dengan hal ehwal pengguna dan juga yang sendiri menjalankan beberapa perkhidmatan kaunter atau counter service, dengan izin, misalnya di Jabatan Pendaftaran Syarikat, Jabatan Pendaftar Perniagaan memang sentiasa memberi perhatian yang serius ke atas perkara ini dengan berpandukan kepada Pekeliling Kemajuan Pentadibrin Awam Bilangan 1 hingga 11 Tahun 1991.

Pekeliling-pekelling tersebut adalah merupakan pandangan mengenai peningkatan kualiti dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan yang merayu Kementerian supaya mengambil tindakan untuk menubuhkan undang-undang bagi Skim Jualan Mudah agar dapat menyekat rakyat daripada menjadi mangsa kepada bentuk perniagaan yang menjual pada harga yang tinggi melalui cara bayaran ansuran. Sukalah diberitahu di sini bahawa Skim Jualan Mudah yang dimaksudkan adalah merujuk kepada pembelian secara bayaran ansuran. Pihak Kementerian telahpun dan sedang mengambil tindakan bagi memastikan bahawa penjual tidak menjual barangan mereka dengan harga yang tinggi.

Baru-baru ini Akta Sewa Beli 1967 (disemak 1978) juga telah dipinda semula dan telah diluluskan. Pindaan Akta Sewa Beli yang baru telah mengambilkira berbagai aspek yang akan memastikan bahawa para pengguna tidak akan dieksploitasi oleh para perniaga yang menawarkan jualan melalui Skim Jualan Ansuran.

Sekiranya Skim Jualan Mudah yang dimaksudkan merujuk kepada jualan langsung yang banyak diamalkan oleh peniaga-peniaga pada masa ini dan perkara pengawalseliaan jualan langsung—perkara ini pun telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Rahim bin Baba maka dimaklumkan bahawa pihak Kementerian juga sedang dalam usaha mengkaji untuk mengadakan Akta berhubung dengan sistem perniagaan ini iaitu Akta Jualan Langsung yang dijangka dapat dibentangkan di Parlimen pada tahun hadapan. Akta ini kelak akan memastikan bahawa para pengguna tidak akan menjadi mangsa dan terpaksa membayar harga yang terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut telah menyentuh tentang pembabitian pendatang tanpa izin dalam perniagaan terutama dalam negeri yang telah mengencilkan peluang peniaga bagi bumiputera dan terpaksa bersaing. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian memang sedar akan perkara tersebut dan tindakan mengawasi serta penguatkuasaan undang-undang sentiasa dijalankan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, Kementerian akan merancang suatu tindakan bersepadu dengan berbagai agensi yang lain yang bertanggungjawab termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan untuk membanteras aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pendatang-pendatang tanpa izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan serta teguran yang boleh membantu Kementerian mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan menjemput Kementerian Pertanian selepas Kementerian Penerangan kerana kedua-dua Kementerian ini akan dijawab oleh Menteri yang sama. Sekarang saya menjemput Kementerian Kesihatan.

7.04 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah yang telah membuat beberapa teguran ke atas Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh meminta Kementerian Kesihatan memeriksa keadaan di persekitaran gerai-gerai makanan di mana kedudukan kesihatan tidak terjamin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa menarik perhatian Jabatan-jabatan berkenaan seperti Majlis-majlis Daerah di seluruh negeri untuk sentiasa menjaga kebersihan di persekitaran gerai-gerai makanan dan menyediakan kemudahan awam yang bersih.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang pesakit AIDS. Beliau ingin mengetahui adakah surat-surat mengenai rawatan pesakit dikeluarkan kepada waris pesakit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, surat mengenai penyakit dan rawatan AIDS tidak diberikan kepada sesiapa pun kecuali pesakit itu sendiri membenarkan berbuat demikian.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah menyentuh tentang penyakit AIDS dan tidak bersetuju cara

menghalang perebakan penyakit ini dengan menggunakan kondom. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mencegah AIDS melalui perhubungan seks, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan ialah menasihati setiap individu memastikan hubungan seks yang selamat. Ini dapat dilakukan dengan menghadkan hubungan seks kepada seorang pasangan yang saling setia sahaja seperti suami isteri, seperti yang dituntut oleh agama Islam dan juga lain-lain agama di negara ini.

Walau bagaimanapun, jika taraf kesihatan pasangan seks tidak diketahui, maka penggunaan kondom dapat mengurangkan risiko jangkitan kuman HIV. Mengenai pengawalan penyakit AIDS di kalangan pelacur, Kementerian Kesihatan sedang berbincang dengan lain-lain agensi Kerajaan mengenai peruntukan undang-undang untuk mengawal pelacuran di negara ini.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab di Dewan yang mulia ini, ia akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

7.07 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pertahanan, sukacita saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara dan juga memberikan teguran-teguran serta pandangan pada Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan membina lebih banyak rumah untuk anggota Tentera. Keperluan perumahan untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia pada masa ini adalah berjumlah kesemuanya 71,265 unit. Dari jumlah ini sebanyak 51.4% telah siap dibina pada akhir Rancangan Malaysia Kelima. Sebanyak 8,573 unit sedang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Daripada ini sebanyak 1,459 unit telah siap dalam tahun ini. Bakinya 7,114 unit dijangka siap dalam tahun 1992 dan 1993. Daripada baki keperluan 26,037 unit lagi, sebanyak 1,440 unit telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak \$95 juta dibina daripada peruntukan kewangan Rancangan Malaysia Keenam.

Kementerian sedar bahawa rancangan untuk menyiapkan kesemua jumlah ini akan memakan masa sekurang-kurangnya 10 tahun lagi. Untuk memendekkan tempoh ini, Kementerian sedang mengambil dua langkah iaitu, pertama, memohon peruntukan tambahan dalam masa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam dan, kedua, melaksanakan rancangan khas dengan badan-badan tertentu supaya Kerajaan tidak perlu mengeluarkan peruntukan kewangan tetapi boleh menggunakan aset tanah yang ada dalam pegangan Kementerian Pertahanan untuk dimajukan.

Menyentuh tentang Pasukan Simpanan Sukarela, sukacita dimaklumkan bahawa kekuatan anggota ialah seramai 20,861 orang pada masa ini. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pertahanan untuk memperkuatkan lagi Pasukan ini supaya ianya dapat membantu Pasukan Keselamatan di dalam keadaan-keadaan tertentu. Dalam usaha ini, peraturan-peraturan yang ada sekarang

akan dikaji semula supaya ianya dapat menarik minat para belia dan beliawanis untuk memasukinya.

Yang Berhormat juga menyarankan supaya Kementerian Pertahanan membeli pesawat pejuang yang lebih moden dan canggih. Kementerian Pertahanan dalam memutuskan untuk membeli pesawat-pesawat pejuang baru, terlebih dahulu mengkaji kesesuaian pesawat-pesawat tersebut dan keupayaan kewangan Kerajaan. Dalam hal ini, melalui MOU antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Britain, Kerajaan telah memutuskan untuk membeli 28 buah pesawat pejuang Hawk, 10 buah pesawat Hawk-100 dan 18 pesawat Hawk-200 dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Tentera Udara kita.

Yang Berhormat Senator Haji Ahmad bin Haji Abdullah pula menyarankan supaya pihak Kementerian Pertahanan menggantikan peralatan dan senjata yang telah lapuk untuk mengelakkan dari berlakunya kemalangan. Memang menjadi hasrat Kementerian Pertahanan untuk menggantikan peralatan-peralatan yang lama dengan peralatan-peralatan yang baru. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi mengganti atau mengubahsuaikan peralatan-peralatan tentera yang sedia ada dalam usaha untuk meningkatkan lagi keupayaan dan mengelakkan daripada berlakunya kemalangan yang tidak diingini. Selain daripada itu, persenjataan baru dan moden juga sedang didapatkan oleh Kementerian untuk meningkatkan lagi keupayaan angkatan tentera.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa menggalakkan para pegawai-pegawai atau anggota lain pangkat untuk meningkatkan lagi

pencapaian akademik mereka sejajar dengan perkembangan yang pesat sekarang ini. Daripada 8,113 orang pegawai angkatan tentera, seramai 488 pegawai berkelulusan diploma dan 382 pegawai berkelulusan ijazah yang mereka perolehi semasa sedang di dalam perkhidmatan dan bilangan ini dijangka akan meningkat dari masa ke semasa. Sementara itu anggota lain-lain pangkat pula dihantar mengikuti berbagai-bagai kursus yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth membangkitkan beberapa perkara, di antaranya ialah mencadangkan supaya ditubuhkan apa yang dipanggil, dengan izin, The Arm Forces Consultative Committee dalam usaha memberikan pandangan mengenai strategi dan syor-syor berkaitan dengan keselamatan negara. Ini adalah satu cadangan yang baik dan Kementerian Pertahanan akan mengkaji cadangan-cadangan ini dan jika bersesuaian akan diambil tindakan yang sewajarnya untuk dilaksanakan.

Berhubung dengan kemalangan-kemalangan helikopter dan pesawat pejuang TUDM kita, seperti mana telah dijelaskan dalam Dewan ini beberapa kali, Kementerian Pertahanan tidak melindungi apa-apa fakta di sini, tetapi daripada kenyataan adalah didapati hampir 90% daripada kemalangan-kemalangan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kesilapan manusia;
- (ii) kesilapan teknikal; dan
- (iii) gangguan binatang seperti burung dan juga cuaca buruk.

Jadi ianya tidaklah semestinya disebabkan oleh keadaan pesawat itu. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengambil tindakan-tindakan tertentu sekarang ini untuk memper-

tingkatkan keupayaan para juruterbang-juruterbang kita dan juga meningkatkan pembaikan serta mengadakan peralatan-peralatan yang moden ke atas pesawat-pesawat yang sedia ada dengan tujuan untuk mengelakkan ataupun supaya pesawat-pesawat ini berada di dalam keadaan yang lebih selamat untuk digunakan.

Tentang Seminar Keamanan sebagai usaha memberikan penerangan kepada orang ramai tentang ATM, perkara ini sedang dijalankan dari masa ke semasa oleh Kementerian melalui jabatan kita dan juga melalui ATM sendiri di berbagai-bagai unit dan perkara ini akan kita tingkatkan, termasuklah usaha-usaha kita dari segi mengadakan projek seperti tentera masuk desa dan sebagainya.

Berkenaan dengan Pasukan Simpanan Tentera, telah saya jawab tadi semasa menjawab soalan Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah. Berkenaan Rapid Deployment Force yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri, Kementerian Pertahanan bercadang untuk mengadakan pasukan ini dan tindakan sedang diambil untuk membuat persiapan bagi mengadakan peralatan dan juga kelengkapan-kelengkapan yang perlu untuk kita melancarkan program ini.

Yang akhir sekali ialah soal kebajikan anggota, disiplin dan moral. Perkara ini adalah dipertingkatkan dan diberi perhatian oleh Kementerian. Kita akan meneruskan latihan-latihan, penyemaian semangat, sikap setia-kawan dan juga menyediakan kemudahan-kemudahan dan juga syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik kepada anggota tersebut. Kita harapkan dengan itu maka peningkatan anggota-anggota kita akan dapat bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekali gus saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah memberikan cadangan-cadangan yang bernas, pandangan-pandangan yang baik untuk Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan untuk memberikan jawapan.

7.16 m/m.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan peruntukan Belanjawan 1992 yang menyentuh Kementerian Penerangan.

Yang Berhormat Senator Azman Atar Othman telah menyoal sama ada peruntukan yang diberikan kepada FINAS mencukupi atau tidak. Sebenarnya, Jawapannya tentulah tidak. FINAS memerlukan peruntukan yang besar bagi membantu dan membangunkan industri perfileman negara yang mana pada hari ini tidaklah di tahap yang kita banggakan. Namun demikian, peruntukan yang diberikan pada tahun 1992 adalah dirasakan mencukupi bagi FINAS melaksanakan program-programnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukacita saya menyatakan bahawa FINAS dengan peruntukan yang terhad mampu memiliki peralatan yang canggih dan moden dan mampu bersaing dengan mana-mana badan yang peranannya sama di rantau ini.

Berkenaan dengan filem-filem luar negeri yang disiarkan oleh RTM seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator yang sama, Yang Berhormat Menteri Penerangan telahpun mengarahkan agar filem-filem atau drama-drama tempatan mengambilalih

agar drama-drama atau filem-filem luar negeri menjelang tahun 2000 iaitu sekurang-kurangnya 80% daripada bahan penyiaran hendaklah keluar daripada negara kita sendiri.

Berkaitan dengan Kuiz Kenegaraan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah Mohd Salleh, Kuiz Kenegaraan akan diteruskan pada tahun 1992. Satu lagi program Kementerian yang akan dilakukan oleh Jabatan Penerangan adalah mengadakan Pertandingan Pidato Kenegaraan Peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan pada tahun hadapan. Program-program ini adalah bertujuan memupuk di kalangan masyarakat muda dan belia semangat cintakan negara dan sekali gus menyumbang ke arah peningkatan intelektualisme generasi muda.

Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut telah juga menyentuh Jabatan Penerangan dan mahukan peranan Jabatan Penerangan dipertingkatkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Penerangan melalui Jabatan Penerangan sentiasa mencari idea-idea baru serta pendekatan baru bagi kita mendampingi rakyat sebagai lidah dan telinga Kerajaan sesuai dengan ungkapan "Kerajaan dan rakyat berpisah tiada". Kita menyedari dari kajian yang dilakukan oleh Kementerian, bahawasanya lagi ramai rakyat yang memahami dengan lebih mendalam dasar-dasar Kerajaan maka lagi ramai yang menyokong Kerajaan.

Berkenaan dengan perkara penyiasatan penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan RTM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah Salleh, sukacita saya memaklumkan bahawasanya Yang Berhormat Menteri Penerangan adalah sangat peka dan memandang berat di atas perkara seperti ini. Beliau sendiri telah mengarahkan satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pegawai

yang tertinggi di Kementerian iaitu Ketua Setiausaha Kementerian dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dan Ketua-ketua Pengarah Jabatan-jabatan di dalam Kementerian ini untuk menyiasat dengan rapi di atas apa juga aduan berkenaan dengan kemungkinan penyalahgunaan peralatan. Sehingga hari ini Jawatankuasa ini telah bermesyuarat beberapa kali dan kini belum lagi ada kakitangan ataupun pegawai yang terbukti terlibat di dalam penyalahgunaan kuasa dan penyiasatan masih dijalankan.

Dan adalah tidak wajar bagi saya untuk menamakan sesiapa juga yang disyaki oleh kerana mengikuti prinsip undang-undang negara kita, dengan izin, a man is innocent, until provent guilty. Atau seseorang itu bebas dari sebarang kesalahan sehingga ianya terbukti bersalah. Dan adalah tidak adil bagi kita menghukum mana-mana kakitangan dan pegawai dengan menyebut nama-nama mereka sedangkan kita belum pasti kesalahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hak milik pawagam dan pendedaran filem-filem terbitan tempatan yang dikatakan dimiliki oleh orang lain. Sukacita saya nyatakan bahawa negara kita mengamalkan ekonomi bebas dan mengizinkan sesiapa juga yang mahu dan berkemampuan berniaga dalam apa juga bidang perniagaan yang dipilihnya. Namun, bagi memajukan filem-filem terbitan tempatan, Kementerian Penerangan melalui FINAS telah memberi berbagai insentif kepada pengeluar-pengeluar atau penerbit filem antaranya adalah syarat wajib tayang di mana pawagam tempatan dimestikan menayang filem-filem tempatan mengikut jadual yang dipersetujui oleh pihak FINAS dan oleh pihak pengeluaran filem. Dengan cara yang demikian tidak timbul masalah di mana filem-filem tempatan kita tidak mendapat ruangan di pawagam tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, RTM menyedari masih ada lagi kelemahan-kelemahan tertentu di dalam drama-drama yang disiarkan dan dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar drama tempatan dan sedang berusaha untuk memperbaiki dengan menentukan drama-drama yang mengandungi ciri-ciri pembentukan minda dan akhlak diperbanyakkan pada tahun-tahun muka.

Sebenarnya, penulisan skrip adalah intipati yang amat penting dalam menghasilkan satu-satu drama yang baik. Kelemahan ini adalah sangat ketara dalam drama-drama tempatan pada masa kini. Dalam hal ini juga saya telah merayu kepada para sasterawan, ahli-ahli sejarah dan para intelektual dan para akademik supaya tampil ke hadapan memainkan peranan mereka dengan menulis skrip bagi tujuan meningkatkan mutu drama itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri jawapan bagi Kementerian Penerangan, saya sukalah hendak menyangkal di atas dakwaan seorang Ahli Yang Berhormat Senator tadi yang menyatakan bahawasanya peranan dan fungsi Kementerian Penerangan pada hari ini adalah kurang berkesan kalau dibandingkan dengan masa-masa yang lampau.

Sebenarnya kita tidak boleh mengambil kiraan Jabatan Penerangan itu tersendiri kerana Kementerian Penerangan bergerak secara integrated bersama-sama dengan media-media elektronik yang ada. Jadi, kalau kita kira pada hari ini dengan adanya media elektronik seperti televisyen tiga rangkaian, radio enam rangkaian bersama-sama dengan radio-radio tempatan, adalah didapati bahawa penetration rates ataupun kadar kita memberi maklumat adalah lebih tepat, lebih terkini dan lebih berkesan daripada masa-masa yang silam dan ini tidak terkecuali kepada mana-mana golongan termasuk golongan Orang

Asli. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawasanya Orang Asli juga telah mendapat didikan yang baik di atas kejayaan dasar Kerajaan kita dan oleh kerana itu mereka sekarang juga mempunyai radio dan televisyen dan mampu menerima maklumat-maklumat daripada Kementerian Penerangan.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang ke arah membaiki lagi perjalanan Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

7.23 *mlm.*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 di Dewan ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid Abdullah telah membangkitkan masalah tanah terbiar dan menggesa supaya usaha yang bersungguh-sungguh diambil untuk mengatasinya.

Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa usaha-usaha memulihkan tanah terbiar adalah dibawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Luar Bandar sementara Kementerian Pertanian bertanggungjawab memulihkan tanah sawah terbiar.

Mengenai tanah sawah terbiar, usaha memulihkan diberi keutamaan kepada tuan tanah atau melalui Pertubuhan

Peladang Kawasan berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang tanah sawah terbiar seluas 27,000 hektar telah dipulihkan oleh tuan tanah dan Pertubuhan Peladang pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut telah membangkitkan beberapa perkara iaitu penubuhan Pusat Maklumat Perikanan, penggunaan kad pengenalan nelayan, penubuhan Pusat Pengeluaran Benih dan Industri Tiram yang masih belum diterokai oleh bumiputera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai penubuhan Pusat Maklumat Perikanan, Jabatan Perikanan telah menubuhkan 4 buah Pusat Pengembangan Perikanan Laut iaitu di Kuala Besut, Kuala Sedili, Manjung, Batu Maung untuk menyebarkan maklumat mutakhir mengenai teknologi perikanan termasuk teknik-teknik penangkapan ikan. Pusat-pusat ini dilengkapi dengan kemudahan latihan yang cukup serta dikendalikan oleh kakitangan Jabatan yang terlatih.

Mengenai penubuhan Pusat Pengawalan Benih, dimaklumkan pada masa ini terdapat dua buah pusat jabatan yang mengeluarkan benih ikan air tawar iaitu di Bukit Tinggi, Pahang dan di Jitra, Kedah. Di samping itu terdapat juga aktiviti-aktiviti pengeluaran benih di Pusat Latihan Enggor di Perak dan Pusat Penyelidikan Batu Berendam, Melaka. Kesemua benih-benih ini dibekalkan sama ada secara percuma kepada penternak yang layak atau dijual.

Bagi pengeluaran benih udang galah dan udang laut terdapat tiga buah pusat pengeluaran Jabatan iaitu di Pulau Sayak, Kedah, Kampung Aceh, Perak; Sabak, Kelantan untuk menampung permintaan daripada penternak.

Usaha-usaha sedang diambil untuk membangunkan tiga pusat perikanan darat iaitu di Kenyir, Terengganu; Pulau Banding di Perak dan Jerantut di Pahang di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai industri tiram, dimaklumkan bahawa percubaan penternakan tiram telah dimulakan pada tahun 1988 dan telah menunjukkan kejayaan sejak awal tahun 1991 lagi. Projek ini mendapat bimbingan dan bantuan teknikal dari Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah Bank of Bengal Programme (BOBP) dan masih berjalan di peringkat awal. Setakat ini tapak-tapak percubaan yang telah berjaya ialah di Batu Lintang, Kedah, Kampung Teluk dan Kampung Telaga Nenas di Setiawan, Perak dan di Setiu dan Merchang di Terengganu. Semua projek-projek ini melibatkan lebih kurang 15 orang peserta bumiputera.

Usaha-usaha sedang dijalankan oleh Jabatan Perikanan untuk mengembangkan perusahaan ini dengan cara menambahkan bilangan peserta dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal kad pengenalan nelayan dan dimaklumkan bahawa dengan adanya program pendaftaran nelayan dan pengeluaran kad pada nelayan, mereka yang bekerja sebagai nelayan dapat dikenal pasti dan ini perlu bagi membolehkan perancangan untuk kebajikan mereka. Yang kedua, dapat membezakan mereka dari golongan lain yang terlibat di dalam kegiatan menangkap ikan. Ketiga, dapat memberi keutamaan dalam permohonan dan penyertaan dalam projek-projek Kerajaan. Program ini juga dapat mewujudkan maklumat dan data nelayan keseluruhannya serta kawalan yang berkesan ke atas jumlah nelayan dan mereka yang bekerja di atas bot-bot penangkapan ikan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah jawapan bagi pihak Kementerian Pertanian ini yang dibangkitkan dan di mana yang perlu tindakan akan diambil atas cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk memberikan jawapan.

7.29 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menggulungan perbahasan untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut supaya mengenakan denda yang tinggi kepada mereka yang menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti asap kenderaan, pembakaran dan pembuangan sampah sarap, saya ingin menjelaskan bahawa sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyemak semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Di antara lain tujuan penyemakan semula ini ialah untuk meningkatkan kekesan pengawalan dan pencegahan pencemaran selaras dengan kepesatan pembangunan ekonomi di negara ini.

Kajian juga adalah ditumpukan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang lain berkaitan dengan alam sekitar dengan tujuan untuk menghasilkan kadar pengawalan dan pemeliharaan alam sekitar yang lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros serupa melaksanakan penilaian kesan kepada alam sekeliling sebelum melaksanakan

projek-projek pembangunan. Saya ingin menjelaskan bahawa undang-undang mengenai penilaian kesan alam sekeliling (EIA) telah dikuatkuasakan sejak 1.4.1988. Aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada EIA telah ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling 1987.

Melalui prosedur-prosedur EIA ini akan dapat meramalkan kesan-kesan negatif dan unsur-unsur yang mungkin mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Dengan demikian, langkah pencegahan akan dapat diambil perhatian pada peringkat yang awal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh, Tuan Shuib bin Endut dan juga Tuan Abdul Rashid bin Ismail supaya mengambil tindakan ke atas pembuangan terjadual yang tidak mengikut peraturan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa program telah dikenalpasti dan sedang dilaksanakan bagi menguruskan buangan terjadual. Di antara program ini ialah meningkatkan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling, 1989 di setiap negeri. Tujuannya ialah untuk memastikan supaya pembuangan terjadual tidak dilupuskan di tempat-tempat yang tidak dibenarkan sehingga membahayakan orang ramai. Satu kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual sedang diusahakan oleh sebuah konsortium swasta. Kemudahan ini dijangka akan dapat beroperasi menjelang dua hingga 3 tahun lagi. Sementara itu semua sektor industri yang menghasilkan buangan terjadual di minta menyimpan buangan tersebut di tempat-tempat yang selamat sehingga kemudahan itu siap kelak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Mohd Salleh ke atas reka cipta pengilat kasut automatik yang dihasilkan oleh kumpulan pelajar, saya ingin

menjelaskan bahawa hasil-hasil rekacipta termasuk pengilat kasut automatik masih perlu melalui beberapa proses sebelum diperdagangkan. Kementerian ini adalah memberi galakan kepada perekacipta-perekacipta dalam menghasilkan rekacipta masing-masing. Untuk itu Kementerian ini sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah badan yang khusus bagi mengendalikan usaha-usaha rekacipta yang dihasilkan oleh kumpulan atau orang perseorangan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah yang telah meminta supaya mengawasi kilang-kilang haram, saya ingin menjelaskan bahawa penguatkuasaan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar lazimnya hanya dikenakan kepada kilang-kilang yang berdaftar sahaja. Ini adalah disebabkan bahawa Kementerian ini tidak mempunyai rekod ke atas aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kilang-kilang haram, iaitu sama ada kilang-kilang tersebut menghasilkan buangan yang terjadual atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kejayaan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bergantung kepada penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin untuk terus memberi sokongan dan turut melibatkan diri dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti Kementerian ini. Sekiranya terdapat isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya menjawabnya, saya akan mengambil perhatian ke atas isu-isu tersebut untuk diambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Kementerian Sumber Manusia.

7.34 *ptg.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapha bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menggulung bagi pihak dua Kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Yang Berhormat Senator Tuan V. K. Sellapan telah membangkitkan bahawa kini terdapat kurang sambutan daripada kaum wanita untuk bekerja di kilang-kilang kerana mendapati masalah untuk menjaga anak. Beliau seterusnya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan pusat jagaan anak-anak di kawasan perindustrian untuk menarik lebih ramai wanita yang telah berkahwin bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia berpendapat sambutan tenaga pekerja wanita untuk bekerja di kilang-kilang adalah baik. Pada masa ini penyertaan kaum wanita untuk bekerja di kilang adalah kira-kira 60% daripada jumlah pekerja kilang sebanyak 250,000 orang semuanya. Walau bagaimanapun, berikutan kekurangan tenaga kerja di sektor pembuatan, Kementerian Sumber Manusia telah mencadangkan supaya kilang-kilang membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai suri rumah. Bagi menggalakkan suri rumah keluar bekerja, majikan-majikan digesa mengada serta mengendalikan sendiri pusat asuhan kanak-kanak di setiap kilang masing-masing. Satu Jawatan-kuasa Kebangsaan di bawah Kementerian Sumber Manusia akan ditubuhkan tidak lama lagi untuk mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil bagi menggalak dan memudahkan para majikan menubuhkan pusat-pusat asuhan kanak-kanak di kilang-kilang mereka.

Yang Berhormat Senator Sellapan juga mencadangkan supaya pekerja-pekerja ladang diberi gaji bulanan. Saya ingin menjelaskan bahawa cara penetapan gaji di sektor swasta di mana wujudnya Kesatuan Sekerja adalah melalui rundingan dan perjanjian bersamadi antara Kesatuan Pekerja dengan majikan atau Kesatuan Sekerja pihak majikan. Di sektor perladangan pihak Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu dan Persatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang telah mewujudkan beberapa perjanjian bersama yang meliputi kadar gaji serta lain-lain syarat pekerjaan bagi berbagai jenis pekerja ladang. Cara pembayaran gaji di sektor ini adalah sebagai mana yang telah dipersetujui di antara kedua-dua pihak tersebut dan Kerajaan tidak seharusnya campur tangan.

Mengenai syor Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay yang menggesa Kerajaan mengubah sikap muda-mudi tempatan supaya bekerja di sektor-sektor yang kekurangan pekerja, saya ingin memaklumkan bahawa semua agensi Kerajaan yang berkenaan seperti Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha ke arah matlamat ini. Berbagai program sedang dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada belia-belia negara mengenai peluang-peluang kerja yang ada melalui ceramah-ceramah, bengkel-bengkel dan berbagai khemah kerja serta risalah-risalah mengenai peluang pekerjaan yang di keluarkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menggulung bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, antara isu-isu yang dibangkitkan mengenai Kementerian ini termasuklah mengenai isu-isu Kerajaan Tempatan, kebombaan, rancangan bandar dan perumahan.

Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah telah menyentuh mengenai kebersihan dan kemudahan gerai-gerai

makanan. Kementerian menghargai pandangan ini. Kementerian sentiasa memberi nasihat dan garis panduan kepada pihak Berkuasa Tempatan untuk menentukan kebersihan premis makanan dan memastikan kemudahan-kemudahan awam seperti tandas adalah bersih dan mencukupi. Pemeriksaan ke atas premis makanan ini dibuat oleh pihak berkuasa tempatan setiap kali sebelum lesen diperbaharui ataupun semasa permohonan lesen baharu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelenggaraan kawasan perindustrian, khususnya dari segi penjagaan kebersihan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay, sukacita di maklumkan bahawa Kerajaan telah membuat keputusan supaya pengurusan penyelenggaraan kawasan perindustrian di swastakan. Dengan langkah ini adalah diharapkan bahawa masalah kebersihan ini dapat diatasi.

Menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah supaya Jabatan Bomba diberi peruntukan yang lebih untuk membina balai-balai bomba di setiap daerah, saranan ini amat disanjung oleh Kementerian dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian memang memberi perhatian berat ke atas perkara yang dibangkitkan dan di dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak \$138 juta telah diperuntukkan untuk membina 65 buah balai bomba.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai langkah-langkah untuk mengatasi masalah projek rumah terbengkalai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Majid, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama-sama dengan Kementerian Kewangan sedang melaksanakan langkah-langkah pemulihan ke atas projek-projek

tersebut melalui kerjasama dengan pihak-pihak yang terlibat termasuk pihak institusi Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan memajukan projek perumahan, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad telah mencadangkan agar pihak swasta dan Kerajaan Negeri lebih menekankan ke atas pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi menampung keperluan rumah kepada golongan berpendapatan rendah dan rakyat yang tidak mempunyai rumah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan projek rumah kos rendah memang diberi perhatian oleh Kerajaan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam sejumlah 303,000 unit rumah kos rendah akan dibina.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah telah menyarankan supaya Jabatan Perancang Bandar dan Desa turut memberikan perhatian kepada pembangunan infrastruktur desa dan tidak hanya dibandar-bandar sahaja. Sukacita dimaklumkan bahawa sememangnya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memberi perhatian yang serius kepada pembangunan infrastruktur desa dan Jabatan sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan Bandar dalam hal ini.

Saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput wakil Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk memberikan jawapan. (*Tiada jawapan*) Seterusnya saya menjemput Kementerian Belia dan Sukan untuk memberikan jawapan.

7.40 m/m.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Secara umumnya, Yang Berhormat Senator Saidin Mohamad, Yang Berhormat Senator Azman Atar, Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah dan Yang Berhormat Senator Shuib Endut telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan program di bawah kegiatan belia. Saya ingin menyimpulkan bahawasanya Kementerian belum berpuas hati dengan perkembangan dan kegiatan-kegiatan belia yang ada pada masa ini dan mulai tahun hadapan kita akan mengambil tindakan-tindakan berasaskan kepada 10 strategi yang berikut:

- (i) mempergiatkan Majlis Perundingan Belia Negara dengan mengadakan sekurang-kurangnya tiga sesi perundingan pada setiap tahun dan menimbangkan untuk memperluaskan penyertaan ahli-ahlinya;
- (ii) mengadakan Kongres Belia Nasional yang pertama pada tahun hadapan dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia;
- (iii) mempergiatkan Majlis Belia Negeri-negeri yang wujud di seluruh negara dan semua Majlis-majlis Belia Daerah termasuk mengkaji kemungkinan untuk mengadakan pusat pentadbiran Belia Negeri secara bersepadu bagi kegunaan semua persatuan di peringkat Negeri;
- (iv) meneruskan pelaksanaan Program Induk Belia Negara

secara bersama dengan Majlis-majlis Belia Negeri;

- (v) mewujudkan gerakan Belia Pelopor di kesemua daerah-daerah di seluruh negara;
- (vi) memperbanyakkan kegiatan Kementerian dengan menumpukan kegiatan-kegiatan di peringkat bawah atau, dengan izin, at grass-root level;
- (viii) melaksanakan penyusunan organisasi dan menambahkan bilangan kakitangan, seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Azman Atar dan Senator Shuib, di semua peringkat terutamanya di peringkat-peringkat Daerah dan satu cadangan telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan perkara tersebut dilaksanakan;
- (ix) meneruskan usaha gerakan budaya kerja cemerlang di sektor sosial untuk memberikan latihan dan bimbingan kepada para pemimpin belia agar mentadbirkan persatuan mereka dengan cara lebih teratur;
- (x) menyelaras skim-skim insentif dan anugerah-anugerah belia termasuklah Anugerah Belia Negara, kategori kepimpinan dan kategori persatuan, Anugerah Inovasi Belia serta Anugerah Remaja Perdana Menteri;
- (xi) menumpukan kepada program Bina Negara.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah bertanyakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan sukan. Secara umumnya, saya ingin menjelaskan Kementerian berpuashati dengan pencapaian kontinjen negara di Sukan SEA yang lalu. Walaupun pencapaian dari segi bilangan pingat

tidaklah setinggi semasa negara menjadi tuan rumah, tetapi perbandingan tidak boleh sama sekali dibuat dengan pencapaian pada masa itu kerana jenis-jenis pertandingan atau acaraacara dipertandingkan adalah berbeza.

Secara umumnya, terdapat sukan-sukan yang telah mencapai prestasi lebih tinggi daripada dijangkakan seperti karate-do, wushu dan gimnastik. Terdapat empat jenis sukan yang telah menepati sasaran dalam perancangan iaitu sepak-takraw, menembak, bowling dan pingpong. Terdapat juga jenis-jenis acara yang hampir menepati acara yang hampir menepati sasaran yang ditentukan seperti olahraga, badminton, lumba basikal dan taekwando, hanya renang yang jauh lari daripada sasaran kerana ketiadaan Nurul Huda Abdullah kerana kecederaan dan May Tan yang terpaksa menghadiri peperiksaan dan tak dapat mewakili negara. Sukan-sukan seperti memanah, bola keranjang, tinju, golf, tenis, bola tampar, angkat berat dan squash, memang telah dijangkakan tidak akan mencapai kejayaan di sukan tersebut.

Secara keseluruhannya, Kementerian telah dapat mengenalpasti beberapa masalah dan tindakan-tindakan yang positif perlu diambil segera bagi memastikan dan menjamin prestasi sukan negara di masa akan datang dapat diperbaiki, terutamanya dengan memperluaskan jenis-jenis sukan yang belum dimajukan di negara ini tetapi dipertandingkan di sukan-sukan antarabangsa seperti SEA Games dan ASEAN-Games. Satu Jawatankuasa telahpun dibentuk dan satu perancangan akan diwujudkan berasaskan kepada perancangan 8 tahun di mana Majlis Sukan Negara akan mengkaji segenap cadangan yang akan dikemukakan oleh persatuan-persatuan sukan bagi membolehkan tindakan-tindakan selanjutnya dilakukan.

Atas pertanyaan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengharamkan sukan tinju, belum ada cadangan buat masa ini dan kita masih berpendapat sukan tinju secara amatour yang dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu tidaklah membahayakan sepertimana yang disangkakan oleh banyak pihak.

Begitu juga dengan persoalan daripada Senator Tuan Haji Isli Haji Siput dari Labuan bahawasanya kemudahan-kemudahan memang disediakan dalam pelbagai bentuk untuk membolehkan para belia menceburi diri dalam pelbagai bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengulas lebih lanjut, segala cadangan yang tidak dapat diberikan ulasan pada masa ini, insya Allah, kita akan tetap juga memberikan perhatian yang sewajarnya atas teguran dan pandangan yang telah diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, pada akhirnya, saya menjemput Yang Berhormat wakil dari Kementerian Kewangan untuk memberikan jawapan.

7.47 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang di hadapan Dewan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merujuk kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan terlebih dahulu ingin saya menegaskan bahawa kita perlu meningkatkan usaha untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan lagi, memandangkan kepada pergolakan ekonomi pada

keseluruhannya dan perkembangan politik dunia serta kemunculan penubuhan blok dagangan di kalangan negara-negara maju akan menyebabkan perubahan dalam pertalian ekonomi di antara negara-negara.

Dalam pada itu, ekonomi negara kita akan terus menghadapi cabaran berbentuk pasaran buruk yang lebih ketat dan kemungkinan peningkatan kos disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Oleh itu, kita hendaklah terus berganding bahu di antara sektor awam dan sektor swasta dan juga pihak pekerja-pekerja bagi membantu meningkatkan daya saing ekonomi negara supaya Malaysia kekal dari segi pertumbuhan dan juga akan menjadi pusat pelaburan dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Azman Atar mengenai cadangannya agar Kerajaan mengurangkan jumlah import ke atas input ataupun bahan-bahan mentah bagi sektor pembuatan. Di sini, ingin saya menjelaskan bahawa untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian, Kerajaan membenarkan bahan-bahan mentah diimport dari negara luar hanya apabila bahan-bahan mentah itu tidak boleh diperolehi daripada pasaran tempatan ataupun kualiti bahan mentah tempatan itu memang tidak setaraf dengan kualiti bahan mentah yang diimport. Ini adalah diberi keutamaan apabila keluaran-siap kilang-kilang tersebut adalah dikeluarkan untuk pasaran eksport.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Tan Gim Hwa dan juga Senator Munisamy mengenai Cukai Perkhidmatan yang dikatkaan akan menjejaskan kadar inflasi negara dan kedudukan golongan berpendapatan rendah. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Cukai Perkhidmatan ini tidak dijangka memburukkan keadaan inflasi

kerana ianya akan dikenakan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang digunakan oleh golongan yang berada sahaja.

Mengenai Cukai Perkhidmatan Profesional, tahap jumlah jualan tahunan minimum sebanyak \$300,000 yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi sesebuah firma profesional dengan sendirinya menentukan bahawa mereka yang berpendapatan rendah seperti penjaja dan pengusaha kecil boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut daripada firma-firma yang tidak diwajibkan mengenakan Cukai Perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan mereka. Oleh yang demikian, pengenaan Cukai Perkhidmatan tidak perlu ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Rahim Baba dan juga Ahli Yang Berhormat Ding Seling mengenai isu pemberian mengikut bilangan penduduk ataupun, Capitation Grant, dengan izin, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan akan mengemukakan cadangan untuk mengkaji semula pemberian tersebut berdasarkan kepada kaedah yang baru dalam mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada bulan Februari 1992 nanti. Jika sekiranya cadangan ini dipersetujui, maka setiap Kerajaan Negeri termasuk Sarawak akan mendapat pertambahan daripada pemberian ini.

Seterusnya saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan mengenai kedudukan kontraktor Kelas F di mana sebelum kontraktor Kelas F ini didaftarkan dengan Pusat Khidmat Kontraktor, syarat kewangan diperlukan seperti berikut, iaitu simpanan purata dalam bank untuk tiga bulan kebelakangan hendaklah sekurang-kurangnya \$5,000; mempunyai simpanan tetap di bank sekurang-kurangnya \$5,000 untuk tiga bulan kebelakangan.

Ingin saya menyatakan bahawa deposit yang disyaratkan tersebut tidak dipegang oleh PKK tetapi masih dimiliki oleh kontraktor dan kontraktor Kelas F berkenaan boleh menggunakan simpanan tersebut sebagai modal kerja sebaik sahaja PKK meluluskan pendaftaran mereka.

Seterusnya saya ingin maklumkan juga bahawa Kerajaan menggunakan tiga cara sebelum menawarkan kontrak kepada pemborong Kelas F. Cara-caranya ialah:

- (i) Undian berasaskan giliran;
- (ii) Memanggil sebutharga bagi nilai kontrak yang kurang daripada \$50,000; dan
- (iii) Memanggil tender bagi nilai kontrak yang lebih daripada \$50,000.

Bagi kaedah undian dan sebutharga agensi berkenaan boleh memilih salah satu daripada dua cara yang sesuai baginya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Salbiah untuk menimbangkan supaya Kerajaan tidak mengenakan susutan 30% ke atas pencen terbitan yang dibayar kepada balu dan duda selepas 12 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini mempunyai implikasi kewangan, oleh yang demikian, pihak Kementerian perlu mengambil penelitian yang sewajarnya mengenai cadangan ini.

Sementara itu pula, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Salbiah mencadangkan supaya pencen terbitan terus dibayar selepas balu dan duda berkahwin semula.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini sukar untuk dipertimbangkan oleh kerana asas pengwujudan pencen

terbitan ini ialah untuk tujuan pembiayaan kos belanja hidup tanggungan pegawai perkhidmatan awam yang bertaraf berpencen yang telah meninggal dunia dan dengan itu mengakibatkan tanggungannya hilang punca pencarian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jika sekiranya balu-balu berkahwin semula, maka pencen terbitan tersebut akan dibayar kepada anak-anak dan tanggungannya pula. Ini adalah kerana balu yang berkahwin semula adalah menjadi tanggungan suaminya yang baru. Sewajarnya begitulah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dahalan mengenai cadangannya supaya bayaran insurans terus dibuat kepada pemegang polisi bukannya kepada workshop bengkel yang membaiki kereta.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa pihak Ketua Pengarah Insurans pada ketika ini sedang meneliti secara mendalam dan menyeluruh tentang masalah berkaitan dengan industri insurans itu sendiri. Adalah diakui bahawa masalah ini tidak sahaja di peringkat syarikat insurans bahkan ianya perlu diperbetulkan di peringkat perantaraan seperti ejen-ejen insurans, kereta-kereta yang menarik kereta yang rosak dan seterusnya mereka yang membaiki kereta-kereta yang menuntut pembayaran insurans.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dahalan bahawa cadangan Yang Berhormat itu akan diambil kira oleh pihak Ketua Pengarah Insurans supaya akhirnya industri insurans ini dapat kita pertingkatkan dari segi prestasinya bukan sahaja sebagai satu industri yang

tumbuh dengan segar tetapi untuk menjamin kepentingan pemegang-pemegang polisi insurans.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengenai mengapa pihak Wilayah Persekutuan tidak diberi peruntukan capitation grant seperti negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin merujuk kepada peruntukan Perlembagaan negara di mana capitation grant ini disalurkan melalui sumber Perlembagaan negara itu sendiri. Adalah benar bahawa capitation grant itu berdasarkan kepada setiap kepala yang ada dalam negara kita ini tetapi digariskan berdasarkan kepada mereka yang wujud dalam sesebuah negeri. Maka kalau perlu diberi capitation grant untuk Wilayah Persekutuan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, maka perlu dirujuk semula kepada peruntukan Perlembagaan itu sendiri.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengenai tindakan pihak Bank Negara agak terlalu perlahan bahkan lembab, ingin saya menyambut dengan mengatakan bahawa dalam semua perkara, pihak Bank Negara perlu mendapatkan maklumat yang tepat tentang perkara-perkara dalam bidang kuasanya dan selepas daripada itu jika sekiranya ada amalan-amalan yang negatif, yang berlaku dalam pasaran kewangan maka pihak Bank Negara terlebih dahulu perlu menasihatkan masyarakat supaya terhindar daripada amalan-amalan tersebut supaya mereka dengan secara sukarela, dengan secara keinsafan menghindarkan diri daripada amalan-amalan itu. Hanya jika sekiranya perkara itu berlarutan maka pihak Bank Negara perlu merujuk kepada peruntukan Akta Bank dan

Institusi Kewangan untuk tindakan pihak Bank Negara hendaklah lebih daripada itu untuk dirujuk kepada pihak Polis untuk tindakan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, langkahnya adalah berperingkat-peringkat dan sewajarnya masyarakat memahami kalau sekiranya masyarakat dapat menerima nasihat lebih awal lagi, maka banyak amalan-amalan negatif dapat dihindarkan daripada berlarutan dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rashid mengenai bank tempatan tidak seharusnya menjadi mangsa persaingan, ingin saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa perkara ini tidak sepatutnya berbangkit kerana pihak Bank Negara untuk tiga tahun yang lalu telahpun membuat langkah-langkah supaya suasana industri institusi kewangan pada keadaan yang amat adil di antara satu dengan yang lain untuk memainkan peranan masing-masing. Dan kalau sekiranya ada berlaku persaingan ianya berdasarkan kepada peraturan-peraturan peruntukan-peruntukan yang mengizinkan setiap daripada mereka untuk membuktikan bahawa mereka mampu berada dalam pasaran berdasarkan kepada kecekapan pengurusan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Salam supaya kontraktor bumiputera diberi lebih banyak lagi kerja-kerja berdasarkan kepada rundingan terus. Ingin saya maklumkan di sini bahawa dalam kerja-kerja yang tertentu pihak Kementerian Kewangan dengan persetujuan daripada jabatan-jabatan yang berkenaan memanggil tender terhad kepada bumiputera sahaja. Jadi, kalau sekiranya saingan berlaku dalam hal ini, saingan di antara kontraktor-

kontraktor bumiputera Dan seterusnya jika sekiranya ada ruang untuk dibuat secara rundingan terus, ingin saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa Kementerian Kewangan mengambil pendirian, mengambil langkah supaya mengizinkan rundingan terus dibuat di antara jabatan dan Kementerian Kewangan dengan pihak syarikat-syarikat konsortium bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat konsortium ini adalah mewakili kepentingan kontraktor-kontraktor sama ada di peringkat kebangsaan ataupun mewakili kontraktor-kontraktor yang bergabung di peringkat negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, inilah cara-caranya untuk mengizinkan kontraktor bumiputera mendapat kerja-kerja berdasarkan kepada rundingan terus ataupun berdasarkan kepada restricted tender, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang dapat saya sambut untuk menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut sama bangun membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan mengucapkan terima kasih di atas segala cadangan untuk kita sama-sama meningkatkan kemampuan kita menguruskan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini

dibacakan bagi kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menangguhkan persidangan Mesyuarat ini sehingga hari Isnin mulai pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.